

Jilid I
Bil. 32



Hari Khamis
25hb November, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4059]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—

Jadual—

Maksud B. 45 hingga B. 47 [Ruangan 4100]

Maksud B. 48 [Ruangan 4150]

Maksud B. 49 dan B. 50 [Ruangan 4186]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat [Ruangan 4099]

Anggaran Pembangunan, 1983:

Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—

Maksud P. 45 hingga P. 47 [Ruangan 4100]

Maksud P. 48 [Ruangan 4150]

Maksud P. 49 dan P. 50 [Ruangan 4186]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATOK MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P, S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.
(Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN
HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Yang Berhormat Menteri, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang DiPertua, DATO' DR. HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. LING LIONG SIK D.P.M.P (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K., (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATOK' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (JOHOR BAHRU).
- „ TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFFA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Pematang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN
HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON
PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan
Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL
KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN
(Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan
Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS
(Murudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Bentong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

- Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ Tuan Fung Ket Wing (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

Yang Berhormat TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).

- .. TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- .. TUAN AHMAD SHAH BIN DATO' HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- .. TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- .. TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- .. DATO' HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSUF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- .. TUAN NG CHANG KUAI (LUMUT).
- .. DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- .. TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P.
(Padang Terap).

„ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).

„ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

„ Wan Ibrahim bin Wan Abdullah (Pasir Mas).

„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).

„ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN YAHYA BIN ZAKARIA (Bagan Datok).

„ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

„ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 25hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua Mem-pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANJALAN DARI PARIT KE
TELOK INTAN/SABAK BERNAM—
PENYENGGARAAN

1. **Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau mempunyai rancangan untuk mengambilalih penyenggaraan semua jalan-jalan yang pada masa ini di bawah jagaan Kerajaan-kerajaan Negeri seperti jalan dari Parit ke Telok Intan dan Sabak Bernam memandangkan jalan ini digunakan oleh kenderaan berat dan ringan walaupun jalan ini dibina untuk kegunaan kenderaan-kenderaan yang beratnya tidak melebihi 13 tan dan jalan ini adalah dalam keadaan yang sangat buruk dan jika ia, bila.

Menteri Kerjaraya dan kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua bertanggungjawab Kerajaan Persekutuan atas penyenggaraan jalan-jalan raya adalah terhad kepada jenis-jenis jalan-jalan raya yang ditentukan di bawah Perlembagaan Malaysia. Ini termasuklah jalan-jalan yang

menghubungi ibu-ibu negeri, jalan-jalan yang menuju ke lapangan terbang, pelabuhan-pelabuhan dan jalan-jalan keselamatan. Yang demikian, soal mengambilalih penyenggaraan jalan-jalan raya yang pada masa ini di bawah jagaan Kerajaan Negeri itu tidaklah timbul.

Berhubung dengan jalan dari Parit ke Telok Intan dan Sabak Bernam itu Kerajaan Persekutuan tidak menerima apa-apa permohonan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengambilalih jalan ini sebagai Jalan Persekutuan, dan sekiranya apa-apa permohonan dibuat maka ianya akan ditimbang mengikut Peruntukan Perlembagaan Malaysia.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, Soalan tambahan. Berhubung dengan masalah jalan-jalan yang dibawah Kerajaan-kerajaan Negeri selalunya mengalami kerosakan disebabkan kenderaan-kenderaan berat. Adakah Kementerian ini ada memberi kerjasama bagi membaiki jalan-jalan tersebut, dan jika ya, apakah sumbangan Kementerian Kerjaraya dan kemudahan-kemudahan Awam kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam masalah-masalah jalan-jalan tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Persekutuan telah mengadakan Pemberian Jalan-jalan Negeri (State Roads Grant) atas kadar \$9,300 sebatu. Penyenggaraan ini adalah termasuk belanja membaiki dan menyenggara apa-apa jambatan

viadak atau pembetung yang menjadi sebahagian daripada jalan mengikut peruntukan Artikul 109 dan jadual ke 10 Perlembagaan Malaysia. Dengan itu, tanggungjawab untuk memperbaiki jalan-jalan yang rosak di tiap-tiap negeri ialah di dalam tangan Kerajaan Negeri.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua soalnya ialah berhubung dengan jalan-jalan yang di bawah tadbiran Kerajaan Negeri tetapi pada hari ini fungsinya telah menjadi jalan yang penting yang menghubungkan antara satu-satu negeri dengan ibu kota, iaitu dengan adanya pembangunan yang pesat dari pihak Kerajaan. Yang demikian, jalan-jalan ini yang pada asalnya digunakan oleh Kenderaan-kenderaan ringan sahaja, sekarang ini telah digunakan oleh berbagai-bagai jenis kenderaan yang berat, termasuk tanker. Ini menyebabkan jalan tersebut menjadi begitu sibuk dan sentiasa rosak. Apakah Kementerian akan mengambil perhatian dan kalau mustahak mengambil alih jalan-jalan yang seperti ini supaya penyelenggaraannya dapat berjalan dengan baik terjamin dan juga selamat.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Persekutuan tidak boleh ambil alih apa-apa jalan negeri jikalau mereka tidak memohon kepada Kerajaan Persekutuan. Yang kedua, tanggungjawab untuk memperbaiki jalan itu adalah di dalam tangan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, di mana-mana Ahli Yang Berhormat menyaksi jalan Persekutuan ada juga rosak seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, saya ambil tindakan untuk memperbaiki jalan itu.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Banyak sangat jalan-jalan luar bandar (rural roads) di seluruh negara jahanam, rosak dan hancur

disebabkan muatan berat. Daripada jawapan Menteri tadi beliau sendiri sedar tetapi pihak Kementerian tidak boleh ambil alih kerana tanggungjawab negeri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah beliau ada berhubung dengan Kerajaan Negeri masalah ini kerana maktumlah Kerajaan negeri macam Kedah miskin, berhubung dengan mereka bagaimana mencari jalan. Adakah perundingan dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun lain-lain Kementerian yang bersangkutan dengan Polis dan sebagainya supaya kerosakan ini boleh dikurangkan lagi.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, daripada kawasan Ahli Yang Berhormat dan juga daripada negeri Kedah, saya telah menerima 1-2 surat iaitu meminta Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih jalan, itu ada dalam pertimbangan sekarang.

Berkenaan dengan jalan luar bandar, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat ialah perkara ini pada dalam tanggungan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sekarang, bukan di dalam Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam lagi.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Menurut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi nampaknya ada perbezaan dari jalan raya di bawah kawalan Negeri dan ada separuh jalan dikawal oleh Pejabat Pusat. Macam mana boleh menentukan apa jalan di bawah Negeri dan apa jalan di bawah Kerajaan Pusat. Ada jalan yang tadi dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Parit yang melalui ke satu Pekan, itulah jalan raya besar, misalnya Jalan Gopeng masuk ke Ipoh itu yang terlalu buruk. Kalau kami membuat komplek di pejabat yang berkenaan mengatakan jalan itu di bawah

Kerajaan Pusat, tetapi kalau kita berhubung dengan Kerajaan Pusat dia mengatakan jalan itu di bawah Majlis Perbandaran. Macam mana kita boleh menentukan siapa bertanggungjawab untuk memperbaiki jalan itu.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, jalan-jalan yang saya kata tadi ada 3 jenis. Jenis yang pertama iaitu Jalan Persekutuan (Federal Road) dalam tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Kedua, Jalan-jalan Negeri ialah dalam tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Jenis yang ketiga ialah Jalan-jalan Luar Bandar dalam tanggungjawab Pegawai-pegawai Daerah di tiap-tiap daerah.

Berkenaan dengan lebuhraya daripada Gopeng ke Ipoh adalah dalam tanggungjawab kami. Jadi Ahli Yang Berhormat ada apa-apa aduan saya akan mengambil tindakan untuk memperbaiki tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam telah mengambil beberapa tindakan untuk memperbaiki jalan bukan sahaja di Gopeng tetapi daripada Kampar ke Ipoh kita telah menjalankan beberapa tindakan untuk memperbaiki keadaan jalan itu.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan keadaan jalan Parit ke Teluk Intan yang semakin buruk, sama ada Yang Berhormat Menteri akan melarang kenderaan-kenderaan yang beratnya melebihi 13 tan menggunakannya?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, perkara itu dalam tanggungjawab Kementearan Pengangkutan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebenarnya soalan saya lebih kurang sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu

iaitu bagaimana kita dapat membezakan ketiga-tiga jenis jalan itu kerana tidak ditunjuk dengan tanda jalan bahawa jalan itu Jalan Persekutuan, Jalan Negeri atau Jalan Majlis, maka kita tahulah bagaimana kita boleh membuat aduan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, saya minta Ahli Yang Berhormat itu menghubungi Jabatan Kerja Raya untuk mendapatkan jadual mana satukah Jalan Persekutuan, mana satukah Jalan Negeri dan juga Jalan Luar Bandar. Saya akan memberi keterangan kepada beliau.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Menteri akan menghantar jadual.

PUSAT PEMULIHAN DADAH- MENAMBAH

2. **Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan dan menambah bilangan Pusat Pemulihan Dadah di seluruh negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang Dipertua, pada masa ini Kementerian Kebajikan Am sedang mengendalikan 4 buah Pusat Pemulihan Dadah iaitu di Kuala Kubu Baru, Tampoi, Bukit Mertajam dan Besut dan boleh menampung 590 orang penagih. Pusat-pusat ini akan diperluaskan dan mulai tahun hadapan boleh menampung seramai 1,050 penagih.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat dua buah lagi Pusat yang boleh memuat 300 orang telah diluluskan. Projek di sungai Petani sedang dalam pembinaan, walau bagaimanapun projek di Muar terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu akibat kemerosotan ekonomi negara.

Selain dari itu sebuah Pusat Pemulihan Dadah dijangka akan didirikan di Selangor pada tahun 1983. Projek ini adalah rancangan kilat dan rancangan-rancangan untuk melaksanakannya sedang diatur.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini apakah usaha yang diambil oleh Kementerian berkenaan untuk memastikan bahawa Pusat Pemulihan Dadah sebenarnya menjalankan usaha dan ikhtiar pemulihan mereka yang menagih dadah dan bukan semacam yang ada di Pusat Pemulihan Dadah di Kuala Kubu Bharu di mana orang-orang yang masuk ke Pusat itu dikuasai oleh gang-gang di dalam dengan nama sendiri sebagai MCA, MIC dan UMNO dan mereka membuat jenayah yang keras dan bukan untuk memulihkan penagih dadah.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang Dipertua, seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai gang-gang yang keras, saya akan membuat siasatan kepada perkara itu dan mengambil tindakan.

PESAWAH PADI—USAHA MENINGGIKAN PENDAPATAN

3. Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertanian menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk membantu pesawah-pesawah padi supaya mendapat pendapatan yang lebih tinggi dari yang diterima sekarang dengan berusaha menambah penghasilan dan keluasan tanah sawah yang ada sekarang dan tidak semestinya dengan menambah keluasannya.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Speaker, Kerajaan sememangnya ada rancangan menambahkan penghasilan dari satu-satu keluasan tanah sawah

yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian melalui Cawangan Pengeluaran Tanamannya pihak Jabatan Pertanian mengeluarkan dan membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan juga memberi subsidi baja kepada petani-petani. Cawangan ini juga memberi khidmat nasihat kepada pesawah-pesawah dari segi cara-cara penanaman yang dapat membantu dalam meningkatkan hasil pengeluaran padi. Jabatan Pertanian juga memberi khidmat pemeliharaan tanaman dengan tujuan mengurangkan kerugian yang disebabkan oleh makhluk perosak dan penyakit-penyakit tanaman padi.

Di antara aktiviti yang dijalankan ialah menubuhkan satu sistem mengesan dan meramal serangan-serangan/serangan-serangan supaya tindakan awal dapat diambil memberi nasihat teknikal mengenai masalah-masalah pemeliharaan tanaman dan menjalankan kerja-kerja ladang bagi meningkatkan penghasilan padi.

Tuan Khadir bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan bercadang untuk menambah keluasan tanah-tanah sawah di dalam negara ini. Jadi, menambah keluasan tanah-tanah sawah kepada para petani bererti juga menambah tenaga kerja. Sekarang petani-petani menghadapi kekurangan tenaga kerja di sawah-sawah akibat daripada penghijrahan belia-belia ke bandar-bandar. Soalannya, adakah Kementerian Pertanian telah membuat ataupun mengkaji tentang kemasukkan dan kesesuaian jentera-jentera menuai ke semua tanah-tanah sawah yang terdapat di negara ini bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja itu dan yang kedua bagaimanakah keadaan kos jentera menuai tersebut, adakah jentera menuai itu lebih menguntungkan petani-petani jika

dibandingkan dengan menuai padi dengan menggunakan tenaga manusia?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, oleh kerana sebab itu sangat panjang bolehkah dibahagikan kepada 2 bahagian?

Tuan Yang Dipertua: Yang pertama dahulu.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, adakah Kementerian telah mengkaji tentang kemasukkan dan kesesuaian jentera menuai padi ke semua tanah-tanah sawah dalam negara ini bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja di sawah-sawah?

Yang kedua,

Tuan Yang Dipertua: Yang pertama dahulu. Jentera-jentera adakah bercadang hendak mengadakan jentera-jentera?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, adalah benar jika kita mengadakan jentera-jentera di sawah-sawah oleh kerana ini akan mengurangkan penggantungan atas pekerja-pekerja dan memang adalah benar juga pada masa sekarang nampaknya kurang tenaga untuk menjalankan kerja-kerja di sawah-sawah.

Tuan Yang Dipertua: Soalan yang kedua berkenaan dengan harganya. Adakah harga jentera itu terlampau mahal?

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, kalau dibandingkan sawah diusahakan melalui jentera menuai dengan menggunakan tenaga manusia yang mana yang lebih untung dari sudut kos?

Tuan Yang Dipertua: Ya.

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, saya tidak dapat pasti sama ada mana satu kos yang tinggi atau rendah.

Tuan Yang Dipertua: Yang manakah lebih ekonomikal menggunakan jentera-jentera dengan memandangkan acreage ataupun keluasan tanah yang dikerjakan itu jika dibandingkan dengan kerja-kerja tangan?

Dato' Chin Hon Ngian: Kita akan buat kajian (*Ketawa*).

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggalakan pembiakan ikan secara besar-besaran di dalam sawah padi supaya dapat menambah pendapatan dan juga sumber makanan petani padi?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, jika cara ini akan menambahkan hasil kepada petani, kita akan timbangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adakah ini bererti bahawa sehingga sekarang sungguhpun Perlimen pada tiap-tiap tahun ada memperuntukkan beratus-ratus juta ringgit bahawa Kementerian dengan pakar-pakar yang begitu ramai tidak tahu sama ada penggunaan jentera-jentera atau penggunaan 'manual labour' lebih ekonomik, dan kedua kalau sampai sekarang tidak tahu, bila boleh tahu atau Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri sahaja tidak tahu?

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, maksud saya ialah saya tidak ada angka-angka pada petang ini untuk menjawab soalan itu. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak angka-angka itu, saya akan beri secara bertulis.

Tuan Lim Kit S: Saya tidak mahu angka, Tuan Yang Dipertua, tetapi apa cara yang lebih ekonomik—itu sahaja, apa lain kali! (*Ketawa*).

Dato' Chin Hon Ngian: Tuan Speaker, mana yang lebih ekonomik memang bergantung kepada angka-angka yang kita akan perolehi (Ketawa).

KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH

4. Tuan Khadri bin Sarban minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyerapkan faktor-faktor modal, teknologi dan kepakaran dalam usaha menjalankan serta menjayakan aktiviti-aktiviti Koperasi Pembangunan Daerah.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Tuan Yang Dipertua, bukanlah menjadi tujuan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengambil daya usaha dan menggalakan penubuhan Koperasi Pembangunan Daerah untuk menjadikannya saluran modal, teknologi dan kepakaran ke daerah-daerah. Peranan ini mungkin boleh dimainkannya di masa yang jauh akan datang. Penubuhan Koperasi Pembangunan Daerah adalah untuk menggabungkan tenaga kerja melalui Koperasi dari seluruh masyarakat yang berbilang kaum, ugama dan fahaman di berbagai lapisan dan tingkat pencapaian ekonomi dan kedudukan sosial guna menghidupkan semangat gotong-royong dari berdikari. Segala kemudahan-kemudahan yang ada untuk Koperasi Pembangunan Daerah ini tidak lebih dari Kemudahan-kemudahan yang sudah sedia diadakan untuk rakyat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Oleh itu kejayaan Koperasi Pembangunan Daerah nanti besar bergantung kepada kemampuan Ahli-ahli Jawatankuasa Koperasi tersebut dan ahli-ahlinya sendiri untuk mengambil

kesempatan dari kemudahan yang ada pada mereka atau melalui mereka untuk kepentingan keseluruhan ahli.

Jika Koperasi Pembangunan Daerah yang sekarang ini di peringkat percubaan menunjukkan bukti boleh berjaya maka Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah turut memainkan peranan untuk menjayakannya pula di tempat masing-masing. Apabila Koperasi-koperasi Pembangunan Daerah yang ditubuhkan mencapai kejayaan maka pihak Kementerian akan mengasaskan penubuhan Koperasi Pembangunan Negara yang akan dimiliki oleh Koperasi-koperasi Pembangunan Daerah.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah memilih 6 daerah di Semenanjung untuk menjalankan kegiatan percubaan Koperasi Pembangunan Daerah ini dan daerah-daerah yang dipilih sebagai "pilot project" adalah daerah-daerah miskin. Daerah-daerah yang miskin ini bagi saya adalah miskin dari sudut modal, miskin dari sudut kepakaran dan teknologi. Jadi soalnya, bagaimanakah Koperasi Pembangunan Daerah ini boleh bergerak jika sekiranya daerah-daerah tersebut miskin dari ketiga-tiga sudut tersebut?

Dato' Sanusi bin Junid: Walaupun daerah ini miskin dari segi benda, kita yakin bahawa mereka tidak miskin dari segi semangat. Oleh itu Koperasi ini ditubuhkan untuk melahirkan semangat gotong-royong dan berdikari sebagai syarat utama untuk mendatangkan kemajuan-kemajuan di bidang non-rohani.

DOKTOR PALSU DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR

5. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan terdapatnya banyak

kejadian-kejadian dalam mana Doktor-doktor palsu memberi rawatan kepada pesakit-pesakit menyebabkan kepercayaan orang ramai terhadap hospital-hospital Kerajaan kian merosot sekarang, apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang Dipertua, sukalah saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa setakat yang kita ketahui hanya 2 orang telah menyamar sebagai Doktor di Hospital Besar Kuala Lumpur, iaitu pada bulan Mei dan bulan Jun, tahun ini. Kedua-dua kes ini telah diambil tindakan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan. Tiada apa-apa petanda yang menunjukkan bahawa terdapat kemerosotan kepercayaan orang ramai terhadap perkhidmatan hospital-hospital Kerajaan akibat dari kejadian seperti ini.

Walau bagaimanapun, bagi mengelakkan dari berlakunya lagi kejadian doktor-doktor palsu, maka pihak pentadbiran hospital telah mewujudkan satu sistem pengawasan yang lebih ketat dengan juga menempatkan pegawai-pegawai keselamatan di tempat-tempat yang strategik dalam kawasan hospital. Di samping itu, papan tanda didirikan di tempat-tempat masuk bagi mengawal kemasukan orang ramai ke kawasan hospital. Semua kategori kakitangan di hospital dikehendaki memakai kad pengenalan diri beserta dengan gambar. Penuntut-penuntut perubatan jua dikehendaki mematuhi peraturan ini dalam kawasan hospital. Selain dari itu, semua kakitangan hospital diarah melaporkan kepada Ketua Unit mengenai sesiapa yang disyaki menyamar sebagai kakitangan. Pemberian buku preskripsi (prescription) kepada doktor-doktor juga diawasi rapi di mana kakitangan dispensari diberikan senarai contoh

tandatangan semua Pegawai Perubatan yang berkhidmat di hospital.

Dengan langkah-langkah seperti ini, adalah kita harapkan bahawa kes-kes doktor palsu dapat dicegah.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau menyedari bahawa di hospital doktor, H.A., attendant, nurse semuanya berpakaian putih yang kadang-kadang mengelirukan orang lain. Apakah pihak Kementerian bercadang untuk membezakan pakaian doktor—putih, H.A.—kelabu ataupun attendant—biru. Dengan cara ini dapat mengenal bahawa ini doktor dan ini attendant.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, saya harap tidak ada cadangan bahawa H.A. akan menyamar sebagai doktor. Perkara itu memang dapat dikawal tetapi pakaian adalah pada masa ini dibezakan di antara doktor dengan kakitangan yang lain. Ada kakitangan-kakitangan makmal yang pakai "overcoat" yang kadangkala boleh mengelirukan tetapi ada juga kita mengambil tindakan pada masa ini untuk cuba membezakan pakaian itu. Tetapi semuanya menggunakan tag yang menunjukkan mereka di dalam hospital.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dua kes menyamar sebagai doktor telah ditangkap. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah sebenarnya motif orang-orang itu menyamar sebagai doktor, apakah menafaat yang didapati oleh mereka menyamar sebagai doktor itu?

Tuan Yang Dipertua: Saya tidak benarkan soalan itu. Soalan itu tidak bersangkut dengan soalan asal.

Tuan Chan Kok Kit: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu adakah doktor-doktor palsu ini pernah menjalankan pembedahan-pembedahan di hospital-hospital?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, tidak. Saya hendak tegaskan perkara ini, tidak, kerana ada ramai yang menyatakan sudah ada pembedahan-pembedahan dijalankan. Saya juga ingin menambah bahawa "doktor-doktor" yang ditangkap itu tidak juga memberi prekripsi pada amnya. Ada dua tiga preskripsi dibuat oleh mereka kepada kakitangan hospital sendiri yang sudah menjumpainya di luar klinik di mana mereka ditangkap kemudian.

Tuan Yew Foo Weng: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan ada dua kes dimana terdapat doktor palsu. Saya ingin bertanya soalan pertama iaitu pesakit-pesakit yang dirawat oleh doktor-doktor palsu ini adakah mengakibatkan kematian di dalam hospital yang terlibat? Kedua, adakah di dalam penyiasatan pihak Kementerian bercadang menyiasat keadaan hospital di lain-lain bandar seperti Ipoh dan lainnya?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang Dipertua, tentang aspek pertama itu saya telah jawabkan iaitu preskripsi yang dibuat oleh mereka ini kepada orang-orang yang diketahui mereka dan tidak mengakibatkan kepala pening pun, jauhlah daripada kematian. Di hospital-hospital lain pun langkah-langkah yang serupa dengan apa yang saya menghuraikan tadi sedang diambil. Perbezaannya ialah bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur adalah hospital yang terbesar sekali dan jika ada orang menyamar sebagai doktor-doktor lebih senanglah di Hospital Besar Kuala Lumpur. Kita harap di lain-lain tempat kawalan yang

lebih ketat dapat dijalankan dengan lebih senang daripada Hospital Besar Kuala Lumpur ini.

Dato' Lee Kim Sai: Kementerian Kesihatan telah mengesan dengan doktor-doktor palsu. Adakah usaha-usaha dijalankan untuk memastikan tiada pesakit-pesakit palsu kerana semata-mata mendapat cuti medical kerana hendak tuang kerja?

Tuan Yang Dipertua: Soalan itu tidak berbangkit (*Ketawa*).

Tuan Ismail bin Said: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan pada bulan Mei dan Jun dua orang doktor palsu telah dapat dikesan. Saya ingin tahu sama ada beliau dapat mengesan juga keadaan diri dua orang doktor palsu ini sama ada mereka siuman ataupun mempunyai kelayakan dari segi kedokteran ataupun oleh kerana mereka ini kecewa tidak dapat menjadi doktor.

Tuan Yang Dipertua: Saya tidak benarkan soalan itu. Soalan itu tidak berbangkit.

PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI KEDAH— PERTUKARAN

6. Tuan Haji Hashim bin Haji Endut minta Menteri Kebajikan Am menyatakan adakah benar pertukaran Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah yang baru sahaja bertugas 9 bulan di sana dengan dedikasi, adalah disebabkan perbuatan fitnah, hasat pesona dan dengki khianat yang disembarkan oleh kakitangan Jabatannya yang kurang berminat dan tidak bersikap bersih, cekap dan amanah. Adakah benar pertukaran tersebut tidak dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Kedah, dan

adakah tindakan Kementerian kepada mereka yang membuat fitnah kepada Pengarah mereka itu selama ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan Anak Empaling): Tuan Yang Dipertua, pertukaran Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah telah dibuat berikutan dengan penyusunan semula Kementerian Kebajikan Am pada bulan Julai, 1982, yang mana beberapa orang pegawai kanan Kementerian telah juga terlibat. Pertukaran pegawai yang berkenaan telah dibuat setelah mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Kerajaan Negeri Kedah.

Tuan Ismail bin Arshad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin dapat penjelasan dari Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am adakah beliau sedar bahawa pertukaran Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah ini ada hubungan dan kaitan dengan pembongkaran kerja-kerja atau perkhidmatan-perkhidmatan yang kurang cekap di dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat itu sendiri, terutama mengenai perbuatan-perbuatan memberi bantuan-bantuan kepada orang yang telahpun mati empat tahun dan apabila ditimbulkan kes ini dan pembongkaran ini untuk menutup keadaan yang ada maka ditukarkan segera pegawai ini, dan kalau sekiranya sedar, apakah tindakan yang selanjutnya perlu diambil? Jika tidak sedar, adakah perlu dibuat satu penyemakan dengan secepat mungkin untuk mengatasi masalah yang ada?

Tuan Jawan Anak Empaling: Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya sedar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya ada maklumat yang jelas, Kementerian saya boleh juga mengambil tindakan iaitu menyiasat terhadap perkara ini dan kita akan mengambil tindakan sekiranya perlu.

PERANCANG KELUARGA ORANG-ORANG ISLAM

7. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memberhentikan perancang keluarga bagi keluarga-keluarga Islam Negara memandangkan Islam tidak menggalakkan membolehkannya, walaupun Malaysia sendiri mampu menampung penduduk hingga 70 juta orang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohamed): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak bercadang hendak menghentikan perkhidmatan perancang keluarga pada waktu ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa tentang keperluan-keperluan, bukan sahaja dari segi perkhidmatan perancangan keluarga tetapi lain-lain perkhidmatan yang ada kaitan dengan pembangunan negara dan rakyat.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Ugama Islam adalah nyata tidak menghalang umat-umatnya mengamalkan penyusunan keluarga, "tanzimul usrah" dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Bagi negara Malaysia amalan perancang keluarga sepertimana yang dilaksanakan oleh Lembaga adalah tidak bertentangan dengan Islam kerana konsep yang digunakan adalah untuk pembangunan keluarga dan sesuai dengan ajaran-ajaran dan kehendak Islam sendiri.

Usaha-usaha yang dijalankan oleh Lembaga Perancang Keluarga ialah lebih menekankan kualiti rakyat negara ini. Di pejabat LKPN tidak ada sebiji pun pil pencegahan hamil (contraceptive pill). Apa yang kita usahakan untuk meninggikan kualiti rakyat ialah dengan menggunakan

cara systematic dan scientific dan pusat ke pakaran mengadakan, dengan izin

- (1) "Genetic counselling" iaitu menasihatkan cara-cara memilih baka yang ini amat dituntut oleh Islam. Di antara keutamaan haruslah dipilih baka yang beranak, tidak berpenyakit yang tidak boleh dirawat seperti sopak, kusta, gila dan lainnya;
- (2) "Canser screening", sama ada si isteri atau suami itu menghadapi cancer sehingga tidak boleh melahirkan zuriat?
- (3) "Contraceptive technology" yakni penjarangan hamil, bukan pencegahan hamil. Dengan menggalakan ibu-ibu menyusukan anaknya dengan susu badan dan juga dengan menggunakan berbagai-bagai cara dan alat juga pil dengan dikaji terlebih dahulu segala kesan sampingannya:
- (4) "Sex determination" iaitu menentukan jantina kandungan. Jika sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai berderer-deret anak-anak lelaki bolehlah minta nasihat daripada Lembaga Perancang Keluarga untuk mendapatkan anak perempuan pula dan begitu juga sebaliknya.
- (5) "Memberi khidmat nasihat tentang perkahwinan dan cuba membantu dan merawat pemandulan." LKPN memberi khidmat-khidmat yang dinyatakan itu kepada umat dan rakyat yang datang kepadanya secara sukarela dan tidak ada memaksa sesiapa pun untuk menggugur atau menyekat kelahiran dan

khidmat ini adalah sebagai 'human right' yakni hak-hak kemanusiaan.

Jika pihak Kerajaan tidak menyediakan perkhidmatan selamat seumpama ini mereka akan tetap berjumpa pawang, bomoh, bidan di mana pengguguran cara merbahaya seperti mengguna sembilu buluh, ragi, lada hitam, nenas muda dan lainnya di mana akan menyebabkan pertumpahan darah dan rosak rahim dan natijahnya bukan sahaja ibu itu akan menjadi mandul tetapi juga menempah maut. Maka adalah menjadi kewajipan kepada Kerajaan mengawasi perkara-perkara ini kerana tugas dan tanggungjawab pemerintah ialah (i) memelihara nyawa dan jiwa rakyatnya, (ii) memelihara harta dan hak kepunyaan rakyat, (iii) memelihara keturunan baka yang baik dan cerdik, menyuburkan budi bicara akal dan kepintaran, bererti pandai bersiasat dan berpolitik demi mempertahankan tanah air dan hak ketuanan. Memelihara kesucian dan kemuliaan ugama.

Untuk mencapai segala maksud-maksud ini latihan dan galakan untuk menambahkan pendapatan keluarga juga sedang pesat diusahakan oleh LKPN.

Adalah benar jika dikaji dari segi keluasannya Malaysia boleh menampung 70 juta penduduk. Perkara ini perlu dikaji dengan lebih mendalam lagi dalam konteks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan itu kita perlu mempertimbangkan segala sumber yang ada di negara kita ini semoga pembangunan negara tidak terjejas. Juga, maju atau mundurnya satu-satu umat itu tidaklah bergantung kepada jumlah atau kuantiti umat itu sendiri. Apa yang paling penting ialah tiap-tiap umat itu hendaklah mempunyai daya pengeluaran yang tinggi, berdisiplin serta kepimpinan dan perpaduan yang teguh.

Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar ada kata-kata ataupun pendapat yang mengatakan bahawa ada sebilangan kecil daripada ibu-ibu yang menyalahgunakan rancangan perancangan keluarga ini dengan mendapat pil-pil daripada pegawai-pegawai perancang keluarga dan pegawai-pegawai perancang keluarga sendiri pun tidak dapat menentukan mana ibu-ibu yang sebenarnya menghendaki khidmat perancangan keluarga dan mana-mana ibu yang hanya bagi tujuan-tujuan yang tertentu yang bertentangan dengan maksud yang sebenar wujudnya perancangan keluarga sebagaimana yang disebutkan.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Tuan Yang Dipertua pihak kami ada juga diberitahu tentang mereka yang telah menyalahgunakan pil perancang keluarga tetapi pil-pil ini bukanlah didapati daripada Lembaga Perancang Keluarga atau klinik-klinik yang kami sediakan, tetapi pil-pil ini ialah mereka beli daripada kedai-kedai ubat luar sama juga seperti mereka membeli pil-pil Panadol dan sebagainya. Maka dengan ini kita berharap akan minta Kementerian Kesihatan untuk menentukan suatu akta bahawa pil-pil ini tidak boleh dijual sebarangan kepada mereka yang tidak berhak.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari bahawa rancangan keluarga dari sudut menjarangkan kelahiran pada hari ini sudah begitu kurang mendapat sambutan daripada rakyat terutamanya masyarakat di bandar, sedangkan Lembaga Perancang Keluarga mempunyai peruntukan yang begitu besar iaitu hampir \$10.5 juta bagi tahun 1983. Soalnya adakah Kerajaan akan

membuat kajian untuk membaharui kempen supaya rakyat akan memahami dan menerima semula rancangan ini ataupun Kerajaan memberhentikan sahaja rancangan ini.

Soalan kedua, adakah Kerajaan menyedari bahawa amalan rancangan keluarga ini akan mengakibatkan pengurangan pertambahan penduduk luar bandar dan terus meningkatkan pertambahan penduduk-penduduk di bandar.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memanglah sedang membuat kajian bahawa kempen yang lebih luas diadakan. Sebenarnya tentang peranan-peranan yang dimainkan oleh Lembaga Perancang Keluarga lebih-lebih lagi daya usaha yang akan dijalankan oleh Lembaga Perancang Keluarga ialah untuk menambah kadar pendapatan penduduk kita khususnya di kawasan luar bandar.

Yang kedua, tentang pengurangan pertambahan penduduk di kawasan luar bandar dan bertambahnya penduduk di kawasan bandar adalah dengan sebab penghijrahan beramai-ramai daripada luar bandar ke bandar kerana mencari berbagai-bagai pekerjaan. Jadi dengan sebab itu berlakunya kekurangan ataupun turunnya jumlah kadar penduduk daripada kawasan-kawasan luar bandar mahupun di bandar bukanlah kerana pil perancang keluarga tetapi oleh sebab mereka ini mendapat pelajaran-pelajaran yang tinggi terutamanya wanita mereka akan berkahwin pada umur yang lambat, biasanya umur 21 tahun, barulah mereka berkahwin dan mendirikan rumah tangga dan kepada yang lelaki pula mereka asyik dengan perniagaan, pelajaran dan lain-lain pekerjaan masing-masing sehinggakan mereka terlupa hendak mendirikan rumah tangga dan umurnya lanjut (*Ketawa*).

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Baru hari ini saya mendengar Lembaga Perancang Keluarga ini ada memberi nasihat kepada suami dan isteri bagi mendapatkan jenis anak lelaki atau perempuan. Jadi di sini saya ingin mendapat tahu bagaimana caranya yang dijalankan oleh Lembaga Perancang Keluarga bagi menasihati keluarga-keluarga untuk mendapatkan jenis anak yang dikehendaki.

Tuan Yang Dipertua: Saya tidak benarkan soalan itu (*Ketawa*).

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, apakah dasar Lembaga Perancang Keluarga ini? Adakah dasarnya hendak mengurangkan penduduk ataupun meningkatkan, kerana pada masa yang telah lalu apabila disebut perancang keluarga, rata-rata rakyat memahami bahawa tugas Lembaga Perancang Keluarga ini ialah untuk menyakitkan, itu soalan pertama.

Yang kedua, adakah Lembaga Perancang Keluarga ini sedar dan Kementerian yang berkenaan ini sedar berkenaan dengan kematian anak-anak yang dilahirkan oleh ibu-ibu yang terdiri daripada orang-orang Melayu. Mengikut kajian ataupun statistik daripada Pendaftaran Beranak dan Mati pada tiap-tiap lima orang ibu Melayu yang melahirkan anak, empat orang meninggal hanya satu sahaja yang hidup. Yang Ketiga

Tuan Yang Dipertua: Cukuplah. Dua pun sudah cukup. Yang nombor dua tidak usah jawab, tidak bersangkutan dengan soalan asal. Sila jawab soalan yang pertama.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Tuan Yang Dipertua, yang dimaksudkan oleh Lembaga

Perancang Keluarga ialah bukan sahaja mengurangkan bilangan keluarga tetapi adalah dengan tujuan mengurangkan kadar pertumbuhan penduduk yang mana supaya tidaklah bercanggah dengan rancangan-rancangan pembangunan ekonomi negara dan juga dengan keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh negara. Namun demikian dengan adanya hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya 70 juta rakyat boleh ditampung oleh negara Malaysia ini dengan syarat kesemua rakyat ini akan mengeluarkan produktiviti yang tinggi maka usaha-usaha ke arah itu akan cuba digiatkan.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bagaimanakah rancangan Kerajaan untuk menambahkan penduduk Malaysia kepada 70 juta sekiranya rancangan keluarga ini diteruskan, dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan sebuah agensi supaya suami-suami lebih produktif lagi.

Tuan Yang Dipertua: Saya ingat soalan itu sudah dijawab tadi, bukan sahaja hendak mengurangkan, jawapannya itu yang mandul pun hendak diberi beranak (*Ketawa*). Tadi pun sudah ditanya.

RANCANGAN TV MALAYSIA— MUTU

8. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Penerangan menyatakan langkah positif yang diambil bagi memperbaiki mutu rancangan TV Malaysia untuk mengelakkan penggunaan keset-keset video secara meluas sebagai alternatif kepada rancangan-rancangan TV yang kurang menarik.

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang Dipertua, rancangan-rancangan di Televisyen Malaysia tidak boleh

dibandingkan dengan rancangan yang terdapat di keset-keset video kerana masing-masing mempunyai peranan dan matlamat yang berlainan antara satu sama lain. RTM mempunyai tiga matlamat besar iaitu untuk tujuan penerangan, pendidikan dan hiburan, sementara video adalah semata-mata untuk hiburan.

Orang ramai tertarik kepada video oleh kerana terdapat rancangan-rancangan hiburan yang melulu tanpa dibuat tapisan. Unsur-unsur penerangan dan pendidikan tidak dititikberatkan sehingga kadangkadangkang adigan separuh luncah atau 100% luncah ditayangkan kepada penonton. Dengan lain-lain perkataan tarikan orang ramai kepada video bukanlah kerana mutunya yang tinggi tetapi ialah kerana unsur-unsur hiburan melulu semata-mata. Sebaliknya pula peranan RTM seperti yang telah diterangkan tadi bukanlah semata-mata untuk tujuan hiburan malah peranan RTM yang lebih besar ialah peranannya sebagai alat media-massa Kerajaan iaitu alat penghubung antara pihak Kerajaan dengan rakyat dengan tujuan rakyat dapat memahami dasar-dasar Kerajaan.

Dengan adanya media-media radio dan televisyen, rakyat akan dapat mengetahui kemajuan rancangan, projek-projek Kerajaan, masalah-masalah yang dihadapi oleh negara, berita-berita dalam dan luar negeri serta dapat membantu mengembangkan unsur-unsur kebudayaan rakyat negeri ini selaras dengan hasrat dan cita-cita Kerajaan.

Demikianlah juga matlamat RTM untuk menyatupadukan rakyat di negara ini menerusi penyatuan bahasa dan budaya, menerusi rancangan-rancangan yang disiarkan melalui TV dan Radio dari semasa ke semasa. Walaupun begitu, RTM sentiasa memperbaiki langkah-langkah untuk meningkatkan dan meninggikan mutu rancangan di Radio dan TV. Di antara

langkah-langkah yang telah diambil pada ketika ini ialah perubahan bentuk Berita Perdana daripada format lama kepada format baharu di mana dua orang pembaca Berita ditayangkan di kaca TV. Menayangkan filem-filem tajaan pada setiap malam hari Isnin akan filem-filem cereka (features) yang agak tinggi mutunya. Menayangkan filem-filem documentary yang berunsur pendidikan daripada negeri Jepun, Korea dan sebagainya seperti filem-filem yang menunjukkan cara-cara menanam pokok dan melatih anak-anak dari kecil dan sebagainya. Merancang untuk mengadakan panel penulisan script untuk drama dan hiburan supaya mutu persembahan dapat dipertingkatkan lagi dan berusaha untuk menayangkan filem-filem tempatan dengan baik banyak untuk mencapai matlamat RTM ke peringkat 60% pada tahun 1985.

Selain daripada langkah-langkah atau perubahan-perubahan yang disebutkan tadi, langkah-langkah dan perubahan-perubahan lain juga akan diambil oleh pihak RTM bagi meninggikan mutu persembahan dari masa ke semasa, bukan sahaja mengikut kehendak dan selera penuntut tetapi yang paling penting ialah untuk memenuhi hasrat dan cita-cita negara.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, mengikut jawapan Yang Berhormat tadi, bahawa ciri-ciri hiburan juga termasuk di dalam rancangan yang dibuat tetapi nilai hiburan di dalam rancangan TV ini adalah amat kurang kerana kita tahu hiburan inilah yang akan menarik lebih ramai penuntut melihat TV. Oleh itu, apakah langkah-langkah untuk mempertingkatkan nilai-nilai hiburan di samping nilai-nilai atau norma-norma yang lain dan apakah ciri-ciri, nilai dan juga norma-norma bagi menentukan sebuah filem itu ditayangkan di TV.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang Dipertua, sebagai broadcaster, RTM ibarat seorang nelayan yang akan meletakkan umpan dikailnya dan kalau umpannya baik maka ikannya banyak. Jadi hiburan hanya sekadar umpan untuk mengail lebih banyak ikan. Dengan ertikata yang lain, hiburan hanya tarikan untuk kita mendedahkan program-program yang lebih penting dalam prioritas ataupun keutamaan iaitu Kementerian penerangan dan juga pendidikan. Dan ciri-ciri hiburan ini ada dibagikan kepada dua aspek. Dari segi syndicated films ataupun filem asing yang dibawa masuk, kita memang tidak dapat kawal dari segi isinya tetapi ini dikawal oleh Lembaga Penapis dan juga RTM sendiri ada garis panduannya sejauh mana dapat kita persetujui unsur-unsur, nilai-nilai atau norma-norma yang dipamirkan dalam filem itu selagi dia tidak bertentangan dengan nilai-nilai negara khususnya dari segi pandangan moral dan juga akhlak. Bagi rancangan-rancangan hiburan tempatan, Kerajaan juga atau RTM juga telah menetapkan garis panduan yang bukan sahaja hampir sama tetapi lebih ketat, kerana ini lebih mudah dilaksanakan kerana penghasilan ataupun penerbitannya adaiah tempatan.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa keset-keset video ditayangkan ada yang lucu dan yang separuh lucu dan berbagai-bagai lagi. Jadi, oleh sebab keset-keset Radio ini ditayangkan menerusi TV yang di bawah kawalan Kementerian Penerangan, apakah langkah-langkah Kementerian Penerangan untuk menyekat keset-keset ini daripada dimainkan menerusi TV di negara kita ini supaya norma-norma masyarakat dan akhlak masyarakat terjamin.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang Dipertua, keset-keset lucu tidak pernah disiarkan daripada transmitting station ataupun alat pemancar TV Malaysia. Mereka gunakan perakam sendiri di rumah.

Tuan Yang Dipertua: Dia gunakan TV sahaja.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Ya, digunakan TV sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar di negeri Johor dan di negeri Melaka penonton-penonton TV ada serial yang sangat tinggi yang mereka ikuti TV Singapura dan jarang mengikuti TV Malaysia oleh kerana tidak seimbang dalam program dalam beberapa bahasa. Untuk mencerminkan Malaysia sebagai satu masyarakat yang berbilang bahasa, adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menunaikan hasrat rakyat dan mengadakan seimbangan dalam program-program TV dalam beberapa bahasa daripada sudut masa.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang Dipertua, dari segi penghasilan rancangan-rancangan tempatan (local content) kita sudah pastikan bahawa keutamaan kita ialah pada Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia. Dalam pada itu kita juga memberi kelonggaran kepada channel kedua (network) di mana bahasa-bahasa selain daripada Bahasa Malaysia juga digunakan lebih-lebih lagi untuk TV. Kita sedang merangka program-program tempatan yang lebih elok di mana bukan sahaja Bahasa Malaysia akan digunakan sebagai alat perpaduan, tema-tema berunsurkan masyarakat berbilang kaum ke arah perpaduan, seperti misalnya "Empat Sekawan" yang sudah 18 tahun dalam rancangan TV kita yang sudah menjadi rancangan yang terkemuka dan semuanya ini adalah bertujuan untuk membawa identity negara yang

lebih positif. Walaupun kita dapati di Johor dan Melaka aerial-aerial yang tinggi sentiasa membawa penonton ke stesen-stesen yang lain.

Tuan Newman Gaban: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan membenarkan pengwujudan lebih banyak rangkaian TV di Malaysia sebagai satu cara untuk mengurangkan penggunaan alat perakam video? Kalau tidak, mengapa.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang Dipertua, dari segi lebih membanyakkan rangkaian, memanglah hasrat kerajaan untuk membanyak dan mempelbagaikan lagi rangkaian supaya penonton dapat pemilihan tetapi semuanya ini bersandarkan kepada perancangan dan kemampuan Kerajaan bahkan Kerajaan kini sedang memikirkan kemungkinan mewujudkan satu lagi channel bercurak commercial. Tetapi yang lebih penting, Tuan Yang Dipertua, ialah dengan adanya kemajuan teknologi, kita lebih takut kedatangan direct broadcast satellite dan juga penggunaan hak-hak asasi manusia seperti dalam Charter United Nations "The right to communicate" atau RTC yang kemudian, akan melanda negara dengan rangkaian-rangkaian yang luar kuasa kita di kaca-kaca TV di rumah-rumah dan ini lebih merunsingkan maka itulah sebabnya Kerajaan memandang berat terhadap memikirkan tambahan kepada rangkaian-rangkaian termasuk rancangan commercial.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Menteri Penerangan dalam jawapannya ITM ada tiga matlamat besar iaitu penerangan, pendidikan dan hiburan, tetapi sehingga hari ini rakyat jelata rata-rata masih lagi menggangapkan bahawa RTM adalah merupakan punca utama bagi mereka untuk mendapatkan hiburan. Jadi, saya ingin tahu apakah langkah

Kementerian beliau supaya matlamat yang dinyatakan tadi dapat benar-benar difahami oleh rakyat sekalian?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang Dipertua, kalaulah rakyat merasakan TV merupakan alat hiburan, kita sudah berjaya dalam subtlety kita untuk menyampaikan penerangan dan juga pelajaran.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan tadi hiburan sebagai mata pancing yang berumpan. Nampaknya cerita "Drama Minggu Ini" saya tidak tahu apakah isi ceritanya, banyak rakyat tidak faham dan tidak mengerti—membosankan. Jadi, sangat berat untuk difahami. Begitu juga umpan tadi, warna-warninya tidak ada, hitam putih. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa cerita yang hendak digantikan dengan unsur tatatertib dan cerita Drama itu berwarna-warni pula.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Soalan?

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalannya rakyat akan mencari pancing tadi, kalau dimisalkan demikian.

Tuan Yang Dipertua: Soalnya itu? Bukan pancing.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalannya rakyat berkehendakkan hiburan yang baik dengan warna-warni dan cerita bertatasusila.

Tuan Yang Dipertua: Adakah Kementerian hendak mengadakan berwarna-warni?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang Dipertua, projek mewarnakan (colourisation) sepatutnya pada tahun 1985 akan siap 100%, tetapi malangnya kerana

beberapa projek terpaksa ditunda, jadi ini akan tergendala sedikit. Dalam pada itu kita sedang menyusun semula untuk mendapat impact dan juga menggunakan umpan yang elok iaitu menerusi, satu daripadanya ialah warna. Kita akan menyusun semula program-program yang mana dapat kita mengalihkan menjadi warna.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang DiPertua, adakah Menteri berkenaan bercadang untuk menukarkan semua cerita-cerita yang dibawa dari pada negara lain yang disiarkan dalam bahasa Inggeris itu ditukar sub-titlenya dengan mendubbingkan filem itu untuk tujuan menunjukkan identiti negara?

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang DiPertua, dari segi alih suara kita telah menentukan beberapa rancangan sahaja iaitu pertama, rancangan-rancangan yang documentary, rancangan-rancangan yang berbahasa selain daripada Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris ini menjadi keutamaan kepada kita.

Dalam pada itu kita telah peringkat demi peringkat untuk menentukan penggunaan Bahasa Kebangsaan dengan sepenuhnya dengan cara berhati-hati selaras dengan menjaga dan memelihara bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua negara.

Tuan Yang DiPertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 16 adalah diberi di bawah ini)

PELAJAR BUMIPUTERA/BUKAN BUMIPUTERA DI LUAR NEGERI

9. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri dengan memberi angka berasingan antara

Bumiputera dan Bukan Bumiputera mengikut negara-negara tempat mereka belajar sekarang.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Untuk makluman Yang Berhormat jumlah pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri pada akhir 1981 ialah 52,012 orang. Dari jumlah ini 41,412 ialah pelajar-pelajar Bukan Bumiputera dan 10,603 ialah pelajar-pelajar Bumiputera. Negara tempat mereka belajar ialah di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Canada, Indonesia, Jepun dan juga beberapa negara lagi.

REKA BENTUK RUMAH MURAH DI ESTET

10. Tuan Ng Cheng Kui minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau sedar reka bentuk rumah murah di estet-estet ciptaan zaman penjajah tidak lagi sesuai di tempat-tempat tertentu, dan jika ya, sama ada Kementerianya akan membenarkan pembinaan rumah-rumah pangsa bagi pekerja-pekerja estet.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Mak Hon Kam): Rumah-rumah yang disediakan oleh tuan-tuan punya estet untuk tempat tinggal pekerja-pekerja di ladang-ladang, sekarang ini, hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta (Piawaian Perumahan Minima) Pekerja-pekerja, 1966 dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Sebelum berkuatkuasanya Akta tersebut, rumah-rumah pekerja itu telah dibina mengikut syarat-syarat di bawah Kanun Buruh yang telah berkuatkuasa sejak tahun 1933. Kementerian saya memang sedar bahawa dengan perubahan masa, rumah-rumah yang dibina di bawah Kanun itu, adalah tidak sesuai lagi dan oleh itu Akta (Piawaian Perumahan

Minima) Pekerja-pekerja, 1966 telah dibentukkan dan telah berkuatkuasa mulai 1-10-66.

Kementerian saya tiada halangan sekiranya tuan-tuan punya estet hendak membina rumah-rumah pangsa di ladang-ladang sebagai tempat tinggal pekerja-pekerja mereka dengan syarat rumah-rumah pangsa itu mematuhi keperluan-keperluan minima seperti yang dinyatakan dalam Akta (Piawaian Perumahan Minima) Pekerja-pekerja, 1966 itu dan juga mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan.

HARGA BAHAN BINAAN

11. Datuk Edwin anak Tangkun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar tentang kenaikan harga bahan-bahan membuat rumah di negara ini, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk mengawal kenaikan harga bahan tersebut.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hanya mengawas harga dua bahan binaan sahaja iaitu simen dan batang besi keluli. Sukalah saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini menjelaskan kekeliruan yang kerap dibuat oleh pihak awam mengenai konsep pengawasan harga. Apabila sesuatu bahan itu dikawal harganya, ini bukanlah bererti harga bahan-bahan tersebut tidak akan naik langsung. Apa yang ditekankan oleh Kementerian saya ialah memastikan harga-harga bahan-bahan binaan sentiasa berada di paras yang berpatutan bukan sahaja berpatutan dari kacamata pengguna tetapi juga adil dalam ertikata tidak merugikan pengeluar-pengeluar. Kementerian saya berpendapat pendekatan menitik-beratkan kedua-dua pihak ini

(pengguna-pengeluar) adalah penting demi untuk menjamin bekalan tempatan yang mencukupi.

Berdasarkan konsep dan pendekatan ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah meluluskan penyesuaian harga-harga simen dan batang-batang besi keluli di masa-masa yang lalu. Kenaikan harga batang-batang besi keluli tempatan yang terakhir sekali ialah pada 15-2-1982, manakala kenaikan harga simen yang terakhir diluluskan pada 1-3-1981 yang lalu. Walau bagaimanapun, sukalah saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya akan sentiasa mengikuti perkembangan-perkembangan pasaran bagi kedua-dua bahan ini bagi menjamin agar harga bahan-bahan ini sentiasa berpatutan. Untuk mencapai tujuan ini, Kementerian saya kerap mengadakan ulangkaji harga-harga bahan-bahan tersebut dari masa ke semasa dan sekiranya didapati ada penurunan kos pengeluaran atau perubahan di dalam kedudukan pasaran, Kementerian ini tidak akan teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya.

KONTRAKTOR KELAS 'C'

12. Tuan Yeoh Poh San minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilangan pemborong-pemborong kelas 'C' ke atas bagi tiap-tiap negeri dalam Semenanjung Malaysia mengikut pecahan bangsa yang telah berjaya mendapat kontrak dari Jabatan Kerja Raya dalam tempoh dua tahun yang lalu untuk membina sekolah, hospital daerah dan rumah kediaman kakitangan Kerajaan.

Dato' S. Samy Vellu: Bilangan kontraktor kelas 'C' ke atas mengikut bangsa yang berjaya mendapat kontrak dari Jabatan Kerja Raya dalam tempoh 1980 dan 1981 untuk

membina sekolah, hospital daerah dan rumah kediaman kakitangan Kerajaan di tiap-tiap negeri adalah seperti berikut:—

A. Projek Sekolah

Negeri	Bil. Kontraktor Bumiputera	Bil. Kontraktor Bukan Bumiputera
1. Perlis ..	6	1
2. Kedah	55	18
3. Pulau Pinang	8	4
4. Perak ..	42	19
5. Selangor ..	36	18
6. Wilayah Persekutuan	7	4
7. Negeri Sembilan	14	5
8. Melaka ..	5	4
9. Johor ..	47	47
10. Pahang ..	23	26
11. Trengganu ..	11	7
12. Kelantan ..	38	5
13. Projek-projek Bank Dunia	0	68
Jumlah ..	292	226

Jumlah nilai kerja yang diperolehi oleh 292 kontraktor Bumiputera yang mendapat kontrak membina sekolah ialah \$196.7 juta. Manakala jumlah nilai kerja yang diperolehi oleh 226 kontraktor Bukan Bumiputera ialah \$201.1 juta.

B. Projek-projek Perubatan dan Kesihatan Termasuk Hospital Daerah:

Negeri	Bil. Kontraktor Bumiputera	Bil. Kontraktor Bukan Bumiputera
1. Perlis ..	1	0
2. Kedah	9	4
3. Pulau Pinang	1	1
4. Perak ..	2	0

5. Selangor ..	1	9
6. Wilayah Persekutuan	1	1
7. Negeri Sembilan	4	0
8. Melaka ..	0	2
9. Johor ..	1	2
10. Pahang ..	2	3
11. Trengganu ..	2	4
12. Kelantan ..	2	1
Jumlah ..	26	27

Jumlah nilai kerja yang diperolehi oleh 26 kontraktor Bumiputera ialah \$46.1 juta, manakala jumlah nilai kerja yang diperolehi oleh 27 kontraktor Bukan Bumiputera ialah \$74.8 juta.

C. Projek Rumah Kediaman Kakitangan Kerajaan:

Negeri	Bil. Kontraktor Bumiputera	Bil. Kontraktor Bukan Bumiputera
1. Perlis/Kedah ..	14	7
12. Pulau Pinang ..	1	0
3. Perak ..	13	4
4. Selangor/ Wilayah Persekutuan	8	2
5. Negeri Sembilan	7	3
6. Melaka ..	5	3
7. Johor ..	3	1
8. Pahang ..	4	4
9. Trengganu ..	3	0
10. Kelantan ..	14	0
Jumlah ..	72	24

Nilai kerja yang diperolehi oleh 72 kontraktor Bumiputera di atas ialah \$166.5 juta, manakala jumlah nilai kerja yang diperolehi oleh 24 kontraktor Bukan Bumiputera ialah \$56.3 juta.

DEMAM DENGGI—MENCEGAH

13. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan telah menyusun rancangan jangka panjang untuk memerangi demam denggi termasuk langkah-langkah mencegah dan penyelidikan mengenai rawatan perubatan yang berkesan dan jika benar apakah langkah-langkah telah diambil sekarang dan apakah langkah-langkah yang akan diambil di masa depan bagi mencapai rancangan ini.

Dato' K. Pathmanaban: Sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum saya telah menjawab soalan-soalan mengenai langkah-langkah pencegahan terhadap wabak denggi di Dewan ini pada 27hb Oktober, 1982 dan 23hb November, 1982. Setakat ini, saya tiada apa-apa kenyataan yang hendak ditambah kepada penjelasan yang telah diberikan itu. Saya hanya ingin menyentuh sedikit mengenai aspek rawatan perubatan dan penyelidikan mengenainya. Berkenaan penyelidikan rawatan perubatan penyakit ini, saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa denggi adalah satu penyakit disebabkan kuman "virus" yang tidak

ada rawatan yang tertentu (specific treatment); dan kes-kes hanya diberi rawatan "supportive" sahaja.

Oleh itu, amatlah penting usaha-usaha pencegahan untuk penyakit ini. Walau bagaimanapun, ingin saya menambah bahawa ada pusat-pusat penyelidikan di luar negeri yang sedang cuba mengeluarkan satu ubat pelalian melawan denggi; dan jika berjaya, akan merupakan satu langkah besar di dalam usaha-usaha pencegahan dan kawalan penyakit denggi.

MAHASISWA BUMIPUTERA/ BUKAN BUMIPUTERA DI UNIVERSITI

14. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa jumlah mahasiswa baru di dalam lima buah Universiti kita bagi tahun 1982, berapa peratus penambahannya tahun ini dibandingkan dengan tahun 1981. Berapa peratus jumlah mahasiswa baru Bumiputera dan Bukan Bumiputera. Dalam jumlah mahasiswa baru ini, berapa orang datang dari Negeri Sarawak, berapa peratus jumlahnya Bumiputera dan bukan Bumiputera Sarawak.

Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Pengambilan pelajar ke kursus-kursus ijazah di universiti-universiti tempatan pada sesi 1982/83 dan 1981/82 serta peratusannya mengikut kaum adalah seperti berikut:—

Tahun	Bumi	Cina	India	Lain-lain	Bukan Bumi	Jumlah
1981/82	3526	1856	406	59	2321	5847
	60.3%	31.7%	7.0%	1.0%	39.7%	100%
1982/83	3575	2004	486	62	2552	6127
	58.3%	32.7%	7.9%	1.0%	41.7%	100%

Peratus tambahan pengambilan bukan Bumiputera pada tahun ini dibandingkan dengan tahun lalu ialah 2%, iaitu daripada 39.7% pada tahun

lalu kepada 41.7% pada tahun ini, sementara peratusan pengambilan kaum Bumiputera turun 2%, iaitu daripada 60.3% kepada 58.3%.

Jumlah pelajar Sarawak daripada jumlah keseluruhan pelajar pada tahun ini ialah 217, terdiri daripada 120 Bumiputera dan 97 bukan Bumiputera. Dari segi peratus keseluruhannya, Bumiputera Sarawak mengandungi 2.0% sementara bukan Bumiputera Sarawak mengandungi 1.6%.

PENYIMPAN WANG (DEPOSITERS) DALAM SYARIKAT KERJASAMA

15. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melindungi kepentingan para penyimpan wang (depositers) yang menyimpan wang mereka dalam syarikat-syarikat kerjasama.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Semua Koperasi yang menerima deposit dari para penyimpan adalah dikehendaki mematuhi kehendak Kaedah 21A dan Kaedah 12 (1) Kaedah-kaedah Koperasi 1949.

KAFIR MENGKAFIR BAGI ORANG ISLAM

16. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Perdana Menteri menyatakan apa tindakan yang Kerajaan telah ambil untuk menyelesaikan masalah kafir mengkafir, masalah sembahyang dua imam dan pengkembumian jenazah berasingan yang menjadi-jadi di negara ini dan adakah beliau akan mewujudkan suatu undang-undang untuk menghentikan amalan-amalan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Masalah kafir mengkafir, sembahyang dua imam dan pengkembumian jenazah berasingan sememangnya berlaku di beberapa

buah negeri tetapi tidaklah dapat dikatakan sebagai satu gejala yang menjadi-jadi. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan memandang gejala tersebut sebagai berat dan membimbangkan.

Perlu juga dijelaskan bahawa masalah tersebut bukanlah terpancar dari keikhlasan mencari kebenaran atau kemurnian memenuhi cita-cita Islamiah; akan tetapi tentunya didorong oleh muslihat politik yang sempit sehingga membolehkan pentafsiran al-Quran secara sewenang-wenang dan secara angkuh menghukum tanpa dasar dan kaedah yang sah. Lantaran itu, gejala tersebut pasti dibenteras dan yang terlibat wajar dihukum. Antara langkah-langkah yang diambil termasuk:

- (a) Jabatan Ugama Negeri telah mengadakan perjumpaan dan dialog dengan pihak-pihak yang terlibat untuk mencari persefahaman dan penyelesaian;
- (b) Jabatan Ugama Islam Negeri, Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri dan Yayasan Dakwah Islamiah sedang memperhebatkan dakwah melalui penerangan, syarahan dan penyebaran risalah-risalah; dan
- (c) Badan-badan dakwah juga digalakkan untuk mempesatkan kegiatan. Ada di kalangan mereka yang mengambil inisiatif bagi menyelesaikan masalah ini.

Untuk menjaga agar ketenteraman awam dan keselamatan negara tidak terancam dengan menyalahgunakan isu-isu agama, maka Kerajaan telah mengemukakan suatu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Kanun Kesiksaan dan Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1982 dalam persidangan Parlimen ini bagi maksud tersebut. Oleh kerana isi kandungan Rang Undang-undang itu

akan dibahaskan dalam Dewan ini tidak berapa lama lagi, saya tidaklah bercadang hendak memberi butir-butir lanjut mengenainya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga jam 7.00 malam ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PER- BEKALAN, 1983

DAN

USUL

ANGGAR PEMBANGUNAN, 1983

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan Anggaran Pembangunan, 1983 dalam

Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Keduabelas).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 45, B. 46 dan B. 47 (Jadual)—

Maksud P. 45, P. 46 dan P. 47 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh sebab pada besok malam ada satu majlis jamuan Kerajaan, maka persidangan Dewan ini tidak akan dipanjangkan hingga 7.30 malam mengikut jadual. Kita akan tamatkan mesyuarat pada jam 7.00 malam.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil dari Jerai menyambungkan ucapan.

3.36 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Tuan Pengerusi dahulu, berapa lama bagi saya boleh meneruskan

Tuan Pengerusi: Ya?

Tuan Ismail bin Arshad: Berapa minit boleh saya meneruskan ucapan?

Tuan Pengerusi 12 minit lagi.

Tuan Ismail bin Arshad: 12 minit lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi Itu pun hilang masa juga, bertanya itu.

Tuan Ismail bin Arshad: Tuan Pengerusi, menyambung perbahasan saya pada petang semalam di dalam Jabatan Penerangan dan Penyiaran yang saya merangkumi kedua-duanya sekali, pada hari ini lagi sekali jelas apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan dalam

soalan-soalan sebentar tadi bahawa peranan Jabatan Penerangan dan Penyiaran ialah bagi menyampaikan message untuk memberi nilai-nilai penerangan, pelajaran berbentuk perpaduan, meningkatkan matlamat pembangunan, hiburan dan sebagainya sepertimana yang tercatat di dalam buku Program dan Prestasi Belanjawan 1983.

Suatu yang menjadi masalah yang saya percaya, ialah kerapnya apa yang disukai dan apa yang diperlu adalah berbeza. Misalnya ramai yang memerlukan ataupun yang menyukai kepada bidang-bidang hiburan tetapi di segi perancangan untuk menyampaikan message kepada matlamat nilai-nilai pembangunan, pelajaran, moral dan sebagainya mungkin tidak perlu banyak sangat soal-soal hiburan. Walau bagaimanapun, ini adalah merupakan sebagai suatu masalah yang sedang dihadapi, namun haruslah menjadi perhatian Kementerian ini terutama sekali Jabatan Penyiaran dan juga Bahagian Penerangan supaya dapat mengambil perhatian yang sesungguhnya agar matlamat kepada pencapaian itu dapat disampaikan. Sekiranya ini kita tidak memikirkan dengan keadaan yang serius, kemungkinan minat para penonton ataupun pendengar-pendengar menerusi Jabatan Penyiaran iaitu Radio dan Televisyen akan mengubah ataupun mengalihkan minat mereka kepada penyiaran-penyiaran yang lain yang berdekatan ataupun bersempadan dengan negara kita. Apa lagi apabila kita memikirkan kemungkinan dengan perkembangan sains dan teknologi moden sekarang ini dalam masa-masa yang ke hadapan kemungkinan lebih banyak alat-alat moden yang dapat menerima pancaran-pancaran sama ada untuk TV ataupun pancaran-pancaran Radio daripada luar negeri yang dapat diikuti ataupun dapat dituruti oleh peminat-peminat yang ada di negara kita.

Seperti yang pernah saya jelaskan di dalam Dewan ini juga tentang peranan komunikasi yang perlu wujud untuk pencapaian matlamat pembangunan masyarakat, bangsa dan negara kita sejajar dengan kehendak kita sendiri, mungkin ianya akan membawa satu penjejasan dengan adanya perkembangan-perkembangan media daripada komunikasi yang sedang berkembang. Perkembangan-perkembangan ini akan membawa berbagai-bagai perubahan ataupun penterapan kepada pemikiran dan sikap rakyat yang boleh membawakan pula satu keadaan yang tidak harmoni di negara kita, terutama sekali di dalam perkara-perkara yang boleh membawa kepada fahaman yang bertentangan dengan nilai-nilai yang wujud di negara kita sendiri.

Tuan Pengerusi, menyentuh balik kepada peranan penerangan, satu perkara yang juga menjadi umpan kepada penerangan, terutama sekali kepada Jabatan-jabatan Penerangan Daerah Negeri untuk mengumpulkan orang ramai bagi menyampaikan penerangan ataupun mesej yang perlu disampaikan ialah dengan mengadakan tayangan wayang gambar sebagai salah satu acara yang pernah berjalan selama ini. Apa yang menjadi satu keadaan yang tidak mendatangkan keminatan kepada Jabatan Penerangan dalam tayangan wayang gambarnya kerana terdapatnya kebanyakan filem-filem yang ditunjukkan itu adalah filem-filem yang sudah lama dan boleh dikatakan tidak mungkin lagi ditunjukkan kepada massa. Jadi dengan itu kadangkala matlamat umpan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tidak menarik perhatian dan dengan itu kemungkinan kali yang diharapkan untuk dapat matlamatnya itu tidak dapat dicapai dengan sebaik-baiknya.

Satu lagi seperti yang saya jelaskan pada petang semalam, tentang peranan pegawai-pegawai ataupun

peranan untuk meningkatkan prestasi pegawai-pegawai dalam menyampaikan mesej ini, haruslah sentiasa mendapat peluang bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka, sama ada jika perlu diberi peluang kepada mereka itu untuk mengikuti seminar ataupun mengikuti bidang-bidang lain yang dapat meningkatkan lagi pengetahuan dari semasa ke semasa supaya mereka itu dapat peluang ke tempat masing-masing akan dapat membawa beberapa banyak idea dan pandangan-pandangan baru yang bertujuan untuk disampaikan kepada masyarakat umum, semoga matlamat dan harapan kita kepada perancangan yang sedia ada, terutama sekali perancangan di dalam pembangunan negara kita ini dapat benar-benar diterang, diterap dan diterima sepertimana Yang Berhormat Menteri pernah jelaskan. Kalaulah hal-hal seumpama ini tidak diberikan perhatian, kemungkinan kita hanya dapat melaung-laungkan semata-mata di atas segala perancangan dan strategi kita sedangkan kesan di peringkat bawahan tidak dapat dicapai dengan sepenuhnya.

Satu perkara lagi yang menjadi peranan di dalam bidang tugas Jabatan Penerangan ini ialah dengan mengadakan kursus dan pengetahuan sivik di kawasan tempatan. Sivik-sivik ini saya rasa kadangkalanya baik juga diadakan dan kadangkala kebanyakan yang menghadiri kursus sivik ini adalah orang-orang yang sama dan saya yakin dan percaya kemungkinan hal ehwal semasa perlu juga disampaikan kepada orang-orang yang sama yang pernah mengikutinya, tetapi jelasnya kemungkinan kalau kita dirangkumi sepenuhnya matlamat komunikasi kepada seluruh masyarakat setempat, kemungkinan penyampaian kita itu hanya terhad kepada beberapa kalangan dan kepimpinan di setempat sahaja dan tidak dapat diberikan kepada

peringkat yang menyeluruh. Oleh itu, adalah saya rasa amat bersesuaian sekiranya bagi pihak Bahagian Penerangan ataupun Pegawai-pegawai Penerangan di tempat itu dapat menganjurkan lebih banyak lagi perhimpunan ataupun perjumpaan-perjumpaan sivik yang sama ada langsung atau tidak langsung.

Maksud saya yang tidak langsung itu ialah secara pertemuan-pertemuan yang dibuat di peringkat di surau-surau ataupun pertemuan-pertemuan di dalam majlis-majlis tidak rasmi, selain daripada yang dianjurkan secara rasmi. Mungkin dengan itu akan dapat dibuahkan atau ditemuramah hal semasa itu dengan lebih mendalam daripada berdepan di dalam satu majlis ucapan atau sebagainya, kerana kadangkala ucapan-ucapan yang dibuat itu boleh jadi daripada peratus-peratus yang diucapkan, hanya beberapa peratus sahaja yang dapat lekat ataupun dapat masuk ke dalam ingatan bagi tiap-tiap orang peserta. Kalau ini berlaku bererti apa yang kita laksanakan itu memakan masa, membuang perbelanjaan, sedangkan kesannya tidak wujud. Apa yang perlunya apa yang menjadi masalah yang perlu kita bincangkan. Dengan ini sekiranya dapat di dalam semua perjumpaan sivik ataupun perhimpunan, peluang untuk masyarakat mengemukakan persoalan ataupun menjawab persoalan itu adalah lebih memberi kesan kepada kehendak pencapaian penerangan yang dikehendaki itu.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta di bawah Kementerian Penerangan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.47 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, sebenarnya saya tidak berhasrat untuk berucap tetapi

selepas jawapan Yang Berhormat Menteri dalam masa soal jawab, saya rasa ada beberapa point yang patut saya menggunakan peluang ini untuk mengemukakan.

Pertamanya, Maksud B. 46, Jabatan Penerangan, Butiran 1100, Program (2) Rancangan.

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Menteri Penerangan apabila menjawab soalan saya, beliau mengatakan bahawa Kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan satu program penyusun semula masa-masa untuk program-program bagi bahasa-bahasa lain kerana dasar Kerajaan ialah memberikan Keutamaan kepada Bahasa Malaysia tetapi ada kelonggaran yang diberikan kepada lain-lain bahasa, khasnya di channel yang kedua. Kita dipihak sini, DAP menyokong keutamaan yang diberikan kepada program di dalam Bahasa Malaysia, oleh kerana kita semua mengakui dan menerima Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa nasional, tetapi oleh kerana peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan, Perkara 152 yang memberi taraf berperlembagaan (constitutional) kepada lain-lain bahasa dan oleh kerana keadaan Malaysia kita satu masyarakat yang berbilang bangsa dan berbilang bahasa, saya rasa kita tidak boleh menerima pendirian di mana kelonggaran diberi kepada lain-lain bahasa. Penggunaan lain-lain bahasa dalam radio dan TV Malaysia merupakan satu penggunaan yang berhak, satu penggunaan yang berasaskan Perlembagaan dan bukan sebagai ada "grace" kelonggaran oleh kerana kalau pendapat Kerajaan ialah lain-lain bahasa digunakan sebagai kelonggaran, saya rasa satu hari akan sampai di mana apa yang adapun boleh diberhentikan. Oleh sebab itu, saya menyeru Kerajaan untuk menimbang semula mengadakan satu rancangan memperseimbangkan masa-masa untuk program-program

dalam bahasa Cina, bahasa Tamil dan lain-lain tanpa menjejaskan keadaan kedudukan Bahasa Malaysia yang diberi tempat keutamaan. Kalau tidak tentulah tujuan Kementerian Penerangan untuk memastikan lebih ramai orang penonton mengikuti program-program TV Malaysia akan gagal, atau mereka semacam di Johor atau di Melaka mengikuti program Singapura ataupun saya dengar di utara mengikuti program-program Thailand atau mereka akan menonton video-tapes secara beramai-ramai, secara besar-besaran dan apa mesej dan apa tujuan Kerajaan yang mahu dicapai melalui Radio/TV Malaysia akan gagal.

Di sini saya haraplah bahawa disetiap malam bolehlah diperuntukkan di mana ada program untuk bahasa-bahasa yang lain supaya semua rakyat boleh mengikuti, menonton program Televisyen Malaysia. Di sini saya dapati bahawa Kerajaan Malaysia sangat takut untuk menggunakan istilah Yang Berhormat Menteri mengenai 'satellite broadcasting' oleh kerana right to communicate yang disebarkan daripada United Nations. Saya rasa kita janganlah takut oleh kerana ada 'satellite broadcasting' yang akan datang dengan right to communicate. Kita sudah menjadi satu 'global village' di dunia kita, kita tidak boleh kuncikan daripada perkembangan-perkembangan di dunia, apa yang kita mesti mengangap ini satu cabaran di mana kita boleh mengikuti perkembangan sedunia dan apa langkah yang kita patut ambil ialah untuk menanam fikiran-fikiran yang waras yang patut kita mahu menanam dan ini baru boleh dicapai kalau program-program melalui beberapa bahasa yang diikuti oleh penonton-penonton di Malaysia.

Tadi ada seorang Ahli Yang Berhormat mencadangkan mungkin Kerajaan patut mendubkan semua

program-program yang bukan tempatan dalam Bahasa Malaysia untuk menunjukkan identiti negara. Saya rasa kalau tujuannya ialah mahu menunjukkan identiti negara, lebih baik haramkan semua program yang bukan tempatan, saya rasa kita mesti flexible dalam polisi broadcasting dan telecasting.

Tuan Pengerusi, oleh sebab itu saya rasa sangat mustahak bahawa channel yang ketiga dibenarkan secepat mungkin, khasnya kalau boleh satu commercial television supaya program yang lebih sesuai dengan hasrat-hasrat, kehendak-kehendak penonton-penonton Malaysia boleh disebarkan.

Tuan Pengerusi, di sini saya mahu sebut mengenai program Berita dan Laporan Parlimen. Tiap-tiap malam kita ada Laporan Parlimen dan kita sentiasa dapati Laporan Parlimen sangat biased di mana ada berlaku peristiwa di mana pihak-pihak Pembangkang apa yang mereka cakap diputarbelitkan atau gambar yang buruk diberikan. Saya rasa ini sebenarnya adalah satu breach of privilege, oleh kerana apa yang distort diputarbelitkan apa yang berlaku dalam Parlimen baik pun di suratkhobar, radio atau televisyen itu adalah breach of privilege menurut Akta Privileges kita. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh mengeluarkan satu arahan bahawa melalui Laporan Parlimen satu presentation yang bebas, yang tidak biased boleh dikemukakan dan kalau boleh Kementerian Penerangan hendaklah edarkan tiap-tiap hari text yang digunakan dalam "Parliament Report" oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen untuk dibaca dan dilihat dan kalau ada apa-apa kesilapan, haraplah ada peluang untuk membetulkan oleh kerana kita bukan tiap-tiap malam mengikuti. Saya jarang ikuti "Parliament Report: dan kalau ada kesilapan atau

memutarbelitkan kita pun tidak tahu sehingga kita diberi maklumat oleh lain-lain orang.

Yang kedua, saya harap bahawa berita baik di Radio atau TV Malaysia boleh mendapat satu taraf di mana rakyat boleh hormat dan bukan dianggap sebagai satu alat Barisan Nasional. Sungguhpun itu adalah Jabatan Kerajaan, tetapi oleh kerana tugasnya ialah untuk mengeluarkan berita, ia adalah satu peranan yang independent.

Dalam bulan Oktober, apabila parti DAP memenangi pilihanraya kecil Kepayang, tidak ada apa-apa laporan dalam news, headline tidak ada, saya sendiri tidak dengar. Saya dengar bahawa apa yang dapat akhirnya satu ayat, dua ayat, tetapi apabila Barisan Nasional menang Pengkalan Kota headline yang pertama. Apa criteria, Barisan Nasional menang itu news, Barisan Nasional kalah itu bukan news. Apa criteria ini? News patut dikeluarkan ialah siapa menang pilihanraya kecil dan bukan siapa pihak yang menang, itu satu petunjuk. Di Trengganu saya tidak tahu siapa yang akan menang, tetapi kalau itu criteria, kalau UMNO menang, headline news; kalau PAS menang mungkin tidak dengar pun itulah saya harap boleh dibetulkan dan bukan berita (news) TV dan Radio sebagai alat Barisan Nasional, tetapi satu berita Kerajaan bagi pihak rakyat Malaysia.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, Jabatan Penerangan dan pegawai-pegawai penerangan, dalam masa-masa pilihanraya kecil dan pilihanraya besar dan di lain-lain masa ada pegawai-pegawai penerangan yang menganggap tanggungjawab mereka bukan sebagai pegawai-pegawai penerangan, tetapi sebagai pegawai politik, parti-parti politik. Kita tahu ada pegawai-pegawai parti-parti politik baik pun UMNO atau MCA

yang digajikan sebagai pegawai-pegawai penerangan, tetapi mereka tidak patut menggunakan masa kerja mereka untuk menjalankan kerja-kerja parti. Di Melaka baru-baru ini ada berlaku dan di pilihanraya kecil Kepayang juga ada berlaku. Saya sendiri ada tengok satu malam di Kampung Baru Percam di mana DAP mengadakan satu ceramah, datanglah satu van penerangan menayangkan video cinema bahasa China, televisyen tidak mahu tunjuk, tetapi apabila datang pilihanraya kecil video mengenai kungfu negeri China Shaolin' ditayangkan, saya tidak nampak itu program dalam televisyen Malaysia.

Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri bila Shaolin Feat' itu yang saya lihat sendiri akan disiarkan di Televisyen Malaysia? Kenapa dalam pilihanraya kecil apabila DAP mahu buat ceramah mereka mahu mengganggu kerja DAP, datang 'Shaolin Feat' tetapi hujan lebat, tidak siapa orang mahu tengok ceramah besar pun. Itulah sebabnya gagal, tetapi itu telah menunjukkan—janganlah! Kita sekarang ada satu Kerajaan dengan cogan kata 'Bersih, Cekap dan Amanah'. Saya harap semua salah guna kuasa adalah era yang lampau, era yang sudah habis dan beri satu dekat yang baru di mana tidak ada salah guna kuasa diulangi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batang Padang.

3.59 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya bangun turut menyokong sepenuhnya peruntukan Kementerian Penerangan Jabatan Penyiaran dan Jabatan Penerangan yang berjumlah \$239,754,825 bagi peruntukan tahun 1983 akan datang, terutama Jabatan Penyiaran yang

mana saya akan menyebut muka surat 437, Maksud B. 45 Program (5) Filem Negara.

Tuan Pengerusi, RTM, sangat memerlukan wang yang begitu banyak, bukan sahaja hendak dipotong tetapi memerlukan begitu banyak bahkan ditambah lagi kerana berkehendakkan kepakaran jurufilm atau jurugambarnya yang baik dengan hardware ataupun mesin-mesin yang baik dan sebagainya untuk mendapatkan hasil yang baik.

Tuan Pengerusi, tadi kita sudah dengan beberapa orang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan penonton-penonton sudah merungut kerana taraf drama yang ditayangkan tidak bermutu. Drama-drama yang minggu ini akan bersambung ada manusia yang menonton tak faham, berliku-liku, pening kepala menengokkan gambar itu apakah maknanya. Jadi boleh dikatakan gambar itu tak tentu arah ceritanya, terdapat pula lucu sedikit, jadi menunjukkan ketandusan modal dan membosankan penonton, lebih-lebih lagi hitam-putih—tidak mempunyai warna. Oleh kerana mengatasi kelemahan ini maka RTM tidak sangat diminati oleh orang ramai, iaitu rakyat, ditakuti mereka akan beralih kepada video. Video kita tahu sudah banyak rumah-rumah yang memilikinya, kita takuti kebudayaan kuning menyalur ke tiap-tiap rumah. Kalau ibu bapa tidak ada di rumah, anak-anak boleh memasang video dengan menyaksikan gambar-gambar lucu, iaitu seks, cuma yang boleh disaksikan oleh orang-orang yang berkelamin sahaja. Saya tengok filem-filem lucu video bertaburan berleluasa di negara kita, tidak ada sekatan, tidak ada kawalan langsung. Kita boleh lihat syarikat-syarikat mengadakan pusat video di mana-mana pun, ada pula berpusu-pusu anak-anak muda dan anak-anak gadis

kita sibuk menumpu ke pusat tersebut menyewa dengan harga bayaran yang murah:

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian, kita memerlukan satu tenaga yang kuat bagi mengelakkan kecemaran yang berlaku itu, iaitu dengan mengadakan satu akta menyekat kemasukan filem lucah daripada video tersebut dan mengadakan pemeriksaan yang rapi serta penapisan yang cermat, kalau tidak kita adakan satu akta bukan sahaja kita tak berjaya dalam mencapai negara yang cekap, bersih dan amanah tetapi kita boleh dapati rakyat negara ini tidak berdisiplin.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya hendak menyebutkan tentang filem Negara, iaitu panel, penulis. Skrip-skrip yang saya katakan tadi tidak bermutu, saya hendak bertanya kepada Menteri apakah tugas atau peranan filem negara, adakah hanya mengeluarkan iklan-iklan kecil sahaja? Kita berkehendakan penulis skrip yang bernilai dari segi kebudayaan, dari segi tata susila, suasana kehidupan rakyat di negara kita ini. Pada satu masa dahulu saya ada terlibat 'Dayang Suhana', ini adalah satu-satunya tingkatan menunjukkan gambar dalam negara kita ini benar-benar menunjukkan kebudayaan tetapi pada hari ini saya tak tengok apakah peranan Filem Negera melaksanakan satu filem lagi yang berikutnya. Filem Negara gunakanlah tenaga dengan sepenuhnya bagi mengeluarkan filem-filem tempatan seperti 'Dayang Suhana' dan sebagainya nanti.

Tuan Pengerusi, satu lagi berkenaan dengan dokumentasi filem atau filem rencana untuk negara kita ini. Kemajuan-kemajuan negara ini perlu ditayangkan bagi menggalakkan pelancung masuk ke negara kita bagi membanyakkan lagi investment negara kita dan penanam modal dari luar negeri menyaksikan bagaimana

majunya negara ini mereka datang ke mari, lebih-lebih lagi kita bawa filem dokumentasi kita ke luar-luar negeri maka tertariklah hati orang-orang luar negeri ke negara kita ini dan mereka kenal bahawa Malaysia ini adalah tempat yang indah, makmur dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

4.05 ptg.

Datin Paduka Zaleha bin Ismail (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya ingin juga bersama untuk menyokong Belanjawan 1983 yang diperuntukkan kepada Kementerian Penerangan.

Yang pertamanya saya ingin menyentuh mengenai Jabatan Penyiaran B.46, muka surat 444, Butiran 1100, iaitu pertamanya ialah radio dan televisyen, terutamanya televisyen adalah alat sebaran am yang paling efektif. Oleh itu, RTM mestilah berhati-hati memilih serta menentukan bahan-bahan siarannya.

Apa yang ditayangkan di televisyen ditonton oleh semua lapisan, kecil-kecil, tua-muda, yakni kanak-kanak dan belia dan tayangan TV menjadi contoh tauladan kepada mereka dan mereka akan terikut-ikut telatah, tingkah-laku serta pakaian bintang-bintang TV yang mereka lihat tiap-tiap hari, tiap-tiap minggu dan bertahun-tahun lamanya. Justeru itu, janganlah hendaknya filem-filem dan cerita-cerita yang menggambarkan unsur-unsur serta norma-norma dan nilai-nilai hidup yang bertentangan dengan prinsip dan amalan hidup masyarakat kita di Malaysia, khususnya masyarakat Islam, iaitu filem-filem ini biasanya disiarkan hingga bertahun-tahun lamanya, ini akan memberikan kesan yang buruk kepada masyarakat di negara kita ini. Filem yang menunjukkan berbagai unsur negatif yang dimaksudkan, misalnya 'Dallas'.

Oleh kerana Kerajaan telah membuat 'Dasar Pandang ke Timur', maka pada pendapat saya sudah sampai masanya bahan-bahan siaran dari Barat dikurangkan. Buat permulaannya eloklah kita melihat dan mengenal diri kita sendiri melalui siaran TV kerana saya yakin Malaysia tidak kurang dengan sejarah keagungannya dan tidak pula ketandusan para sastrawan yang jaguh-jaguh yang diberikan anugerah sastra tiap-tiap tahun dan juga panel skrip, iaitu penulis skrip yang dikatakan oleh Menteri Penerangan sebentar tadi yang boleh menghasilkan drama-drama dan cerita-cerita bersiri, cerita-cerita keluarga yang sekarang ini terdapat daripada Barat sahaja yang di dalamnya dapat dimuatkan nilai hidup sempurna rakyat Malaysia, unsur-unsur perpaduan antara kaum, etika kerja dan ringkasnya boleh meliputi segala yang merangkumi matlamat Rukun Negara.

Saya suka juga menyentuh mengenai sub-title dan dubbing. Saya berpendapat bahawa filem-filem yang dipilih yang baik mutunya dari luar eloklah dikekalkan dialog asalnya kerana dengan adanya filem-filem dengan dialog asalnya Bahasa Inggeris, Bahasa Jepun misalnya maka anak-anak kita yang mempelajari bahasa kedua dan mungkin bahasa ketiga dapat pendedahan dan boleh mendapat pengajaran daripada filem-filem tersebut. Sekiranya semuanya didubbing, maka rasa saya kurangnya peluang bagi anak-anak kita untuk mendengar cara penggunaan bahasa-bahasa kedua dan mungkin bahasa ketiga yang akan diajarkan di sekolah-sekolah kita.

Tadi salah seorang Yang Berhormat telah menyentuh mengenai 'Drama Minggu Ini'. Memang 'Drama Minggu Ini' adalah satu-satunya rancangan yang ditunggu-tunggu oleh setiap keluarga dan selain daripada ianya

dapat memuaskan dari segi isi cerita, mutu lakunan dan mesej yang banyak disampaikan memanglah hasrat semua rakyat meminta supaya ianya berumpan tadi, berwarna-warni kalau boleh menjelang fajar 1983, tetapi mengikut keterangan Menteri yang berkenaan tadi rancangan ini akan lengkap hanya tahun 1985. Janganlah sampai tahun 1985 baru 'Drama Minggu Ini' diwarna-warnikan dan sebelum ianya diwarna-warnikan janganlah pula ada rancangan-rancangan ini diwarnakan perang, coklat, seolah-olah filem-filem "Hari Ini Dalam Sejarah", jadi lagi tak memuaskan, biarlah dia hitam-puteh kerana kami tahu keadaannya ialah mungkin kerana Kementerian Penerangan, khususnya RTM tidak mendapat peruntukan yang cukup.

Baru-baru ini ada dibaca berita yang menyatakan iaitu akan dikenakan kadar baru bayaran iklan melalui televisyen. Dalam bidang pengiklanan ini hendaknya janganlah RTM memikirkan hanya soal kewangan yang akan diperolehi, tetapi hendaklah juga meneliti iklan-iklan tersebut supaya ianya tidak membawa unsur negatif kepada masyarakat, terutamanya kanak-kanak. Janganlah RTM sebagai jentera Kerajaan melalui pengiklanan menolong pihak-pihak tertentu mengeksploitasi kanak-kanak khususnya dan orang ramai amnya.

Satu lagi rancangan yang sangat-sangat diminati oleh penonton di negara kita ini ialah Titian Muhibbah. Titian Muhibbah begitu popular di kalangan penonton televisyen dan kami berharap iaitu supaya Titian Muhibbah ini diperluaskan kepada negara-negara ASEAN yang lain yang mungkin kemudian nanti dapat juga diperluaskan kepada negara-negara Asia agar kita yang tinggal dalam rantau ASEAN dan Asia dapat mengenali antara satu dengan lain melalui siaran RTM ini.

Ramai merasa begitu hampa dan kurang puas hati atas siaran langsung Aseanika baru-baru ini. Selain daripada kegagalan teknikalnya iaitu saya sendiri apabila melihat seorang juruteknik naik ke pentas menukarkan mikrofon, saya sangka itu sebahagian daripada adengan tetapi rupanya bukan. Dan paling mengecewakan ialah begitu terhad bilangan peserta-peserta yang dibawa daripada negara-negara ASEAN ini iaitu hanya 5 orang daripada tiap-tiap negara ASEAN dan penyanyi-penyanyi itulah juga yang disuruh menjadi penari-penari. Oleh kerana itulah pada pendapat saya bahawa mutu persembahan mereka itu kurang memuaskan kerana tidak menunjukkan tarian-tarian yang begitu cantik dan tinggi mutunya dari negara-negara ASEAN kita ini.

Saya suka juga menyentuh mengenai Rancangan Wanita. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada RTM kerana memuatkan sedikit persoalan guaman dalam Rancangan Wanita. Aspek guaman ini penting dan oleh yang demikian diharap khidmat guaman ini dapat ditambah masanya dalam Rancangan Wanita dan mungkin dalam rancangan-rancangan lain. Dalam persoalan yang sama juga diminta supaya rancangan di Radio dan Televisyen dapat memberikan kefahaman undang-undang kepada penonton-penonton, dengan izin, legal literacy, mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa di negara kita ini. Kandungan Rancangan Wanita hendaklah diperluaskan kepada petunjuk-petunjuk dan mengajar anggota keluarga misalnya cara menjaga anak-anak yang cacat dan/ataupun ibu bapa yang uzur berlarutan supaya mereka ini mendapat penjagaan yang sempurna. Kesimpulannya kandungan Rancangan Wanita haruslah memberi penekanan iaitu wanita, dengan izin, sebagai 'homemaker'.

Kempen Kesedaran Sivik—
 sungguhpun sudah ada kempen yang dimaksudkan iaitu Kempen Kesedaran Sivik yang dianjurkan oleh RTM tetapi pada pendapat ramai adalah baik kalau kempen ini diadakan secara bulanan iaitu bulan pertama misalnya mengenai kesopanan, kemudian mengenai kebersihan dan selepas itu misalnya menolong orang tua, kegunaan kemudahan awam dan lain-lain lagi. Ini akan menjadi, dengan izin, constant reminder kepada orang ramai mengenai kemudahan-kemudahan awam supaya mereka benar-benar menggunakan kemudahan-kemudahan ini bagi faedah mereka dan masyarakat seluruhnya.

Saya sedar bahawa RTM ada menjalankan, dengan izin, "Listeners' and Viewers' Survey" bagi menentukan kegemaran pendengar-pendengar dan penonton-penonton tetapi ini mungkin mengikuti kegemaran individu sahaja. Saya suka mencadangkan RTM sudi menjemput wakil-wakil dari badan-badan sukarela membuat analisa yang kritis supaya jenis kandungan dan mutu rancangan yang disiarkan dapat memenuhi keperluan dan kegemaran semua peringkat pendengar dan penonton iaitu mereka yang sophisticated, golongan yang sederhana dan masyarakat umum.

Saya suka juga menyentuh sedikit mengenai Jabatan Penerangan iaitu Maksud B. 47, Butiran 1100—Pentadbiran Am, muka surat 455. Jabatan Penerangan di daerah-daerah sepatutnya diberi lebih peruntukan bagi memudahkan mereka memberi khidmat penerangan yang lebih berkesan kepada rakyat mengenai dasar-dasar Kerajaan. Oleh kerana bilangan kakitangan di daerah-daerah terhad maka mereka ini terpaksa bekerja lebih masa tanpa bayaran. Selain dari itu kakitangan Jabatan Penerangan di daerah-daerah sering menghadapi masalah perumahan

kerana tiada rumah untuk disewa dan tiada mencukupi rumah-rumah Kerajaan.

Jabatan Penerangan juga adalah diminta menyediakan filem-filem penerangan yang, dengan izin, up-to-date, bagi kawasan-kawasan yang belum mempunyai bekalan elektrik dan kawasan-kawasan di mana penduduk tidak mampu membeli peti televisyen untuk memberi rakyat maklumat yang kemaskini.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya turut menyokong Belanjawan tahun 1983 bagi Kementerian Penerangan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

4.16 ptg.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud Bekalan B. 45 muka surat 437, Butiran 1100, Program (5) Filem Negara Malaysia dan juga Maksud Bekalan B. 47, muka surat 455, Butiran 1100, Program (5) Pengeluaran Visual.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apakah filem-filem yang diterbitkan oleh Filem Negara Malaysia dan adakah filem-filem ini ditayangkan melalui televisyen atau di perjumpaan-perjumpaan Jabatan Penerangan yang memberi penerangan melalui wayang-wayang gambar. Saya juga ingin tahu apakah dimaksudkan dengan Pengeluaran Visual. Adakah pihak Jabatan Penerangan juga menerbitkan filem-filem untuk ditayangkan kepada orang ramai?

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan semua ini oleh sebab saya ingin tahu peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penyiaran, Jabatan Penerangan dan Filem Negara Malaysia dalam usaha menerbitkan filem-filem penerangan untuk digunakan sebagai bahan-bahan penerangan yang boleh disampaikan

kepada orang ramai sebagai menambah pengetahuan mereka berkenaan rancangan-rancangan yang disusun dan dilaksanakan oleh Kerajaan dan juga untuk mereka memahami strategi pembangunan Kerajaan yang ada pada hari ini.

Saya juga ingin tahu sama ada peranan ketiga-tiga badan ini dari segi penerbitan filem dapat disatukan supaya ianya selaras dan dapat memberi sumbangan yang lebih berkesan. Tuan Pengerusi, saya bangkitkan semua ini juga oleh kerana saya dapati Jabatan-jabatan Penerangan Negeri seringkali menghadapi kesulitan untuk mendapatkan filem-filem untuk ditayangkan kepada orang ramai dan kerap kali filem-filem yang dibekalkan oleh Kementerian adalah filem-filem lama yang diterbitkan di dalam tahun-tahun lima puluhan dahulu seperti yang disebutkan juga oleh rakan saya dari Jerai sebentar tadi.

Dengan adanya penerbitan-penerbitan melalui Filem Negara Malaysia, Jabatan Penyiaran dan Jabatan Penerangan saya rasa pihak Kementerian dapat membekalkan filem-filem yang baru yang lebih menaikkan minat orang ramai.

Saya juga ingin menyentuh Maksud Pembangunan P. 46, Butiran 9, Butiran 41 hingga 46, muka surat 450 dan 452 mengenai Radio dan Televisyen. Penerangan adalah nadi bagi sesebuah negara yang Kerajaannya adalah Kerajaan yang bertanggungjawab kepada dan berjiwa rakyat. Strategi pembangunan yang disusun oleh Kerajaan hendaklah disampaikan dan diterangkan kepada rakyat supaya mereka faham matlamat Kerajaan dan faedah yang boleh diperolehi oleh rakyat. Semua rancangan-rancangan Kerajaan adalah untuk kepentingan rakyat. Rancangan-rancangan Kerajaan ini tidak akan berjaya seperti yang diharapkan sekiranya rakyat tidak

dapat menilai satu-satu rancangan itu dan tidak dapat menyambut baik rancangan-rancangan tersebut. Rancangan-rancangan Kerajaan ini juga tidak dapat mencapai matlamatnya jika rakyat tidak mengambil bahagian yang sewajarnya untuk menjayakan rancangan-rancangan tersebut. Oleh yang demikian, peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan, oleh Radio dan Televisyen Malaysia adalah penting untuk menyampaikan hasrat Kerajaan kepada rakyat dalam usaha untuk membangunkan negara ini. Dalam usaha untuk memberi penerangan ini Kementerian Penerangan sendiri mengadakan rancangan-rancangan pembangunannya untuk memudahkan lagi penyebaran am kepada rakyat. Pembangunan-pembangunan ini termasuklah pembinaan pejabat-pejabat Penerangan Daerah, pusat-pusat pemancaran dan studio-studio radio dan studio-studio televisyen.

Tuan Pengerusi, di Kedah pihak RTM telah pun menubuhkan studio siaran radio kawasan utara sejak tahun 1980 lagi. Siaran radio kawasan utara ini telah memberi banyak peluang untuk menyiarkan berita-berita tempatan. Siaran drama-drama pembangunan dan sedutan ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin peringkat negeri dan daerah untuk kepentingan dan pengetahuan orang ramai. Di samping itu juga, saya diberi tahu RTM telah menyediakan peruntukan sebanyak \$6.2 juta bagi membina studio televisyen supaya rakaman-rakaman dapat dibuat di Alor Setar dan apabila siap studio ini orang ramai berpeluang menonton rakaman-rakaman tersebut. Sebidang tanah seluas 12 ekar telah pun diperolehi di Batu Dua Jalan Kuala Kedah untuk maksud tersebut. Tanah ini telah pun ditambun dan upacara meletakkan batu asas telah pun selesai lebih kurang dua tahun yang lampau oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sendiri.

Tuan Pengerusi, upacara meletakkan batu asas itu adalah satu upacara yang sungguh meriah dengan dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan pada masa itu dan juga pembesar-pembesar negeri. Sempena dengan upacara itu satu pamiran bergambar telah pun diadakan di tapak tersebut bagi tujuan memperkenalkan dengan lebih dekat lagi kegiatan-kegiatan RTM, pembangunan-pembangunan yang telah dilaksanakan dan rancangan-rancangan yang akan datang termasuklah pelan-pelan untuk studio tersebut.

Tuan Pengerusi, dua tahun sudah berlalu, studio yang dicadangkan belum lagi wujud bahkan tidak ada kerja-kerja kelihatan di tapak tersebut. Tapak hanya tinggal tapak dan batu asas dengan simbol RTM terpampang indah, hanya tinggal batu asas. Tapak RTM tersebut buat beberapa ketika menjadi tumpuan orang ramai, bukan untuk menyaksikan rakaman-rakaman TV tetapi untuk meletakkan kereta-kereta rosak. Tiap-tiap malam sehingga ke pagi berpuluh-puluh kereta rosak terlantar di kawasan tapak RTM di Batu 2 Jalan Kuala Kedah. Di Kuala Kedah sekarang RTM bukan lagi bermaksud Radio Televisyen Malaysia, saya ingat Timbalan Menteri Penerangan lebih maklum dalam perkara tafsiran RTM ini, yang mana di Kedah sekarang RTM dikenali ataupun bermaksud "Romance till morning".

Di dalam peruntukan yang dicadangkan bagi tahun 1983, saya dapati peruntukan pembangunan hanya untuk radio iaitu studio baru dan stesyen pemancar Alor Setar yang diberi peruntukan tanda sebanyak \$10 tetapi bagi pembangunan studio baru televisyen tiada apa-apa peruntukan untuk membina studio TV di Alor Setar. Keadaan yang berlarutan ini mengaibkan semua pihak sama ada di peringkat negeri atau di peringkat

Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, di dalam Dewan yang mulia ini saya merayu supaya Kementerian Penerangan dapat mencari jalan supaya pembinaan studio Televisyen di Alor Setar dapat diteruskan dengan secepat mungkin.

Dengan ini, saya menyokong peruntukan Kementerian Penerangan bagi tahun 1983, Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Mas.

4.25 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P. 46, Butiran 21 dengan tajuk—**Tambahan Kelengkapan Penyiaran Kawasan Sarawak** di muka surat 451.

Saya merasa hampa apabila mengetahui bahawa banyak peruntukan berjumlah \$10 sahaja diberi sebagai token bagi tambahan kelengkapan penyiaran kawasan Sarawak. Saya rasa peruntukan ini tidak semestinya dikurangkan memandangkan kelengkapan penyiaran kawasan Sarawak perlu dilengkapi dan diperkemaskan lagi. Diseminasi atau penyiaran berita-berita dan dasar-dasar Kerajaan kepada penduduk-penduduk pedalaman adalah amat penting supaya dapat mengelakkan dari adanya berita lain yang buruk yang akan mempengaruhi mereka yang tinggal di pedalaman.

Tuan Pengerusi, Kebanyakan tempat-tempat ataupun kampung-kampung di pedalaman di Sarawak tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang akan memudahkan tangkapan ataupun penerimaan siaran televisyen. Oleh kerana itu, satu media massa penting di mana mereka dapat mendengar suara dunia luar itu ialah melalui radio yang menggunakan battery. Jika stesyen pemancar radio dan studio dan

kelengkapan penyiaran kawasan Sarawak tidak diperkemaskan dengan alat-alat yang moden, adalah sukar bagi penduduk-penduduk yang jauh di pedalaman untuk mendengar siaran radio dengan terang.

Saya telah menerima aduan-aduan dari penduduk-penduduk di Bahagian Kelima dan Keempat bahawa penerimaan siaran, khususnya siaran Lun Bawang ataupun siaran Murut dari stesyen pemancar radio dan studio di limbang itu kurang terang dan tidak memuaskan, khususnya di tempat-tempat pergunungan. Masalah ini pun telah dialami oleh penduduk-penduduk sejak beberapa tahun dahulu.

Saya difahamkan bahawa pihak Kementerian telah bersetuju untuk mengkaji masalah ini satu ketika dahulu dan nampaknya sehingga sekarang tidak ada apa-apa langkah yang telah diambil oleh Kementerian demi mengatasi masalah tersebut. Memandangkan masalah yang saya telah sebutkan tadi, saya berharap supaya Kerajaan dapat mengambil titikkberat tentang masalah ini supaya penduduk-penduduk di pedalaman ini dapat mendengar dengan lebih terang lagi siaran radio di Limbang.

Mengenai dengan pembayaran lesen-lesen yang dikenakan kepada alat-alat radio dan televisyen di kawasan pedalaman, saya berharap supaya Kerajaan dapat menimbangkan semula syarat ini dan saya harap supaya Kerajaan dapat memansuhkan pembayaran tersebut oleh kerana pembayaran tersebut telah pun menyusahkan pengguna-pengguna radio dan televisyen di kawasan pedalaman. Kebanyakan mereka menggunakan radio dan televisyen dengan pertolongan dari bateri dan jenerator-jenerator mereka masing-masing. Oleh kerana itu tidaklah menasabah dan adil kalau

mereka ini dikenakan pembayaran lesen sama dengan pengguna-pengguna di bandar.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya turut serta menyokong anggaran belanjawan bagi Kementerian Penerangan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Labis.

4.32 ptg.

Tuan Bahari bin Haron (Labis): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 45, Kod 1100, Program (1).

Saya menyanjung tinggi segala usaha-usaha Kementerian ini yang telah menunjukkan kegigihan dan keupayaannya dari segi hendak memberikan penerangan dan pendidikan sambil memberikan hiburan. Kita sebenarnya boleh berbangga dengan RTM jika dibandingkan dengan TV-TV di setengah-setengah negara yang membangun mahupun yang telah maju. Di samping kejayaan yang telah kita capai setakat ini ada perkara-perkara yang mungkin atau yang perlu diperbaiki.

Saya ingin menyentuh Butiran 1100, Program (2) iaitu dari segi rancangan-rancangan sukan yang sepatutnya perlu ditambah dan masa penyiarannya mestilah bersesuaian, misalnya pada petang hari Sabtu dan program-program sukan yang popular seperti bola sepak, badminton, hoki dan sebagainya hendaklah diperbanyakkan tayangannya.

Kita mungkin perlu membawa masuk filem-filem pertandingan bola sepak dari siri-siri perlawanan antarabangsa ataupun perlawanan yang terkemuka dan diminati ramai misalnya Englis League. Sungguhpun terdapat tayangan-tayangan bola sepak di TV Malaysia pada hari ini kebanyakannya terdiri daripada filem-filem yang telah lama.

Saya menyentuh Maksud B. 45, muka surat 444, Kod 1100, Program (1) dari segi artis-artis tempatan. RTM seharusnya memastikan layanan yang adil diberikan kepada artis-artis tempatan yang muncul di kaca TV dan juga di Radio. Kadar pembayaran kepada mereka perlulah sentiasa dikaji dari masa ke semasa. Sekatan-sekatan yang tidak realistik dari segi gaya persembahan yang mungkin menjadi sesuatu persembahan itu kaku dan tidak menarik haruslah diteliti dengan sehalus-halusnya kerana ini mungkin menjadi artis-artis kita tidak berminat hendak muncul di TV. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Putih.

4.35 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Putih): Tuan Pengerusi, saya suka bercakap B, 46, Program (2), muka surat 444 iaitu rancangan Semenanjung Malaysia.

Saya suka hendak menyebut tentang Laporan Parlimen yang diadakan sekarang. Sebenarnya masa yang ditayangkan itu adalah cukup dan memuaskan tetapi janganlah Laporan Parlimen ini dijadikan sebagai tempat untuk orang-orang tertentu mencari publisiti murah kerana publisiti murah yang digunakan ini adalah semata-mata untuk menimbulkan mukanya sahaja dengan membawa usul-usul yang juga mereka ini tahu usul yang mereka bawa itu tidak akan diluluskan dan tidak akan diberi sokongan tetapi mereka tetap membawa usul. Ini adalah merupakan mereka ini untuk mencari publisiti murah. Misalnya, satu contoh, kelmarin membawa usul memotong \$10 dan telah menuduh Polis sebagai tali barut taukeh-taukeh dan juga saya telah menyatakan DAP merupakan tali barut kepada pengkhianat. Ini juga merupakan mendapatkan siaran di TV dan juga di akhbar-akhbar.

Jadi, bukanlah maksud saya apa yang saya katakan ini janganlah gunakan Laporan Parlimen ini untuk orang-orang tertentu mencari publisiti murah tetapi carilah isu-isu yang boleh memberi pandangan yang baik yang berguna serta bernas. Misalnya, kalau kita memberi terlampau banyak siaran kepada Pembangkang dan kata-katanya dimasuk dalam Laporan Parlimen itu, ini lebih banyak meracuni fikiran rakyat dan juga kata-katanya selalu tidak memberi faedah, sebaliknya mendatangkan keburukan. Oleh itu kalau boleh tiap-tiap Laporan Parlimen itu diberi istimewa kepada orang-orang dipihak Kerajaan, biar Menteri itu banyak sedikit supaya fikiran karut dan racun yang boleh sampai kepada rakyat itu tidak akan sampai kepada rakyat dan biarlah kata-katanya itu ada dalam *Hansard* sahaja.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu juga saya dapati sebagaimana yang didakwa bahawa siaran luar masuk ke dalam negara kita terutama daripada Singapura, negeri yang bersempadan dengan kita. Ini adalah merupakan lebih bahaya daripada kita membenarkan perkara ini berlaku. Kalau kita hanya mengadakan penapisan filem yang RTM telah mengadakan sekatan-sekatan terhadap filem ataupun siaran yang disiarkan di TV Malaysia tetapi kalau ada rakyat yang dapat mengambil siaran daripada negara jiran, sudah tentu hasrat Kerajaan tidak akan tercapai dan siaran yang disiarkan mereka itu lebih menguntungkan. Oleh itu, saya mencadangkan pihak Kementerian ini supaya membuat satu undang-undang menyekat mereka yang di sempadan ini mengambil siaran daripada luar dengan mengencamkan aerial TVnya dan mengambil tindakan dan adakan undang-undang yang boleh menyekat supaya mereka ini tidak mengambil siaran daripada luar dengan sewenang-wenangnya. Kerana sebagaimana kata

Yang Berhormat Menteri tadi bahawa suatu masa kita akan ada pemancaran international satellite katanya yang kita boleh mengambil semua sudut pemancaran dari semua negara. Ini adalah lebih membahayakan lagi. Oleh itu saya minta persiapan awal mesti diadakan supaya rakyat di dalam negara kita ini tidak akan dapat menerima siaran International satellite ini, kerana ini boleh merosakkan moral dan juga boleh merosakkan keadaan yang ada dan keadaan yang wujud itu akan dieksploitasikan oleh golongan yang suka hendak mencari satu publisiti atau satu keadaan untuk kepentingan mereka. Ini merupakan sesuatu perkara yang luar daripada biasa tetapi merupakan sesuatu perkara yang baik kepada negara kita yang mempunyai berbilang kaum, kerana mereka ini sangat sensitif. Dengan sebab itu daripada awal sebelum pelancaran international satellite sampai kepada negara kita di dalam beberapa tahun lagi misalnya yang sudah tentu kita tidak akan dapat elakkan dan persiapan awal mesti ada, undang-undang mesti menyekat perkara ini, kerana perkara ini mungkin akan dapat diatasi sekiranya berlaku lebih awal lagi.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak bercakap B. 45 Program (6) iaitu Geraksaraf. Peruntukan diberi dalam Geraksaraf ini tahun 1983 ini sebanyak hanya \$376,500 dan tahun 1982 sebanyak \$795,000. Jadi perbezaan kurang tahun ini sebanyak \$418,600. Jadi kekurangan ini membuktikan bahawa Kementerian ini begitu mengambil berat tentang Geraksaraf kerana Geraksaraf ini adalah merupakan mereka yang akan menentukan anasir-anasir yang mempengaruhi dan juga merubahkan sikap dan daya pengertian penerimaan rakyat dan mendorong mereka supaya menyokong dan bertindak untuk menyesuaikan dalam kehendak-kehendak dan matlamat negara. Jadi, kalau sekiranya badan ini kita

memberi peruntukan yang banyak, yang istimewa maka sudah tentu badan ini tidak akan menjalankan tanggungjawabnya. Kalau keadaan begitu patutlah Jabatan Geraksaraf diserahkan kepada Jabatan Dalam Negeri kerana mereka itu ada juga merupakan satu badan yang boleh memelihara dan menjaga keselamatan negeri daripada ancaman anasir-anasir anti-nasional, subversif dan komunis adalah lebih tegas menjalankan perkara ini supaya keadaan ini tidak berlaku.

Dari tinjauan saya, untuk menentang komunis lebih senang daripada kita menentang anti-nasional dan subversif. Sebab itulah dalam Geraksaraf ini kita hendaklah berhati-hati dan hendaklah mengambil tindakan kerana golongan anti-nasional dan subversif inilah yang dikatakan musuh di dalam selimut, gunting dalam lipatan yang sentiasa menentang dasar dan pelaksanaan Kerajaan. Kerja-kerjanya mencari salah Kerajaan tetapi malangnya sekiranya terdapat dasar dan pelaksanaan Kerajaan yang lebih baik ditentang juga kerana sifat golongan ini adalah golongan anti-nasional dan subversif. Saya minta supaya yang Berhormat Menteri memberi definisi orang-orang atau golongan macam manakah yang dikatakan anti-nasional dan subversif yang boleh merosakkan peranan Geraksaraf. Kita takut-takut nanti saya memberi tafsiran yang salah terkena kepada orang-orang lain pula. Bagi saya tafsiran ini siapa sahaja atau golongan mana sekalipun yang menentang dasar Kerajaan dan pelaksanaan pembangunan Kerajaan untuk kebaikan dan kesempurnaan rakyat adalah anti-nasional dan juga merupakan gerakan subversif.

Begitu juga kepada mereka yang berpangkat, berbisik, berkumpul sulit dan bertopengkan parti politik yang halal untuk memecah-belahkan rakyat iaitu memecahkan masyarakat Melayu di kampung-kampung dan

memecahkan masyarakat China di bandar-bandar dengan tujuan supaya negara ini huru-hara, Kerajaan yang ada menjadi lemah. Apabila wujudnya keadaan ini, mereka itu akan mengambil kesempatan untuk mengambil alih kuasa sebagaimana tindakan yang dilakukan oleh Komunis. Walaupun golongan komunis merupakan abang yang tua dalam menentang Kerajaan, subversif adalah sebagai adik tengah dan anti-nasional adalah adik bongsu. Maka golongan adik tengah dan adik bongsu inilah yang amat sukar dibenteras oleh Kerajaan kerana mereka ini berada di sekeliling kita, ada kad pengenalan, tinggal dalam bandar, tinggal di tengah-tengah masyarakat menyebabkan mereka ini susah untuk kita mengancamnya dan peranan Geraksaraf adalah penting untuk menentukan keadaan ini. Oleh itu, Kerajaan hendaklah berhati-hati dan menentang habis-habisan golongan-golongan anti-nasional dan subversif ini agar tunas mereka tidak akan terus tumbuh dan mengancam negara serta rakyat dengan lebih besar lagi. Bukan sahaja mereka ini perosak dan memecah-belahkan rakyat tetapi ada setengah golongan anti-nasional dan subversif ini mempermainkan hukum-hukum agama Islam yang suci.

Mereka juga menjualkan ayat-ayat Quran dengan harga yang murah dan mentafsirkan sekerat-sekerat mengikut selera dan kepentingan diri mereka. Kalau golongan ini tidak ditangkap dan bertindak habis-habisan sudah tentu agama Islam akan tercemar dan masyarakat Islam akan berpecah. Sekiranya keadaan ini berlaku maka datanglah hantu dan syaitan yang membawa isu anti-nasional dan subversif yang boleh menghancurkan negara ini. Oleh itu kepada Kerajaan peranan Geraksaraf untuk mengubah sikap rakyat seperti ini adalah penting. Kerana kita tahu terutama sekali rakyat dalam bandar yang telah diberi penerangan yang

salah, diberi tafsiran yang salah, diberi keadaan-keadaan yang tidak betul, maka peranan Geraksaraf adalah penting. Oleh kerana peranan Geraksaraf ini penting, saya mintalah supaya peruntukan ini diberi lebih banyak daripada apa yang ada. Janganlah jabatan ataupun bahagian ini diadakan hanya melepaskan batuk di tangga kerana kita tahu perkara ini lebih penting daripada segala-galanya.

Dengan itu, saya menyokong peruntukan yang diberikan kepada Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Hilir Padas.

4.46 ptg.

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob (Hilir Padas): Tuan Pengerusi, saya berdiri mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai dengan anggaran peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian Penerangan bagi tahun 1983. Dengan ini saya ingin menarik perhatian Kementerian tersebut mengenai dengan beberapa Butiran di Maksud P. 46 iaitu Butiran 63, muka surat 453, Butiran 21, Butiran 22 di muka surat 463.

Butiran 21 iaitu mengenai Pembinaan Pejabat-pejabat Penerangan di seluruh Sabah. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak Kementerian Penerangan kerana sedang membina sebuah pejabat iaitu Ibupejabat Penerangan di Kota Kinabalu. Seharusnya pembinaan pejabat ini dilakukan lebih awal lagi memandangkan bahawa Pejabat Penerangan yang digunakan sekarang ini iaitu di Kota Kinabalu adalah sudah lama dan tidak dapat menampung kakitangan-kakitangan yang kian bertambah. Saya ingin bertanya di sini, sama ada peruntukan

yang diberikan itu adalah termasuk kos perbelanjaan pembangunan ibu pejabat di Kota Kinabalu yang sedang dibangunkan sekarang ini ataupun kos pembangunan pejabat-pejabat yang akan diadakan di seluruh negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, apa yang mengecewakan saya ialah di kebanyakan bandar-bandar yang penting di Sabah tidak mempunyai bangunan Pejabat Penerangan sendiri, ini termasuklah beberapa bandar yang terpenting di kawasan saya seperti di Labuan dan di Beaufort. Apa yang ada ialah ruang pejabat menumpang di Pejabat-pejabat Daerah yang diuntukkan kepada Pejabat Penerangan. Kebanyakan darinya adalah kurang dan tidak mencukupi. Seperti kita semua maklum bahawa hal-ehwal penerangan adalah amat penting di dalam kehidupan kita seharian, terutama sekali kepada para penduduk di desa. Justeru itu mereka yang bertanggungjawab yang memberi maklumat dan penerangan haruslah menyampaikan dengan amanah, jujur dan berkesan. Dengan penerangan yang lurus dan lengkap sahajalah akan dapat memberikan faedah dan makna kepada rakyat, terutama sekali rakyat di luar bandar. Untuk memastikan pencapaian matlamat ini dengan berjaya adalah perlu prestasi perkhidmatan kakitangan Pejabat Penerangan di seluruh daerah-daerah di negeri Sabah dipertingkatkan lagi.

Tuan Pengerusi, jika kita mahu melihat seseorang kakitangan itu menyumbangkan tenaga dan perkhidmatannya ke arah bersih, cekap dan amanah, kita haruslah juga memahami hati dan hakikat mereka di dalam sesuatu pengendalian pekerjaan itu dan juga faktor-faktor yang lain seperti kemudahan ataupun fasalilitas yang sedia ada. Untuk mencapai matlamat ini kita haruslah juga mengambil perhatian yang wajar atas kebajikan mereka. Oleh hal yang

demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan supaya dapat membina rumah kediaman kakitangan penerangan di seluruh Sabah yang mana pada masa ini tidak banyak yang ada. Saya juga merayu kepada beliau supaya dapat membina Pejabat-pejabat Penerangan di bandar-bandar yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian beliau juga mengenai dengan Butiran 22 iaitu Unit-unit Berkereta di Sabah yang mana diperuntukkan sebanyak \$10 sahaja bagi tahun 1983. Ini sudah semestinya bermakna kegiatannya menyebarkan risalah dan penerangan melalui Unit-unit Berkereta itu akan tidak dapat dilaksanakan pada tahun 1983. Kalau inilah berlaku, yang sudah pasti akan berlaku, maka akhirnya siapa yang rugi. Kita sendiri yang menerima akibatnya. Oleh yang demikian, saya kepada pihak beliau supaya dapat meneruskan khidmat Unit-unit Berkereta ini iaitu khususnya di luar-luar bandar. Dengan adanya perkhidmatan yang sedemikian itu, saya yakin dan percaya penyiaran penerangan akan dapat disampaikan kepada rakyat di kampung-kampung dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan Maksud P. 46, Butiran 63 di muka surat 453 iaitu mengenai dengan mengadakan Rangkaian Kedua ke Sabah.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kementerian Penerangan yang mana telah memperuntukkan peruntukan. Saya berharap secukupnya bagi mengadakan Rangkaian Televisyen Kedua ke Sabah. Penduduk di Sabah telah lama berhasrat untuk menikmati penyiaran rancangan tersebut.

Tuan Pengerusi, mengadakan rangkaian tersebut adalah satu perkara yang dialu-alukan tetapi

mengadakan siaran-siaran ataupun filem-filem ataupun program-program yang akan disiarkan melaluinya adalah satu perkara lain dan satu perkara yang amat penting. Saya merayu kepada pihak Kementerian Penerangan supaya meneliti dan menyelidiki sedalam-dalamnya bentuk dan kualiti program yang akan disiarkan melalui Televisyen tersebut.

Saya sedar dan faham bahawa adalah sudah menjadi hakikat Kerajaan untuk memberikan penerangan yang secukupnya kepada rakyat mengenai dengan hal ehwal negara di dalam semua bidang. Radio dan Televisyen adalah merupakan mass media yang penting di dalam melaksanakan hakikat ini. Untuk memastikan bahawa mass media terutama sekali Televisyen dapat memainkan peranan ini, ianya haruslah mempunyai daya penarik supaya sebilangan besar penduduk di negara ini menggunakan siaran Televisyen itu sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, Radio dan Televisyen bukanlah semata-mata berfungsi untuk memberi penerangan sahaja. Manusia di dunia ini mempunyai berbagai ragam, perasaan dan kegemaran di dalam hidup ini. Sifat semula jadi manusia ialah mereka suka kepada hiburan. Radio dan Televisyen adalah merupakan satu daripada mass media yang penting untuk menghidangkan hiburan. Ini adalah amat penting lagi bagi para penduduk-penduduk di luar-luar bandar di mana tempat-tempat hiburan adalah terhad.

Tuan Pengerusi, akhir-akhir ini nampaknya ramai rakyat terutama sekali yang berkemampuan kini mengenenpikan siaran televisyen dan mengalihkan menonton kepada tayangan video. Ini sudah semestinya akan menghalang hasrat Kerajaan untuk menyebarkan segala hal ehwal pembangunan, dasar-dasar Kerajaan dan penerangan yang berfaedah

kepada rakyat jelata. Siapakah harus kita persalahkan di dalam soal ini? Mungkin ada sesuatu sebab kenapa mereka itu beralih kepada menonton video. Andaikata pepatah: Kalau tidak kerana angin manakan pokok bergoyang. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Penerangan supaya menyelidiki dengan mendalam sama ada siaran-siaran televisyen yang dikemukakan sekarang ini mendapat sambutan yang sepatutnya dari rakyat semua dan seterusnya mengambil tindakan positif untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 45, Butiran 2 di muka surat 442 iaitu mengenai Makmal Filem Berwarna yang mana peruntukan bagi tahun 1983 telah ditambah lebih kurang dua kali ganda dari peruntukan tahun ini. Dengan ini adalah diharapkan bahawa banyak lagi rancangan-rancangan televisyen terutama sekali keluaran tempatan seperti Drama Minggu Ini, Anikaria, Mekar dan Segar dan sebagainya dapat ditayangkan di dalam bentuk berwarna, di samping mutu sesebuah filem itu tidak siapa dapat menafikan bahawa rancangan yang berwarna-warni adalah lebih menarik dari rancangan yang berwarna hitam putih. Ini adalah satu sektor daya penarik yang harus diambil kira.

Tuan Pengerusi, seperti yang dimaklumi, Jabatan Penerangan ada melaksanakan tayangan filem-filem penerangan secara percuma di kampung-kampung. Ini adalah satu usaha yang baik. Walau bagaimanapun apa yang saya ingin utarakan di sini ialah kebanyakan dari filem-filem yang ditayangkan itu adalah filem-filem yang sudah lama yang mana tidak mencerminkan keadaan-keadaan sekeliling yang sebenar dan keadaan pembangunan zaman masa kini. Dengan adanya Makmal Filem Berwarna itu, saya merayulah kepada pihak Kementerian Penerangan supaya membuat filem-filem

penerangan yang baru dan di dalam bentuk warna-warni. Dengan yang demikian adalah diharapkan supaya hasrat Kerajaan untuk menyebarkan penerangan akan dapat sambutan sepenuhnya dari rakyat terutama sekali yang tinggal di desa.

Tuan Pengerusi, Radio dan Televisyen juga memainkan peranan penting di dalam mencapai matlamat integrasi negara. Di dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan supaya RTM dapat menyiarkan melalui Siaran nasional program-program yang berunsurkan corak kebudayaan, hal ehwal semasa dan hiburan-hiburan yang dikeluarkan di Sabah.

Saya juga mencadangkan supaya RTM dapat mengambil dan melaksanakan penggambaran rancangan seperti 'Drama Minggu Ini' di Sabah di mana terdapat juga beberapa keindahan alam semula jadi yang biasa dijadikan latar belakang drama tersebut. Dengan ini, saya yakin dan percaya pencapaian matlamat ke arah taraf integrasi itu akan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Anggaran Kementerian Penerangan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

4.57 ptg.

Tuan Justine Anak Jinggot (Ulu Rajang): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit dalam membahaskan Belanjawan iaitu di muka surat 453, Maksud Pembangunan 46 Perkhidmatan Penyiaran, Butiran 52 mengenai Stesyen Pemancar Televisyen Kapit (Kapit TV Transmitting Station).

Sebelum saya memanjangkan ucapan saya, saya memberi ribuan terima kasih kepada Kerajaan oleh kerana telah menyiapkan Stesyen

Pemancar Televisyen di Kapit. Rakyat di Ulu Rajang sangat gembira kerana sudah lama menunggu projek Stesyen Pemancar Televisyen di Kapit ini disiapkan dan saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan pimpinan 2M yang bersikap Bersih, Cekap dan Amanah.

Tuan Pengerusi, Televisyen adalah sangat berguna kepada rakyat luar bandar. Sudah lama mereka di luar bandar tidak mengerti kebanyakan polisi-polisi Kerajaan oleh kerana kekurangan komunikasi di antara Kerajaan dan penduduk-penduduk di luar bandar. Penduduk-penduduk luar bandar khususnya di Ulu Rajang hanya mengetahui perkara-perkara yang terjadi di dalam atau di luar Malaysia dari Radio. Juga oleh kerana tempat yang mereka tinggal itu jauh dari bandar dan kebanyakan daripada penduduk-penduduk di luar bandar itu buta huruf, mereka tidaklah membaca akhbar.

Juga oleh kerana kebanyakan daripada mereka yang diam di luar bandar itu adalah orang yang miskin, mereka tidaklah dapat melawat tempat-tempat di Malaysia untuk melihat apa yang Kerajaan telah buat ataupun apa polisi-polisi Kerajaan terhadap orang-orang di bandar dan juga orang-orang di luar bandar.

Oleh kerana ada televisyen, mereka yang tinggal di luar bandar tidaklah sepertimana kata orang Melayu: Seperti katak di bawah tempurung, iaitu mereka hanya tahu apa terjadi di kawasan mereka sahaja. Dengan adanya televisyen, mereka yang tinggal di kawasan pedalaman dapatlah melihat bukan sahaja apa yang terjadi dalam Malaysia tetapi mereka dapat melihat apa yang terjadi di luar negeri. Mereka juga dapat membandingkan kehidupan mereka dengan kehidupan orang lain, akhirnya akan mengubah kehidupan mereka supaya mereka yang tinggal di luar bandar dapat

meninggalkan kehidupan mereka yang primitif dan menggunakan kehidupan yang berhasil dan moden.

Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan sedikit masalah yang didapati di luar bandar, khususnya di Ulu Rajang. Oleh kerana banyak bukit yang tinggi, ada setengah daripada penduduk di sana tidak dapat melihat rancangan TV. Saya dengan penuh harapan supaya Kementerian Penerangan dapat membuat feasibility study supaya dapat membuatkan satu stesyen pemancar TV di Belaga. Pada masa sekarang penduduk di daerah Belaga dan juga kawasan-kawasan pedalaman yang berhampiran dengannya belum lagi dapat melihat rancangan TV. Saya dengan penuh harapan merayu kepada Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah supaya mengkaji perkara ini dengan teliti.

Tuan Pengerusi, dari segi rancangan juga saya dengan penuh harapan supaya Kementerian Penerangan dapat menambahkan rancangan-rancangan kebudayaan orang-orang Iban, Melanau, Kedayan, Dayak, Bidayuh dan lain-lain di Sarawak. Dengan itu, saya menyokong penuh di atas Belanjawan yang diperuntukkan kepada Kementerian Penerangan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Hilir Perak.

5.02 ptg.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, dalam menyertai berucap di peringkat Jawatankuasa dan dalam Maksud Bekalan 45 dan 46 bagi Kementerian Penerangan dan Jabatan Penyiaran, ingin saya memperkatakan sedikit tentang hal lesen radio dan TV. Radio dan TV hari ini bukanlah lagi merupakan barang-barang mewah tetapi adalah barang-barang mesti bagi

sesuatu keluarga sekurang-kurangnya radio. Ini adalah kerana radio dan TV adalah alat komunikasi yang penting antara Kerajaan dan rakyat. Terlalu banyak perkara yang ingin disampaikan oleh Kerajaan kepada rakyat dan terlalu banyak rakyat ingin mendengar dan mengetahui daripada Kerajaan.

Mass media yang berkesan dan cepat walau untuk memberitahu atau untuk menerima adalah radio dan TV. Dengan itu, pihak saya mengesyorkan kepada Kementerian Penerangan menimbang semula adakah perlu lesen radio dan TV dikekalkan ataupun dimansuhkan. Kalaupun lesen radio atau TV itu ingin dikekalkan adalah baik difikirkan semula cara-cara pembayaran lesen itu dibayar. Pada hari ini rakyat terpaksa pergi ke pejabat-pejabat pos untuk membayar lesen. Lesen-lesen dikeluarkan, pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian terpaksa berkeliaran rumah ke rumah untuk memeriksa lesen, kadangkala saman dikeluarkan, didakwa di mahkamah dan sebagainya. Ini semua melibatkan perbelanjaan yang banyak serta membuang masa. Tuan Pengerusi, saya ingin mengesyorkan untuk pertimbangan Kementerian Penerangan agar satu cara yang cekap tanpa melibatkan masa dan perbelanjaan yang banyak dapat difikirkan. Misalnya, pembeli-pembeli radio dan TV membayar lesen hanya sekali sahaja semasa radio atau TV dibeli dari kedai-kedai pembekal. Pihak pembekal pula terus membayar lesen tersebut kepada pihak Kerajaan mungkin di tiap-tiap hujung bulan. Dengan cara ini kos untuk mengutip lesen adalah kecil kerana tidak melibatkan banyak pegawai, kertas-kertas cetakan, saman, mahkamah dan yang penting menjimatkan masa serta menyenangkan rakyat. Cara ini juga akan menghindarkan rasuah dari berlaku oleh kerana ada rakyat yang terlupa membayar sanggup membayar

sanggup memberi rasuah asalkan mereka tidak disaman ataupun sebaliknya.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan filem yang diimport dan ditayangkan dalam TV kita, inginlah saya memberikan pandangan bahawa kita mestilah berhati-hati agar biarlah filem-filem itu benar-benar dapat memberi faedah yang banyak kepada rakyat. Janganlah filem-filem tersebut semata-mata membayangkan bagaimana elok dan agungnya orang-orang Barat, khasnya orang-orang kulit putih. Kepintaran mereka, kecantikan mereka, keberanian mereka kesombongan dan kurang-ajarnya mereka, bukanlah satu tauladan yang baik yang harus dipamerkan kepada rakyat kita. Filem-filem yang elok ditayangkan ialah filem-filem yang menunjukkan kelemahan mereka, keburukan dan kejahilan mereka sehingga dapat diperbodohkan oleh orang-orang Timur, terutamanya orang-orang Asia. Ini akan menaikkan semangat kita untuk menandingi dalam serba-serbi. Boleh juga filem-filem yang menunjukkan kekejaman mereka terhadap orang-orang Timur, terutama orang-orang Asia agar perasaan ingin membela diri akan wujud di kalangan kita semua dan ini akan menaikkan imej bangsa kita. Kalau ini dapat dilakukan tidaklah ada lagi setengah-setengah daripada kita yang terlalu mengagung-agungkan bahasa Inggeris, undang-undang Inggeris atau adat resam Inggeris sehingga kalau tidak salah saya terdengar juga di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, negara kita adalah sebuah negara yang kaya dan makmur, malapetaka dan bencana alam tidak ada. Kalau adapun lebih sebagai satu pesta seperti "Pesta bah di Kelantan". Tetapi kadangkala terdapat juga rakyat kita yang tidak

insaf dan bersyukur atas kurniaan Allah Subhanahu wattaala. Dengan itu adalah baik pihak TV menyiarkan beberapa banyak filem rencana yang menunjukkan keadaan kebuluran di negara-negara luar, serangan penyakit yang dahsyat, bah besar, kemarau yang membunuh semua binatang ternakan dan tanaman, letupan gunung berapi, taufan dan sebagainya. Cara ini akan memberikan keinsafan kepada rakyat dan bersyukur kepada Allah bagaimana bertuahnya hidup di bumi Malaysia ini; tidaklah rakyat terlaung-laung ini tak cukup, itu tak cukup, itu tak cukup dan semuanya menyalahkan Kerajaan.

Pada akhirnya, ingin saya menyentuh sedikit berkenaan dengan drama dan juga siri lawak jenaka tempatan kita yang disiarkan dalam TV kita. Drama tempatan yang ditayangkan di TV kadangkala terlalu abstrak sehingga segelintir penonton sahaja yang faham; termasuklah wakil dari Batang Padang dan juga saya sendiri. Eloklah drama itu berpijak di alam nyata yang difahami oleh rakyat kota dan desa, yang miskin dan yang kaya, yang rendah pendidikan atau yang mengakui dirinya intelektual. Misalnya, drama "Anjang Aki" diminati oleh semua masyarakat, walau tua atau muda dan penuh dengan sindiran-sindiran yang tajam. Drama adalah pamiran hidup masyarakat, dengan itu biarlah difahami dan dimengerti oleh penonton akan penonjolan tersebut. Kelemahan yang ketara yang dapat kita lihat ialah kadangkala pelakon sudah menangis beberapa kali dalam drama itu, namun penonton belumpun bersedih, pelawak sudah ketawa terbahak-bahak, penonton belum lagi senyum melihat telatah pelawak tersebut. Sepatutnya pelakon belum pun menangis, penonton sudah terisak-isak, pelawak tidak ketawa, penonton sudah terbahak-bahak ketawa. Jika ini berlaku barulah drama itu berjaya. Misalnya saya

bukanlah hendak menyokong bahawa filem Dallas itu elok, tetapi watak dalam filem Dallas itu, misalnya bila kita lihat muka JR dalam filem Dallas kita sudah merasa benci dan meluat. Ini kerana apa? Kerana kejayaan pelakunya membawa watak jahat tersebut.

Saya harap jangan pula Kementerian tersebut ataupun Yang Berhormat Menteri meminta saya menulis skrip ataupun menjadi pengarah—tunggulah saya bersara dahulu. Mungkin dikatakan perbelanjaan terhad dan tak cukup. Untuk sajian makanan yang enak dan sedap, bukanlah terletak pada mahal dan murahnya ramuan-ramuan yang dibeli daripada pasar. Apa yang penting ialah cara masakan, air tangan tukang masak, asam garam yang membuatkan kita mengesat peluh selepas makan.

Pihak saya menyokong, Tuan Pengerusi, atas Maksud-maksud 45, 46 dan 47 untuk Kementerian ini yang bernilai \$239,754,825. Sekianlah sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk menjawab.

5.10 ptg.

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Anggaran Belanjawan tahun 1983 bagi Kementerian saya. Segala pandangan dan pendapat akan diberi perhatian yang sebaik-baiknya.

Bagi tahun Belanjawan 1983, saya memohon Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawahnya diperuntukkan seperti berikut:—

Kementerian	
Penerangan sebanyak	\$36,842,930
Jabatan Penyiaran sebanyak	\$152,480,815
Jabatan Penerangan sebanyak	\$ 50,431,080
Jumlah	<u>\$239,754,825</u>

Seperti ternyata peruntukan Belanja Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 1983 adalah berkurangan sebanyak 10.5% dari peruntukan tahun lalu. Secara langsung bermakna Kementerian Penerangan akan terus mengambil langkah-langkah berjimat-cermat. Walaupun begitu Kementerian Penerangan telah merangka strategi-strategi tertentu untuk memastikan prestasi yang telah dicapai bukan sahaja akan dikekalkan bahkan segala usaha akan digembungkan supaya prestasi ini dapat dipertingkatkan lagi, dengan lain perkataan Kementerian ini akan berusaha untuk mencapai kematlamat yang benar-benar bermakna iaitu suatu pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah.

Belanjawan Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1983 adalah merupakan hasil kajian yang teliti dengan mengambil pertimbangan 'economy drive' negara. Belanjawan Kementerian ini mencerminkan suatu usaha penyesuaian di antara hasrat Kerajaan mengurangkan perbelanjaan dalam konteks kelemahan ekonomi dunia dengan hasrat Kerajaan untuk perbaiki prestasi Kementerian terutamanya dalam aspek yang berhubung secara langsung dengan kehidupan rakyat.

Bagi mencapai prestasi yang lebih baik itu, Kementerian Penerangan akan terus menggembungkan usaha untuk meneroka bidang-bidang baru yang selama ini tidak diambil perhatian yang sewajarnya. Salah satu bidang yang akan diberi perhatian yang penting oleh Kementerian ini ialah mengenai dasar komunikasi baru atau sekurang-kurangnya dasar komunikasi Rukunegara. Dewasa ini belum wujud lagi suatu perancangan komunikasi bersepadu (integrated communication planning). Perancangan yang wujud adalah berupakan pada peringkat Jabatan atau sektor dan bertujuan memenuhi keperluan pada peringkat-peringkat itu sahaja, bukan untuk keperluan secara menyeluruh atau dari segi hubungan antara Jabatan-jabatan atau sektor-sektor tersebut. Kita juga belum begitu giat dalam usaha mengembangkan sumber-sumber komunikasi berbanding dengan aspek-aspek lain dalam pembangunan negara. Apa yang akan ditekankan dalam dasar komunikasi baru ini ialah mengenai aspek-aspek yang terkandung dalam Perlembagaan Negara, Rukunegara, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran serta aspek-aspek pembangunan sosio budaya dan masalah-masalah semasa. Segala kegiatan yang dilaksanakan adalah bertujuan supaya rakyat dapat menerima, memahami, melibatkan diri dalam melaksanakan hasrat dan cita-cita Kerajaan yang sama juga dengan cita-cita rakyat.

Langkah kedua yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan ialah mengadakan sistem maklumbalas yang lebih berkesan. Dalam hal ini kita tidak harus lupa akan peranan pegawai-pegawai Kerajaan sebagai 'communication linkage', dengan izin, dalam keseluruhan sistem komunikasi pembangunan negara. Mereka menjadi perantaraan di antara agensi Kerajaan dengan rakyat, untuk itu

mereka perlulah mempunyai keupayaan komunikasi yang berkesan. Sistem maklumbalas yang dimaksudkan ialah dengan cara mengubahsuai struktur panel-panel penyiasatan serta mewujudkan panel-panel penasihat dengan tujuan untuk melahirkan cara-cara pendekatan yang lebih berkenaan dan berfaedah kepada pencapaian matlamat dan objektif Kementerian.

Bagi tahun 1983, pendekatan bersepadu sebagai strategi pembangunan Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawahnya akan dipergiatkan dan diperkemaskan lagi untuk memastikan rakyat negara ini mendapat maklumat akan penerangan-penerangan umum mengetahui arah matlamat negara dan memberi sokongan kepada pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan. Untuk maksud ini semua media kawalan Kerajaan meliputi penyiaran filem, media tradisional dan media cetak, mahukan media interpersonal atau pun komunikasi bersemuka akan dipergunakan sepenuhnya dengan matlamat berikut:—

- (i) penerangan yang mendalam mengenai dasar-dasar dan tahap-tahap kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan dengan liputan yang seluas-luasnya.
- (ii) menarik minat orang ramai dan mengesan pendapat-pendapat mereka supaya dapat diarah ke arah membawa perubahan-perubahan sosio ekonomi yang sejajar dengan kehendak-kehendak Kerajaan.
- (iii) membantu dalam usaha menggalakkan kesedaran sivik serta menyemai peruntukan kesenian dan kebudayaan Malaysia; dan

- (iv) menyediakan bahan-bahan yang sesuai untuk penerangan, pendidikan dan hiburan dalam konteks peranan sebagai jurubicara Kerajaan.

Sebagai misalnya Makmal Filem Warna di Filem Negara akan memenuhi operasinya untuk kegunaan sendiri dan juga pihak swasta pada tahun hadapan, demikian juga peningkatan penerbitan tempatan dalam tawarna oleh RTM akan dilaksanakan pada tahun 1983 apabila dua buah van siaran tawarna tambahan diperolehi pada awal tahun hadapan, seiring dengan siapnya kerja-kerja pembukaan studio di Filem Negara dan juga di Angkasapuri dari hitam putih kepada warna. Ini juga merupakan sebahagian dari usaha-usaha gigih Kementerian Penerangan untuk mencapai matlamat menerbitkan 60% bahan tempatan menjelang 1985. Insya Allah matlamat ini akan dapat dicapai dengan persediaan-persediaan yang disusun sekarang baik dari segi persediaan tenaga profesional, perolehan peralatan teknikal mahupun orientasi serta latihan para pegawai dan kakitangan RTM.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1983, satu kemajuan lagi akan dapat dikecap oleh rakyat di Sabah dan Sarawak. RTM akan memperluaskan liputannya dengan mengadakan rangkaian kedua TV peringkat nasional dengan siapnya pemasangan alat-alat pemancar di kedua-dua negeri tersebut kira-kira bulan Ogos tahun hadapan. Dengan bertambahnya rangkaian ini, Kementerian akan berusaha untuk lebih giat lagi mengambil langkah-langkah untuk mencapai perpaduan yang lebih erat di antara negeri-negeri dalam Malaysia. Usaha-usaha juga sedang dirancang untuk menambah bilangan rancangan-rancangan terbitan tempatan melalui pusat-pusat

penerbitan kawasan seperti di Kota Kinabalu dan Kucing untuk siaran kedua-dua rangkaian TV itu.

Mengenai aktiviti luar negeri pula Kementerian akan terus bergiat dalam bidang komunikasi mengikut keutamaan yang telah ditetapkan melalui Pertubuhan-pertubuhan ASEAN Islamic Conference, Non-alignment, CHORGRAM, UNESCO, OANA dan WIPO, Perwakilan-perwakilan Malaysia di Luar negeri akan dibekalkan dengan bahan-bahan seranta dalam bentuk pita video dan juga bahan-bahan percetakan sebagai usaha untuk menyebarkan maklumat-maklumat yang benar dan kemaskini mengenai pergolakan dan perkembangan negara. Kementerian ini ialah memberi khidmat secara terus di peringkat nasional mengenai Jawatan kuasa Kebudayaan dan Penerangan dan Jabatan Penyiaran mengenai Asian Broadcasting Union dan AIBD, manakala BERNAMA pula menjadi sekertiat kepada OANA.

Tuan Pengerusi, oleh kerana rancangan TV telah menarik minat banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, maka saya suka menyentuh secara khusus sedikit masalah TV.

TV Malaysia masih dalam belasan tahun, iaitu diwujudkan pada 28hb Disember, 1963. TV sebagai satu media adalah bersandarkan kepada pancaindera penglihatan atau mata dan dibantu oleh telinga walaupun mata biasa disifatkan sebagai 'windows to the soul', ia juga pernah disifatkan sebagai 'an open window through which the devil can enter'. Maka sebab itulah orang amat berhati-hati terhadap TV dan orang ramai juga lebih memerhatikan gerak-geri TV, bahkan ada pandangan di negara-negara maju pun terhadap TV ini seperti satu pendapat yang saya petik yang dinyatakan oleh David Frost, seorang tokoh personality TV yang

pernah berjenaka, katanya Shakespeare salah bila dia menulis Hamlet apabila menghadapi masalah pembunuhan ayahnya. Shakespeare menulis bahawa Hamlet berkata, 'To be or not to be, that is the question'. Sebenarnya yang dimaksudkan oleh Hamlet kata David Frost ialah "TV or not TV, that is the question" kerana masalah tayangan-tayangan ataupun penyalahgunaan TV merupakan kerungsingan orang ramai, apatah lagi dengan adanya video sekarang. Oleh yang demikian, keraguan, kebimbangan dan kegelisahan terhadap TV bukanlah satu perkara yang anih di Malaysia, tetapi satu perkara yang biasa di seluruh dunia. Ketua FCC (Federal Communications Commission) di Amerika, dengan izin, pernah mensifatkan TV sebagai "the vast waste land". Pengaruh TV sama ada untuk kebaikan atau keburukan adalah satu keraguan sejagat. Yang perlu saya tekankan di sini ialah pencemaran yang terdapat di TV Malaysia adalah pencemaran yang amat minima jika dibandingkan dengan TV di luar negeri, terutamanya di negeri-negeri Barat.

Dalam pemilihan rancangan-rancangan TV dari Barat, pihak RTM amat berhati-hati kerana RTM sedar tentang kemungkinan "the devil entering through the open windows". Penelitian RTM dalam pemilihan rancangan-rancangan luar negeri itu sering mendapat pujian pengedar-pengedar filem, namun dengan kewaspadaan dan penelitian, pihak RTM masih juga terdapat sungutan-sungutan dan kecaman-kecaman, ini ialah satu perkara yang amat natural. Pepatah kita ada mengatakan: banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam. Oleh yang demikian, RTM telah menganggap kecaman-kecaman sebagai suatu reality yang baiknya harus diterima dan yang buruknya harus ditanggung, malah feedback menerusi teguran-teguran adalah sumber yang amat penting yang

membimbing RTM, tetapi dalam mempertimbangkan teguran-teguran ini RTM tidak lupa tentang perbezaan di antara apa yang disukai oleh penonton dengan apa yang diperlui oleh mereka. Banyak orang yang suka merokok sedangkan mereka sebenarnya perlukan ubat. Oleh itu, dalam rancangan RTM, RTM akan adunkan unsur-unsur yang disukai dengan unsur-unsur yang diperlui. Dalam kaedah ini RTM akan memainkan peranan kepimpinannya dengan cara yang lebih berkesan, lebih-lebih lagi menyedari bahawa manusia semakin hari semakin malas. Mengikut pendapat antarabangsa komunikasi sekarang sudah lebih 75% melalui mata, manakala hanya 15%

dari telinga dan yang lain mungkin hanyalah signal-signal untuk orang yang cacat.

Mengenai masalah content disiaran-siaran TV, RTM mempunyai keyakinan penuh akan dapat mencapai 60% bahan tempatan pada tahun 1985. Ini berdasarkan kepada peratus bahan tempatan pada hari ini telahpun mencapai sebanyak 53%, iaitu 49.63% di Rangkaian Pertama, 28.9% di Rangkaian Kedua dan 100% di Rangkaian Ketiga.

Pencapaian peratusan mengikut kategori rancangan pula adalah seperti berikut:—

<i>Rancangan</i>	<i>Rangkaian Pertama</i>	<i>Rangkaian Kedua</i>	<i>Rangkaian Ketiga</i>
Pendidikan dan Penerangan ..	34.48%	35.58%	37.99%
Hiburan	7.18%	5.57%	15.19%
Berita	5.81%	17.5%	36.17%
Ugama	11.43% (Ugama Islam)	5.04%	
Drama/Tayangan Gambar	31.83%	26.88%	
Pertanian	60.69%	1.17%	
Lain-lain	8.55%	8.17%	10.63%

Mengenai rancangan tata warna pula, pada ketika ini hanya tinggal 6% sahaja yang masih ada hitam-putih, iaitu rancangan-rancangan Skop, Iman, Assalamualaikum, Pedoman, Tumpuan Minggu, Lembaran Minggu, Drama Minggu ini dan Jenaka. Usaha-usaha telah dijalankan bagi melaksanakan tata warna keseluruhan rancangan TV seperti yang telah saya terangkan di atas tadi.

Masalah bahasa pula, pihak RTM sentiasa menyedari dan mengambil tindakan-tindakan yang positif bagi mencapai hasrat dan cita-cita Kerajaan dalam mengembangkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi dan Bahasa Negara. Langkah-langkah sedang dikaji bagi

memperluaskan lagi penggunaan Bahasa Malaysia di TV Malaysia mengadakan rancangan pelajaran Bahasa Malaysia dan penggunaan sepenuhnya Bahasa Malaysia dalam filem-filem dekumentari dan iklan-iklan. Penggunaan adalah dalam bentuk yang tersusun dan sistematik supaya tidak mencemarkan bahasa itu sendiri.

Tuan Pengerusi, sebagai satu usaha untuk menambah pendapatan hasil di Kementerian ini, selaras dengan keadaan kemelesetan ekonomi sekarang, pihak Kementerian telah mengambil langkah untuk mengkaji semula kadar bayaran bagi iklan-iklan di TV. Hasil daripada kajian semula ini di mana kuatkuasanya akan

dijalankan pada 1hb Januari, 1983 adalah dijangkakan sekurang-kurangnya pertambahan hasil sebanyak \$12 juta akan diperolehi. Walau bagaimanapun, matlamat Kementerian dari kenaikan kadar ini akan dapat menjangkau hingga \$28 juta.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan yang telah menimbulkan soalan-soalan dan saya yakin saya akan teliti tiap-tiap satu persoalan-persoalan itu dengan mendalam supaya dapat bersama-sama kita baiki rancangan TV ini supaya kita dapat membantu Kerajaan mewujudkan satu negara yang kita kasihi, negara yang mempunyai identitinya yang tersendiri dan saya minta maaf tidak dapat menjawab satu persatu daripada soalan-soalan yang dikemukakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$33,522,900 untuk Maksud B. 45; \$118,759,000 untuk Maksud B. 46 dan \$49,700 untuk Maksud B. 47 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$33,522,900 untuk Maksud B. 45; \$118,759,000 untuk Maksud B. 46 dan \$49,700,000 untuk Maksud B. 47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$3,320,030 yang disebutkan dalam Maksud P. 45; \$33,721,815 untuk Maksud P. 46 dan \$731,080 untuk Maksud P. 47 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,320,030 untuk Maksud P. 45; \$33,721,815 untuk Maksud P. 46 dan \$731,080 untuk Maksud P. 47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 48 (Jadual)—

Maksud P. 48 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 48 dan Kepala Pembangunan P. 48 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.30 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada muka surat 469 di bawah Maksud Bekalan B. 48 Program (5) iaitu tentang Pentadbiran Keselamatan Sosial.

Atas tajuk ini, saya suka merujuk kepada satu jawapan kepada soalan yang dibangkitkan oleh saya dalam Dewan ini pada 12hb November, 1982 mengenai apakah cadangan yang akan dilakukan oleh Kementerian untuk memperkemaskan SOCSO dan menjadikannya satu Skim Keselamatan Sosial yang bermakna dan apabila menjawab soalan saya itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat berkata bahawa Kementerian telah menugaskan seorang Aktuari dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa untuk mengkaji berbagai aspek Skim Keselamatan Sosial yang ditadbirkan oleh PERKESO dan membuat syor-syor mengenai bagaimana skim-skim ini boleh diperbaiki lagi supaya dapat menawarkan perlindungan yang lebih bermakna bagi pekerja-pekerja di negara ini.

Tuan Pengerusi, sejak SOCSO dilaksanakan dalam tahun 1971 bagi tujuan menyediakan Skim Insuran Sosial, sepanjang tempoh operasi itu ia dikenali sebagai Jabatan Kerajaan dan sejak tahun 1976 beberapa orang Aktuari telah diambil bertugas untuk mengkaji ke arah kebaikan dan memperkemaskan SOCSO akan tetapi sehingga hari ini cadangan-cadangan ke arah kebaikan atau mempertingkatkan SOCSO seperti yang dikehendaki masih belum dilaksanakan lagi. Saya rasa bahawa salah satu langkah memperkemaskan SOCSO yang dilakukan dengan segera dan sehingga hari ini masih belum dilakukan ialah menukar SOCSO menjadi sebuah Badan Berkanun supaya ianya akan mempunyai kuasa-kuasa otonomi yang cukup untuk memastikan bahawa ianya diperlengkapkan sepenuhnya dan berupaya melaksanakan rancangan-rancangan Keselamatan Sosial Kerajaan dengan cara berkesan.

Undang-undang yang membolehkan pertukaran SOCSO menjadi sebuah Badan Berkanun telah diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1979 dan dikenali sebagai Akta A450, Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan), tahun 1979. Fasal 13 Akta Pindaan itu ada memperuntukan bagi penukaran SOCSO menjadi satu Badan Berkanun menerusi penubuhan sebuah badan pengelola yang akan bertanggungjawab mengenai arahan dan penyeliaan Pertubuhan socso ini.

Saya merasa dukacita untuk menyatakan di sini bahawa sehingga sekarang langkah-langkah untuk menguatkuasakan Fasal 13 dan Fasal 15 Akta Pindaan itu bagi membolehkan pertukaran SOCSO menjadi sebuah Badan Berkanun masih belum diambil lagi. Pertukaran ini akan memastikan bahawa SOCSO akan mempunyai kuasa-kuasa otonomi yang cukup dan flexibility dalam melaksanakan program

Keselamatan Sosial dengan lebih cepat dan berkesan sementara Kerajaan masih kekal mengawal dasar. Badan Berkanun yang menjadi sebuah institusi berotonomi yang boleh menyediakan rangka dasar dengan lebih senang dan satu sistem kawalan dan penyeliaan oleh sebuah Majlis yang mengandungi 3 pihak iaitu wakil-wakil dari Kerajaan, Kesatuan Sekerja dan majikan-majikan. Di bawah sistem ini pentadbiran Insuran Sosial akan berupaya mengeneppikan semua peraturan yang complicated dan sukar dan amalan tradisi red-tape oleh Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan sebagainya.

Memandangkan di atas, adalah penting bahawa pertimbangan segera mestilah diberikan untuk memastikan bahawa terdapat tenaga kepakaran teknik dan profesional di peringkat pengurusan atasan dalam SOCSO dan menukarkannya menjadi sebuah Badan Berkanun yang mempunyai kuasa otonomi yang cukup yang disebut oleh saya tadi.

Tuan Pengerusi, sebagai tambahan kepada cadangan saya supaya menjadikan SOCSO sebagai sebuah Badan Berkanun, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan di sini bahawa masanya telah tiba supaya menyegerakan rancangan Kerajaan untuk memperluaskan perlindungan Insuran Sosial supaya ianya dapat menyediakan Skim Insuran Sosial yang benar-benar comprehensive di seluruh negara. Tugas memperluaskan perlindungan Insuran Sosial kepada bidang-bidang berikut mestilah diusahakan dengan segera:—

- (1) Meluaskan 2 skim yang ada sekarang iaitu Skim Insuran Bencana Kerja dan Skim Bencana Ilat untuk memberi perlindungan kepada setiap pekerja di negara kita.

- (2) Hendaklah meliputi bencana-bencana baru seperti penyakit, bersalin, umur tua dan penafian mencari nafkah.
- (3) Orang yang bekerja sendiri terutamanya petani dan nelayan.

Tabung kewangan bukanlah pada pandangan saya masalah yang menghalang perluasan perlindungan Insuran Sosial ini. Wang simpanan yang terkumpul daripada kedua-dua Skim yang wujud sekarang hendaklah digunakan untuk meliputi bencana-bencana tambahan. Sebagai contoh, saya suka menyebut Laporan Buruh dan Tenaga Rakyat pada tahun 1980 dan dalam Laporan itu ada menyatakan bahawa caruman yang diterima daripada Skim Bencana Kerja ialah \$29,252,466 sementara faedah tunai yang dibayar ialah \$3,890,641 atau 13.22%, sedangkan Skim Bencana Ilat pula, jumlah caruman yang diterima ialah \$25,736,340 sementara faedah tunai yang dibayar ialah \$36,622 atau 0.139% sahaja. Memandangkan kepada simpanan yang begitu besar dari 2 Skim yang wujud sekarang, saya suka mencadangkan bahawa wang simpanan itu hendaklah digunakan untuk meliputi bencana-bencana baru tanpa memerlukan bayaran tambahan dikenakan kepada pekerja-pekerja.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin membangkitkan ialah yang terkandung dalam muka surat 467 Maksud Bekalan B. 48 Program (e) Mahkamah Perusahaan.

Berhubung perkara Mahkamah Perusahaan, saya ingin menegaskan di sini bagaimana pentingnya peranan yang boleh dimainkan oleh Mahkamah ini dalam penegakkan keadilan perusahaan, Mahkamah ini tanpa diragukan akan terus memainkan peranan penting dalam membantu menyelesaikan berbagai masalah pertikaian perusahaan yang tidak boleh diselesaikan menerusi

perundingan. Saya mendapati bahawa selepas kes South East Asia Firebricks Mahkamah Perusahaan menjalankan kuasanya di dalam menyelesaikan pertikaian perusahaan dengan cara yang berkesan. Berikutan pengambilan alih tugas kepada Datuk Harun Hashim sebagai Presiden baru Mahkamah Perusahaan, arahan yang jelas telah diberikan berhubung dengan penetapan dasar Undang-undang Perusahaan yang didapati begitu kekurangan sebelumnya. Di samping mengucapkan tahniah kepada Mahkamah Perusahaan kerana prestasi yang dicapainya sekarang, saya suka juga mencadangkan bahawa satu pindaan hendaklah juga dibuat kepada Fasal 33 (a) Akta Perhubungan Perusahaan bagi membenarkan rayuan ke Mahkamah Persekutuan (Federal Court) dibuat berdasarkan peruntukan undang-undang, on points of law yang berkaitan dengan keputusan Mahkamah Perusahaan.

Pada masa ini di bawah Fasal 33 (a) Akta Perhubungan Perusahaan mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Perusahaan bolehlah merayu kepada Mahkamah Tinggi dari sudut undang-undang atau dari points of law bukan di atas kenyataan atau points of facts. Keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi adalah muktamad. Bagaimanapun, saya rasa bahawa ini adalah tidak mencukupi dan saya berpendapat perkara ini boleh dibawa ke Mahkamah Federal. Dengan pandangan ini saya mencadangkan bahawa Akta Perhubungan Perusahaan hendaklah dipinda bagi membenarkan rayuan dibuat kepada Mahkamah Persekutuan jika mana-mana pihak tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi.

Tuan Pengerusi, saya suka juga mengambil peluang ini menggesa penubuhan Mahkamah Perusahaan Kawasan supaya lebih banyak kes

boleh didengar dan dibicarakan. Pada masa ini semua kes diperdengarkan di Kuala Lumpur dan ini biasanya menimbulkan berbagai kesukaran dan kesulitan kepada para pekerja yang terlibat untuk datang ke Kuala Lumpur bagi mendengar kes-kesnya. Jika Mahkamah-mahkamah Kawasan boleh ditubuhkan ianya akan menolong memberi manfaat kepada ramai pekerja kerana kes mereka lebih senang didengar disebabkan berhampiran dengan tempat kerja dan ini akan menolong para pekerja yang terlibat mengurangkan belanja perjalanan dan lain-lain perbelanjaan yang tidak diperlukan.

Satu point yang akhir yang saya ingin membangkitkan dalam perbahasan ini ialah yang terkandung dalam muka surat 482 Butiran 15 di bawah Maksud P. 48 iaitu berkenaan dengan Jabatan Kilang.

Bercakap saya atas perkara Jabatan Kilang dan Jentera, saya suka mengambil peluang ini untuk menyeru Jabatan berkenaan supaya mempergiatkan pemeriksaan mereka ke atas semua lif-lif dalam bangunan-bangunan berbilang tingkat seperti hotel-hotel dan di rumah pangsa-rumah pangsa berbilang tingkat dalam Kuala Lumpur ini dengan tujuan untuk memastikan ianya selamat dan terjamin untuk digunakan oleh orang ramai. Pemeriksaan yang kerap adalah amat perlu kerana memastikan semua lif berada dalam keadaan baik dan sekiranya terdapat apa-apa kerosakan teknik ianya mestilah dibaiki dengan segera. Pada masa yang lalu terdapat banyak kemalangan berlaku yang melibatkan lif-lif sama ada dalam hotel-hotel atau di rumahpangsa-rumahpangsa kos rendah. Lebih kurang pada awal tahun ini lif di hotel RIA yang terletak di bangunan hentian bas Pudu Raya telah rosak dan terhempas kerana kerosakan mekanik dan penyelenggaraan yang tidak sempurna. Lif-lif dalam kebanyakan

rumah pangsa bandaraya adalah sangat diharapkan dan ianya sering mengalami kerosakan. Setiap kali sebuah lif rosak ianya menimbulkan banyak kesulitan kepada penghuni-penghuni. Saya suka menggesa Jabatan Kilang dan Jentera supaya membuat pemeriksaan yang kerap ke atas semua lif di dalam rumah pangsa berbilang tingkat bagi memastikan sama ada ianya berkeadaan baik. Jika terdapat apa-apa kerosakan yang perlu diperbaiki pihak berkuasa yang berkenaan mestilah diberi tahu dengan segera dan tindakan yang perlu mestilah diambil untuk membaikinya, begitu juga untuk mengelakkan apa-apa kemalangan dari berlaku.

Semua lif dalam pembangunan berbilang tingkat atau rumah pangsa adalah tidak begitu selamat digunakan oleh orang ramai hendaklah dimaklumkan ini sebagai tidak boleh digunakan atau dalam bahasa Inggeris: should be declared as condemned dan tindakan menggantinya hendaklah diambil dengan segera. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling.

5.45 ptg.

Tuan Yeoh Poh San (Petaling): Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh muka surat 471, Maksud B. 48, Butiran 2100, Program (4) berkenaan dengan Kemajuan Daya Tenaga Rakyat dan juga muka surat 472 Bekalan 48, Butiran 2200, Program (4) juga berkenaan dengan Kemajuan Daya Tenaga Rakyat dan juga muka surat 474.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, satu-satu.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Pengerusi, saya akan bahas semua sekali ketiga-tiga program ini. Yang

akhirnya muka surat 474, B. 48, Butiran 2400 Program (4) juga berkenaan dengan Kemajuan Daya Tenaga Rakyat.

Tuan Pengerusi, kita sedang menghadapi kekurangan tenaga buruh di kedua-dua sektor iaitu pertanian dan juga sektor perindustrian. Kekurangan tenaga buruh dalam sektor pertanian adalah disebabkan oleh berpindahnya penduduk luar bandar ke kawasan bandar dan juga dasar Kerajaan terhadap penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru. Dalam sektor perindustrian pula, didapati kekurangan tenaga buruh mahir dan separuh mahir untuk menjalankan jentera serta kekurangan tenaga separuh profesional dan kakitangan teknik untuk membimbing dan mengatur pekerja-pekerja diberbagai peringkat dalam industri-industri.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang kurang bagi tahun 1983 untuk program-program yang saya sebutkan tadi tidak akan menolong Kementerian ini untuk mengekalkan bilangan dan mutu latihan, atau menambah bilangan projek, dan kemungkinan mendapatkan bahan-bahan sophisticated untuk keperluan kemajuan teknologi untuk penukaran teknologi dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang kurang bagi Kementerian ini untuk latihan bermakna bahawa Kerajaan akan melatih kurang tenaga buruh dalam tahun 1983 dan dalam beberapa tahun yang akan datang selagi kemelesetan ekonomi Malaysia dan antarabangsa masih berterusan. Pada pendapat saya, meninggikan taraf tenaga buruh dan membanyakkan bijak pandai adalah satu keuntungan besar bagi negara. Dalam masa kemelesetan ekonomi inilah Kerajaan sepatutnya lebih bergiat lagi dalam soal latihan kerana dalam masa kemelesetan ekonomi ini teknologi

baru dan juga perubahan teknologi yang diperolehi dari negara asing akan dapat diperolehi dengan mudah dan murah.

Tuan Pengerusi, kepujian patut diberikan kepada Kerajaan yang telah mengadakan Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Pertukangan Kebangsaan dan juga Institut-institut Latihan Perindustrian di bandar-bandar seperti di Perai, Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Walau bagaimanapun, yang mendukacitakan ialah bahawa pusat latihan dan institut serupa ini tidak didapati di kawasan Luar bandar terutama sekali jenis industri dan pertukangan.

Saya minta supaya Kerajaan menimbangkan untuk mengadakan Pusat dan Instituti Latihan Teknik dan Pertukangan dalam kawasan kampung-kampung baru di mana kedudukan kampung-kampung baru ini sangat sesuai menolong industri pertanian dan juga industri-industri kecil.

Tuan Pengerusi, dengan adanya pusat-pusat latihan ini akan dapat menambah infrastruktur serta meninggikan lagi taraf hidup penduduk-penduduk kawasan kampung-kampung baru. Di sekitar kawasan kampung-kampung baru serupa ini terdapat industri-industri dan perusahaan kejuruteraan kecil seperti di Serdang, Sungai Way dan Jinjang. Adalah mustahak bagi Kerajaan mengambil langkah untuk mengumpulkan tenaga pekerja mahir di sekitar kawasan kampung-kampung baru untuk menggerak dan melicinkan perusahaan industri seperti di Tasek Industrial Estate.

Tuan Pengerusi, selain sekim latihan teknik, industri dan pertukaran sektor perlombongan juga telah dilalaikan. Untuk mendapatkan tenaga mahir dalam melombong

logam, kemudahan teknologi yang cukup lengkap serta kursus-kursus mestilah diadakan untuk melatih pelombong-pelombong bukan sahaja untuk pengetahuan melombong tetapi untuk memahami serta mencari bahan-bahan baru seperti logam 'monazite, xenozite, tantalite' dan sebagainya. Logam-logam yang sangat berharga ini tidak diindahkan dan berjuta-juta ringgit telah hilang dalam tahun-tahun lampau. Pelombong-pelombong dan pekerja-pekerja dalam bidang, melombong sepatutnya diberi pengetahuan yang cukup tentang ilmu kaji bumi untuk mengguna dan menyimpan logam-logam dan juga tenaga.

Tuan Pengerusi, melalui Jabatan Kajibumi dan ajensi-ajensi yang berkaitan dengannya, Kerajaan sepatutnya menggunakan tenaga manusia dalam industri perlombongan dengan lebih berkesan lagi dengan melatih dan mengajar mereka supaya melombong di kawasan pendalaman dengan lebih banyak lagi seperti sebagai contoh melombong di kawasan laut.

Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada keperluan tenaga manusia dalam sektor pertanian. Kekurangan tenaga buruh dalam lapangan kebun dan ladang getah serta ladang sawit terutama sekali di bahagian selatan dan tengah Malaysia Barat dan kadangkala kekurangan tenaga buruh ini terdapat juga di sawah-sawah padi seperti di Kedah dan Kelantan. Ladang-ladang getah dan kelapa sawit di sebahagian Negeri Sabah dan Sarawak diusahakan oleh pekerja-pekerja kontrek dari Indonesia atau Philipina. Di sawah-sawah padi di Kedah dan Kelantan terdapat pula pekerja-pekerja dari negara Thai membantu menanam dan menuai padi dan pada masa ini terdapat pula pekerja-pekerja dari Indonesia yang membantu mengerjakan sawah-sawah di kawasan ini.

Sepatutnya, Tuan Pengerusi, usaha yang lebih hendaklah dibuat untuk membenar dan menggalakan hanya rakyat Malaysia sahaja bekerja dibidang pertanian. Mereka juga mempunyai kebolehan dan boleh bekerja kuat sebagaimana rakyat-rakyat asing.

Tuan Pengerusi, dalam bidang melatih tenaga manusia dalam sektor pertanian, seramai 70,000 pekebun-pekebun kecil telah diberi kursus singkat selama tiga hari. Mereka ini sama sahaja dengan pekebun-pekebun kecil yang tidak menyertai kursus atau latihan. Bagaimanakah mereka dapat memperbaiki dan menambah hasil tanaman mereka dengan latihan yang singkat ini? Ada lagi seramai 600,000 pekebun-pekebun kecil yang patut dilatih.

Tuan Pengerusi, masalah ini sangat penting di mana Kerajaan patut memandang berat perkara ini serta memberi dan mempercepatkan lagi rancangan latihan yang diperlukan selain dari kursus selama tiga hari ini yang tidak ada faedah.

Tuan Pengerusi, kawasan penting yang lain ialah industri kelapa sawit di mana latihan tenaga manusia telah dilalaikan dalam bidang tanaman, proses dan pembersihan. Purata perkembangan industri ini dalam tahun 1971-1975 ialah 24.5% dan dalam tahun 1976-1980 ialah 16.4%. Tidak perlulah saya menegaskan betapa pentingnya industri ini dan keperluan latihan tenaga manusia yang ada hubungan dengannya.

Tuan Pengerusi, akhir sekali ingin saya menyentuh muka surat 467, Maksud Bekalan B. 48, Butiran 1100, Program (2) berkenaan dengan Buruh dan Perhubungan Perusahaan.

Tuan Pengerusi, sebagai rakyat Malaysia kita merasa bangga mengetahui bahawa mulai bulan September tahun lepas pengendalian tidak kurang dari tiga buah ladang

besar iaitu Dunlop Estates, Guthrie dan Harrisons Malaysian Estates telah jatuh ke tangan rakyat Malaysia. Dengan pengambilan alih ini, Malaysia kini mengendalikan kedua-dua hasil utamanya iaitu getah dan bijih.

Tuan Pengerusi, sebelum pengambilan alih ini dahulu, Malaysia telah kehilangan hasil yang banyak dari keuntungan pengeluaran utama ini. Kini kita telah dapat menahan dari kehilangan hasil keuntungan dari pengeluaran utama ini dan diharap supaya kita tidak akan mengalami kerugian hasil melalui pintu belakang.

Tuan Pengerusi, walaupun Malaysia patut meneruskan dasar menerima pekerja-pekerja asing yang mahir yang dapat memberikan sumbangan mereka terhadap pembangunan dan perkembangan industri di negara ini. Kita tidak semestinya menyimpan dan meneruskan perkhidmatan mereka hanya kerana mereka ini bertaraf, 'expatriate'. Kita patut menentukan supaya pekerja expatriate yang berada dalam syarikat-syarikat yang dikendalikan oleh rakyat Malaysia tidak ditugaskan untuk menjaga pekerja-pekerja sahaja seperti yang terdapat di beberapa syarikat di mana tugas-tugas ini boleh dibuat oleh rakyat Malaysia sendiri.

Tuan Pengerusi, kajian semula ke atas pembaharuan permit pekerja expatriate (work permit) dalam industri perladangan patut dikaji semula supaya mereka yang benar-benar dapat menyumbangkan tenaga terhadap Dasar Ekonomi Baru Malaysia dikekalkan jawatannya dan juga di semua industri-industri di mana terdapat expatriate. Dengan ini kita dapat menentukan bahawa belanjawan dapat dikurangkan memandangkan bahawa gaji dan faedah yang dibayar kepada pekerja expatriate ini adalah tinggi.

Tuan Pengerusi, adalah satu kenyataan bahawa faedah yang diperolehi oleh pekerja expatriate dalam industri perladangan dan pengeluaran (manufacturing industry) terlalu banyak jika dibandingkan dengan pekerja-pekerja Malaysia yang sejawatannya dengan mereka.

Tuan Pengerusi, dengan adanya 'Malaysianisation' ke atas industri-industri, maka diharap bahawa perbezaan faedah dan kemudahan dari segi pekerja di antara pekerja expatriate dengan pekerja Malaysia akan dihapuskan supaya pekerja Malaysia akan berazam untuk bekerja lebih kuat lagi. Dengan ini, 'allowance expatriate' yang diamalkan di zaman penjajah dahulu adalah tidak sesuai lagi dan patut dihapuskan.

Satu kelucuan yang nyata ialah sementara Kerajaan British terus mengenakan bayaran yang tinggi ke atas penuntut asing termasuk penuntut Malaysia di institut pengajian tinggi mereka supaya ramai penuntut kita tidak dapat meneruskan pelajaran mereka, Malaysia terus membiayai penuntut British yang ibubapa mereka bekerja dalam industri perladangan dan lain-lain dalam Malaysia. Sekiranya kemudahan ini diteruskan, tidakkah patut anak-anak pekerja Malaysia diberikan kemudahan yang sama?

Tuan Pengerusi, Malaysia juga kehilangan hasil dan pengeluaran disebabkan oleh kemudahan istimewa yang diberikan kepada pekerja expatriate.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada banyakkah lagi?

Tuan Yeoh Poh San: Tidak, satu lagi minit, Tuan Pengerusi.

Malaysia juga kehilangan hasil dan pengeluaran disebabkan oleh kemudahan istimewa yang diberikan kepada pekerja expatriate dalam syarikat ladang kepunyaan Malaysia

dengan memberi mereka cuti panjang tahunan ke seberang laut dengan bergaji. Amalan ini adalah bertentangan dengan dasar "Pandang ke Timur" Malaysia dan memberi contoh buruk kepada pekerja-pekerja Malaysia.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, diskriminasi kaum adalah satu amalan asing dan semua rakyat Malaysia mengutuk amalan tersebut. Malangnya, ada setengah-setengah syarikat mengamalkan diskriminasi kaum secara halus meskipun amalan tidak begitu nyata. Syarikat-syarikat ini bukan sahaja memberikan kemudahan-kemudahan istimewa kepada pekerja-pekerja expatriate tetapi memberikan kemudahan-kemudahan istimewa ini kepada expatriate yang telah menjadi warganegara Malaysia ataupun yang telah memperolehi taraf penduduk tetap sini. Setengah dari mereka yang mendapat taraf penduduk tetap ini berbuat demikian hanya untuk kemudahan dan kepentingan diri mereka sendiri dan sama sekali tidak mempunyai taat setia mereka terhadap Malaysia. Perkara ini sepatutnya mendapat perhatian dari pihak Kerajaan supaya amalan serupa ini tidak berterusan. Diskriminasi serupa ini adalah satu penghinaan terhadap warganegara Malaysia yang lahir di negara ini.

Dengan ini saya menyokong peruntukan tahun 1983 untuk Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sandakan.

6.02 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I would like to refer to Maksud B. 48, Butiran 1100, (1) General Administration, (2) Labour and Industrial Relation and (6) Enforcement of Trade Union Laws.

There are two aspects in the matter of remedies available to an employee who has been dismissed by the employer unfairly, i.e. in case of dismissal arising out of victimisation and statutory dismissal. The latter one occurs when an employee is in breach of Section 15 (2) of the Employment Ordinance—for example, he absents himself for more than two days without getting leave or informing the employer.

The Industrial Court while holding such dismissals unfair has in some cases failed to reinstate them to their former positions but instead granted them compensation, even though the Industrial Court has a discretion to either grant reinstatement or compensation. In cases of dismissal arising out of victimisation and the application of Section 15 (2) of the Employment Ordinance, the only remedy should be reinstatement. Otherwise, employers will be encouraged by the trend of the Industrial Court's thinking and will dismiss active trade unionists and get away lightly by paying compensation. The provisions of the Industrial Relations Act should be amended towards this.

There is a lot of dissatisfaction in the matter of reference of disputes by the Minister of Labour and Manpower to the Industrial Court. In countries like the United Kingdom, disputes are referred direct to the Industrial Tribunal by the aggrieved party. It is not done by the Minister. In Malaysia, all trade disputes must be referred to the Court by the Minister—even 'trade disputes' where both parties have agreed to refer to the Industrial Court for arbitration. The law must be amended to the effect that any aggrieved party can have direct recourse to the Industrial Court without the Minister having to refer the same. Of course, this will mean more cases and more courts and more chairmen and more staff. But if we

accept the system of compulsory arbitration, we must also accept and be prepared to furnish the machinery that goes with such a system.

I wish to raise the matter of discrimination practised by certain banks in the country between expatriates and locals. When the question of Malaysianisation was raised, the foreign banks assured that it was their policy to gradually fill all posts with Malaysians sufficiently trained for the job.

Although more locals have taken over senior positions, it has been found that there exists a great disparity in the total take-home pay of expatriates and locals. Previously, there was only a slight difference in the overseas and other allowances paid to expatriates. In 1975, the overseas allowance paid to expatriate Sub-Accountants and Assistant Accountants was 17% and 23% respectively of the basic salary.

After the Malaysianisation process, foreign banks gradually increased the overseas allowance paid to expatriates to 85% in the case of Sub-Accountants and 65% in the case of Assistant Accountants.

This is not the only discrimination practised. Before the Malaysianisation process, expatriates who held positions such as Sub-Accountants and Assistant Accountants were provided with fully furnished houses but once these positions were filled by Malaysians, such benefits were withdrawn. In fact, some of the houses owned by banks meant for occupation by expatriates have been sold off, particularly so in the case of the Standard Chartered Bank.

A favourite ruse used by foreign banks is to send local officers for training overseas, such as to Singapore and Hong Kong. This is deliberately done in order to create a vacancy to enable expatriates to fill the vacancies.

For instance, the Standard Chartered Bank sends its officers to Singapore for training for a year and during the period of training, the officer are not even allowed to come back even on weekends. During the period the officer is away, an expatriate is brought in to fill the vacancy. Before the one-year training period is over, another officer will be sent for training. This is deliberately done to enable the expatriate to prolong his stay in Malaysia. I call on the Ministry of Labour and Manpower to look into these matters with the view to ensure our citizens are not discriminated against and the ruses mentioned above are stopped.

The National Joint Labour Advisory Council (N.J.L.A.C.), a tripartite body consisting of representatives from the Government, employers' organisations and unions in the country, was set up by the Government to discuss labour matters.

Since 4-4-1980, after the amendments to the labour laws were passed by Parliament, the Government has not initiated any move to call for a meeting of the N.J.L.A.C. Before 4-4-1980, the N.J.L.A.C. met at least once in six months or even earlier or whenever there were issues that needed the consultation of all the parties concerned. Since April, 1980 till now, the Government has made no effort to call for a meeting of the N.J.L.A.C. The Government's contention is that there is nothing to discuss about. I am shocked to learn this. Surely, there must be numerous matters affecting labour that need to be discussed and thrashed out during the last two-and-half years.

For instance, if the Government had called for a meeting of the N.J.L.A.C. to discuss the appointment of the workers' delegate to the International Labour Conference (I.L.O.) in Geneva this year, this question would

have been resolved amicably here instead of being raised in the I.L.O. I call on the Minister of Labour and Manpower to initiate meetings of the N.J.L.A.C. so that matters affecting labour could be discussed at such a forum.

The Government and the employers constantly talk about the need to increase productivity, improve services and cut down losses. The workers in the country are all for it. However, increased productivity does not always commensurate with the increase in the take-home pay. The increase in productivity is at the expense of the extra efforts put in by the workers. Workers have the right to expect an equal share commensurating with the efforts put in by them.

Various actions taken by employers all in the name of cutting down cost cannot be regarded as conducive to industrial harmony.

I wish to refer to a case involving the Chartered Bank in Sandakan. In 1976, the Bank decided to provide refreshments for its employees. This went on well. However, in 1980, the bank withdrew refreshments for their clerical and non-clerical employees on the ground that it was not an item provided for in the Collective Agreement. Banks make huge profits every year and the provision of refreshments is, in actual fact, a common practice. Why is the Chartered Bank so special? Why is it so stingy when it comes to providing its staff with refreshments?

In a survey of Occupational Wage in Peninsular Malaysia it was found that 90% of the Workers in the electronic industry earned between \$100 to \$185 in 1974 and between \$122 to \$284 in 1980 and despite the fact that the cost of living has increased tremendously the average monthly income in the electronic industry for the last 3 years has been \$125, \$133 and \$175.

In the textile industry alone, the average monthly income in 1974 was \$100, in 1977 \$136 and in 1980 \$189. The workers, the majority of whom are women, are discriminated against and a big number of them not unionised and as such have no bargaining power. Here, I wish to ask the Minister of Labour and Manpower to give reasons why the application for the registration of a union catering for the needs of electronic workers has yet to be approved by the Registrar of Trade Unions. I understand that the application was forwarded as early as 1979 and until now the proposed union has not been approved yet. Surely the Registrar does not need 4 years to approve the registration of a trade union. Surely this does not speak well of a clean and efficient Government!

I call on the Minister of Labour and Manpower to buck up and approve the formation of a union for electronic workers who are the most exploited workers in the country. Or is the Ministry dragging its feet because of pressures applied by blood-suckers? If it is possible to allow the formation of a union to cater for the electronic industry, surely the least that the Ministry could do is to allow electronic workers to join the Electrical Industry Workers' Union so that their interests are protected and safeguarded.

There are two legislations to govern workers in case of accidents. One is the Workmen's Compensation Ordinance and the other SOCSO. Before the implementation of SOCSO, the Workmen's Compensation Ordinance provided better benefits in case of accidents. SOCSO was set up in 1971 to provide security for a worker who was rendered invalid and injured or diseased in the course of his work. Since its establishment, SOCSO collected \$243 million in contributions from workers and employers from 1971 to 1980. It paid out \$23.5 million in that period in cash and medical

benefits to 355,900 workers. This works out to less 10% of SOCSO's takings. In terms of average, a worker would have received approximately \$65 a person, less than two cents a day for a year per average worker.

It has been pointed out by *Utusan Konsumer* in its July issue that the total administration cost of SOCSO for the same period was greater than the benefits paid out. Administrative costs amounted to \$28.5 million while benefits amounted to \$23.5 million.

In 1981 there were some 2.1 million workers in 45,000 registered industries contributing to SOCSO. The SOCSO's assets in 1981 stood at \$360 million.

SOCSO has two insurance schemes and the payments are different. Under the Employment Injury Scheme, the Workers pay nothing. The employer pays 1.25 per cent of the workers' wages to SOCSO.

Under the Invalidity Pension Scheme established in 1974, the worker pays ½ per cent of the worker's wages towards the scheme. The employer contributes 1.75 per cent of the worker's wages to the scheme. Under the first scheme, the worker is insured against personal injury caused by an accident or occupational disease during the course of his work. If a worker is temporarily disabled, he is entitled to 70 per cent of his daily wage for every day he is disabled. In the case of total permanent disablement, the worker gets 70 per cent of his pay as pension. There is a catch in these two Schemes, that is although a worker contributes to both the Schemes, he is able to claim only from any injury or disability. The question that is increasingly being asked is why does SOCSO not spend its millions on the workers? Where is the so-called security provided by SOCSO?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Fung Ket Wing: Sedikit lagi. The DAP calls upon the Minister of Labour and Manpower to set up a Committee to review the SOCSO Scheme and make amendments where necessary to ensure that this Scheme really benefits the workers and has the interests of the workers at heart and that it is not merely a money-accumulating organisation that serves the financial interest of the Government bonds, etc. SOCSO was established to serve the workers and not the Government.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

6.16 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Anggaran Belanjawan Mengurus dan Anggaran Belanjawan Pembangunan 1983 bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Kesemua pandangan, teguran dan syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudah tentu akan mendapat perhatian dan pertimbangan sewajarnya.

Saya memohon izin untuk memberi penjelasan atas perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan memberi gambaran menyeluruh kepada Dewan yang mulia ini tentang perkara-perkara penting berhubung dengan dasar buruh serta fungsi-fungsi utama Kementerian.

Tuan Pengerusi, dengan kerjasama dan sokongan semua pihak, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan terus melaksanakan

dasar buruh negara sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

Sebagai sebuah negara yang Kerajaannya berorientasikan rakyat, dasar pentadbiran buruh Malaysia adalah berasaskan kepada penghargaan tenaga buruh sebagai penggerak jentera dan pembangunan untuk kemakmuran rakyat dan tenaga kerja itu sendiri sebagai rakyat harus pula turut menikmati segala pencapaian hasil pembangunan dengan adil dan saksama. Oleh yang demikian, dasar buruh negara ini berkisar di sekitar perkara-perkara pokok seperti berikut:—

Pertama, menggalakkan pertumbuhan pekerjaan dan membantu menyusun semula masyarakat dalam konteks Dasar Ekonomi Baru, membantu mempercepat kadar pengeluaran tenaga kerja terlatih dan mahir, meninggikan pendapatan pekerja melalui peningkatan kemahiran dan seterusnya pula akan meninggikan daya pengeluaran negara.

Kedua, membantu menggalakkan perpaduan sosial dan perpaduan negara dengan mengekalkan perimbangan yang saksama antara rakan-rakan sosial dalam masyarakat. Dasar buruh kita juga membantu melindungi keselamatan dan ekonomi negara pada setiap masa serta menggalakkan ethika kerja yang baik.

Ketiga, melindungi pekerja dengan piawai minima buruh yang dijamin oleh undang-undang dan menyediakan jentera yang mudah untuk menyelesaikan pertikaian antara buruh dengan majikan bagi pekerja-pekerja yang berkesatuan. Dasar buruh juga bertujuan melindungi hak-hak pekerja untuk menyertai atau menubuhkan Kesatuan Sekerja yang sihat dan menyertai di dalam Perjanjian Bersama dengan majikan-majikan mereka. Dasar ini juga merupakan alat bagi menghindarkan

pertikaian perusahaan yang berpanjangan dengan mengadakan jentera timbangtara yang dipaksakan bagi Kesatuan Sekerja dan majikan yang tidak dapat menyelesaikan pertikaian di antara mereka semasa sendiri atau setelah usaha perdamaian gagal.

Keempat, mengekal serta meningkatkan lagi keselamatan, kesihatan dan keadaan sekitar pekerja. Menjaga keselamatan sosial dengan faedah-faedah sosial dan pampasan bagi pekerja yang ditimpa kemalangan perusahaan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah melalui beberapa proses penyusunan semula supaya ianya bersedia menghadapi keperluan-keperluan ekonomi yang sedang pesat membangun dan dasar ekonomi yang dinamis. Pada masa ini terdapat 10 buah Jabatan dan agensi-agensi utama di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat yang dipertanggungjawab melaksanakan dan menguatkuasakan 16 undang-undang buruh yang penting serta lain-lain fungsi yang ditentukan oleh Kementerian.

Pertama, ialah Jabatan Tenaga Rakyat. Jabatan ini teribat di dalam pembangunan dan perancangan tenaga kerja, menjalankan latihan kemahiran, khidmat pekerjaan dan melaporkan keadaan pasaran buruh.

Kedua, Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK). Lembaga ini bertanggungjawab menyediakan piawai yang ditetapkan dan menjalankan pemeriksaan atau peperiksaan ketukangan bagi institusi-institusi kemahiran awam.

Ketiga, Jabatan Buruh Malaysia. Jabatan ini bertanggungjawab atas melaksanakan piawai mengenai buruh agar pekerja-pekerja tidak

diperamatkan sesuka hati dan agar kualiti hidup kaum pekerja sentiasa diperbaiki.

Keempat, Jabatan Pendaftaran Kesatuan Sekerja. Jabatan ini mendaftar serta mengawal perjalanan Kesatuan Sekerja agar berjalan atas landasan yang tidak bercanggah dengan kepentingan negara serta benar-benar memberi faedah kepada ahli-ahli meraka.

Kelima, Jabatan Perhubungan Perusahaan. Jabatan ini mempunyai tugas memupuk dan mengekalkan perhubungan perusahaan yang harmoni demi kepentingan semua pihak termasuk pekerja, majikan dan negara.

Keenam, Mahkamah Perusahaan. Mahkamah ini bertanggungjawab menyelesaikan dan menghakamkan pertikaian antara pekerja dan majikan yang tidak dapat diselesaikan melalui perundingan bersama dan Mahkamah Perusahaan ini juga berkuasa memberi pengiktirafan kepada "Perjanjian Bersama" (Collective Agreement) yang dipersetujui melalui perundingan bersama antara majikan dengan pekerja.

Ketujuh, Jabatan Kilang dan Jentera. Jabatan ini adalah bertanggungjawab atas keselamatan dan kesihatan pekerja melalui pemeriksaan atas segala kilang dan jentera yang berdaftar.

Kelapan, PERKESO—Pertubuhan Keselamatan Sosial menyediakan perlindungan sosial pekerja yang berupa pampasan kepada pekerja yang ditimpa kemalangan, yang sakit dan yang meninggal dunia.

Kesembilan, Jabatan Buruh Sabah bertanggungjawab mengubal serta melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan buruh dan perhubungan perusahaan di negeri Sabah.

Kesepuluh, Jabatan Buruh Sarawak bertanggungjawab serta melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan buruh dan perhubungan perusahaan di Sarawak.

Selain daripada itu ada lagi beberapa bahagian yang diletakkan terus di bawah kawalan Ibupejabat Kementerian sendiri seperti Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang dan Majlis-majlis Penetapan Gaji serta Bahagian Penyelidikan dan Perancangan di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Tuan Pengerusi, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat juga sedang menumpukan usaha melaksanakan program-program latihan perindustrian dengan pesatnya bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dan separuh mahir dalam berbagai sektor pekerjaan. Anggaran belanja Pembangunan 1983 bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat yang berjumlah \$47,622,010 adalah untuk tujuan pembinaan dan keperluan Institusi-institusi Latihan Perindustrian di seluruh negara. Pada masa sekarang ini hanya terdapat 2 buah institusi latihan perindustrian yang bergerak cergas melatih tenaga pekerja mahir dan separuh mahir melalui kursus berbagai ketukangan iaitu Instituti Latihan Perindustrian di Kuala Lumpur dan Instituti Latihan Perindustrian di Prai. Kedua-dua instituti tersebut hanya dapat melatih 753 orang pekerja mahir dan 650 orang pekerja separuh mahir setahun. Oleh yang demikian Kerajaan sedang berusaha untuk menambahkan 8 buah Instituti Latihan Perindustrian lagi yang dijangka semuanya akan siap dibina dan memulakan kursus-kursus latihan menjelang tahun 1988 nanti. Pembinaan Instituti-institusi Latihan Perindustrian baru itu termasuklah pembinaan kemudahan tambahan Instituti Latihan Perindustrian Kuala Lumpur, pembinaan tambahan untuk Instituti Latihan Perindustrian Prai, pembinaan Instituti Latihan

Perindustrian baru di Johor Bahru, Kuala Trengganu, Labuan, Alor Star, Ipoh, Kuantan, Melaka dan Kota Bharu. Dengan siapnya kesemua Instutiut-institiut Latihan Perindustrian itu kelak bilangan tenaga kerja mahir dan separuh mahir akan dapat dipertingkatkan lagi sehingga berjumlah seramai kira-kira 5,000 orang menjelang tahun 1990 nanti.

Tuan Pengerusi, izinkan saya mengambil sedikit masa lagi untuk memberi penjelasan atas perkara-perkara tertentu yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berrhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh panjang lebar tentang PERKESO dan skim insuran yang dikelolakan oleh PERKESO serta mengemukakan beberapa cadangan dan syor-syor. Saya suka memberikan jaminan di Dewan yang mulia ini sekali lagi bahawa pandangan dan syor-syor Ahli-ahli yang Berhormat itu akan dipertimbangkan dengan teliti dan jika didapati sesuai ianya akan dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu mencadangkan supaya PERKESO diletakkan atau diubah dijadikan sebagai sebuah badan berkanun. Soalnya ialah matlamat yang kita hendak capai, iaitu supaya PERKESO benar-benar memberi perlindungan yang sewajarnya kepada pekerja-pekerja yang mengalami sebarang kemalangan di tempat mereka bekerja ataupun yang tidak dapat meneruskan pekerjaan mereka, dengan sebab sesuatu kemalangan yang dialami oleh pekerja-pekerja yang berkenaan itu. Orang ramai, terutama sekali pekerja-pekerja sendiri, sentiasa mengharapkan supaya proses mengemukakan tuntutan dan bayaran-bayaran dibuat dengan seberapa cepat yang boleh, dan begitu juga supaya skop insuran yang dikelolakan oleh PERKESO ini diperluaskan lagi.

Mengenai pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain seperti Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, sebgaimana yang telah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini di dalam beberapa jawapan kepada pertanyaan beberapa hari yang lalu, pada masa ini memang pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedang mengkaji dengan teliti apakah perubahan-perubahan yang perlu dibuat dan apakah tambahan-tambahan kepada perluasan skim-skim insuran dan pencen yang dikelolakan oleh PERKESO sekarang ini patut diperbaiki lagi.

Setakat ini Kementerian belum lagi dapat membuat sebarang keputusan sehinggalah kajian-kajian yang teliti itu dapat disempurnakan. Walau bagaimanapun saya beranilah memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa satu perubahan akan dapat diadakan dan perubahan itu sudah tentu akan menambahkan kebaikan dan akan memberi perlindungan yang lebih luas dan lebih sesuai lagi kepada pekerja-pekerja.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menyentuh tentang Mahkamah Perusahaan dan saya juga bagi pihak Kementerian Buruh dan bagi pihak Mahkamah Perusahaan ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah memberi pujian dan tahniah di atas langkah-langkah yang berkesan yang diambil atau yang telah dijalankan oleh Mahkamah Perusahaan sekarang ini. Sepatutnya cara Ahli Yang Berhormat ini dicontohi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, terutama sekali daripada parti-parti Pembangkang supaya menghargai tindakan-tindakan yang berkesan yang berjalan dengan baik yang dilakukan

oleh pihak Kerajaan, oleh mana-mana Jabatan dan agensi-agensi di bawahnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu di antara lainnya mengesyorkan supaya diadakan pindaan undang-undang bagi membolehkan kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan ini dibawa kepada Mahkamah Persekutuan sebagai mahkamah rayuan yang terakhir.

Tuan Pengerusi, saya suka memberi penjelasan sedikit bahawa pada masa ini di dalam kes-kes pertikaian perusahaan yang berlaku di dalam negara kita, Mahkamah Perusahaan adalah dianggap jentera timbangtara yang terakhir, kerana sebelum kes-kes pertikaian itu dirujuk ke Mahkamah Perusahaan mestilah kes-kes seumpama itu melalui beberapa proses terdahulu daripada itu dan telah pun, biasanya, memakan masa yang lama. Kes-kes pertikaian antara pekerja dengan majikan mengikut di bawah sistem perhubungan perusahaan yang diamalkan di negara kita pada hari ini mestilah terlebih dahulu dirundingkan melalui perundingan damai di antara pihak yang bertikai iaitu pihak pekerja dengan pihak majikan mereka. Setelah mereka tidak dapat menemui penyelesaian, maka kes-kes seumpama itu biasanya dirujuk kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Pegawai-pegawai daripada Jabatan Perhubungan Perusahaan pula memainkan peranannya sebagai orang tengah dan kadang-kadang mengambil masa berunding dengan satu pihak ke satu pihak yang lain dan kadang-kadang mengadakan perundingan bersama dengan membawa kedua-dua pihak yang bertikai ke meja perundingan. Mengikut kebiasaannya dengan cara ini telah banyak menyelesaikan kes-kes pertikaian itu

tanpa perlu kes-kes tersebut dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan. Tetapi ada juga kadangkala terdapat di mana kes-kes pertikaian perusahaan itu yang tidak dapat diselesaikan melalui rundingan bersama antara kedua-dua pihak yang bertikai dan juga melalui perundingan bersama dengan campurtangan daripada Jabatan Perhubungan Perusahaan, maka kes-kes seumpama itu dirujuk, mengikut peraturan sekarang, kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat akan meneliti kes-kes yang berkenaan itu sama ada ianya perlu dan patut atau tidak, dan ada asas atau tidak untuk dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Sekiranya Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mendapati bahawa kes-kes seumpama itu patut dirujuk ke Mahkamah Perusahaan, maka kes itu dirujuk dan perbicaraan timbangtara dibuat dengan seadil-adilnya oleh Mahkamah Perusahaan di mana ahli-ahli panelnya terdiri daripada pihak-pihak pekerja, pihak majikan dan juga daripada orang-orang yang bebas. Pada kebiasaannya Mahkamah Perusahaan membuat keputusan yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak, Tetapi jika Ahli Yang Berhormat hendak membangkitkan perasaan puas hati atau tidak, sudah tentulah biasanya di dalam pertikaian-pertikaian yang dirujuk ke mahkamah dan yang diputuskan dengan kuatkuasa undang-undang oleh satu-satu mahkamah, maka sudah tentu pihak yang menerima kekalahan tidak akan berpuas hati 100%. Kalaupun kes-kes seumpama itu dibenarkan dibuat rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi lagi, perasaan tidak puashati tetap juga ada. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa mengkaji perkara ini dan pada masa ini mendapati bahawa tidak perlu diadakan mahkamah rayuan selepas daripada keputusan yang dibuat oleh

Mahkamah Perusahaan di atas kes-kes pertikaian perusahaan melainkan jika sekiranya perkara-perkara atas "point of law" di mana boleh pihak-pihak yang terlibat merujukannya ke mahkamah yang lebih tinggi iaitu Mahkamah Persekutuan. Alasan yang pada masa ini diyakini oleh pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sekiranya pertikaian-pertikaian perusahaan ini dibenarkan rayuannya berlanjutan daripada satu mahkamah ke satu mahkamah maka bahaya yang utamanya ialah pertikaian itu akan berlanjutan, maka semua pihak sama ada pekerja, majikan, atau negara sendiri, akan sama-sama menerima kerugian kita seboleh-bolehnya akan berikhtiarkan menghindarkan daripada sesuatu pertikaian perusahaan itu berlanjutan.

Saya percaya jika kes-kes pertikaian perusahaan dibenarkan dibawa kepada Mahkamah Rayuan selepas daripada keputusan Mahkamah Perusahaan itu yang barangkali setengah-setengah kes itu telahpun mengambil masa daripada permulaan pertikaianya dua atau tiga tahun dan selepas itu menunggu pula lagi perbincangan dan keputusan mahkamah rayuan, mungkin pula mengambil masa setahun atau lebih, maka pertikaian perusahaan itu berlanjutan sampai 4-5 tahun dan keadaan pada masa itu juga barangkali sudah berubah, mungkin pegawai-pegawai yang mewakili Kesatuan Sekerja yang memulakan pertikaianya telah pun tidak berkuasa lagi dan Kesatuan itu telah pun diambilalih pula oleh golongan yang lain dan sebagainya. Maksud saya di dalam jangka masa yang panjang itu keadaan boleh berubah dan pertikaian yang berlanjutan itu boleh merugikan dan tidak menguntungkan sesiapa pun.

Walau bagaimanapun, Kesatuan-kesatuan Sekerja yang mewakili pekerja-perkerja yang menjadi ahli mereka boleh dari masa ke semasa memperjuangkan kepentingan

mereka, mengemukakan tuntutan-tuntutan mereka di atas perkara-perkara yang mereka tidak puas hati, dan mengikut kebiasaannya rundingan-rundingan bersama antara majikan dengan pekerja boleh diadakan pada bila-bila masa selepas daripada satu-satu kes yang diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan. Walau bagaimanapun, keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan itu adalah dianggap muktamad dan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pada masa ini tidak bercadang—saya ulangi tidak bercadang—untuk membolehkan rayuan dibuat ke mahkamah yang lebih tinggi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga menyentuh Jabatan Kilang dan Jentera berhubung dengan pemeriksaan lif-lif di rumah-rumah pangsa (flat). Saya suka menjelaskan supaya tidak timbul kekeliruan, terutama sekali di kalangan orang ramai bahawa tugas menjaga, memperbaiki lif-lif ini sebenarnya bukanlah tanggungjawab 100% Jabatan Kilang dan Jentera. Jabatan Kilang dan Jentera hanya bertanggungjawab dari segi keselamatan. Sekiranya ada aduan-aduan yang mengatakan mana-mana lif itu tidak selamat digunakan oleh orang ramai dan dilaporkan kepada Jabatan Kilang dan Jentera, maka pegawai-pegawai daripada Jabatan ini akan membuat pemeriksaan dan akan memberi arahan-arahan yang sepatutnya atau mengambil tindakan yang sepatutnya, tetapi tugas memperbaiki, menjaga ataupun menggantikan lif-lif itu kepada lif-lif yang baru adalah tanggungjawab tuan punya bangunan itu. Maka saya suka mengambil peluang di Dewan yang mulia ini menyeru kepada semua pihak yang terlibat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri supaya memahami keadaan ini dan menyeru orang ramai sama ada tuannya

bangunan atau pengguna-pengguna supaya bekerja sama menjamin keselamatan lif-lif, terutama sekali yang digunakan oleh orang ramai.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah bercakap di bawah banyak Kepala menyentuh beberapa perkara dan termasuklah juga perkara-perkara yang telah pun saya jelaskan dengan panjang lebar tadi, termasuklah skim-skim latihan untuk menyediakan tenaga kerja yang mahir dan separuh mahir. Tetapi saya sukacita mengambil peluang ini memperbetulkan satu kenyataan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu yang saya anggap tidak tepat, iaitu manakala Yang Berhormat itu mengatakan tumpuan Kerajaan terhadap skim-skim latihan ini dikurangkan dan peruntukannya dikurangkan dan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak begitu mengambil berat pada tahun 1983 akan datang ini untuk menjalankan skim-skim latihan kepada pekerja. Kenyataan ini tidaklah begitu tepat kerana jika kita lihat daripada Buku Anggaran Belanjawan, maka kita dapati Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1982 untuk Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat berjumlah \$11,053,911 tetapi Anggaran Belanja Pembangunan bagi tahun 1983 akan datang ini ditambah kira-kira 200%, iaitu menjadi \$47,622,010 dan hampir kesemua daripada peruntukan ini adalah untuk perbelanjaan pembinaan dan keperluan institut-institusi latihan perindustrian yang saya senaraikan di dalam jawapan saya sekejap tadi.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Pengerusi, bolehkah saya beri penerangan? Sebenarnya saya tidak menyatakan peruntukan dikurangkan, kenyataan saya ialah "Peruntukan yang kurang", yang tak cukup. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu, dan saya percaya ini adalah merupakan satu sokongan moral kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan mungkin pada tahun hadapan pihak Perbendaharaan akan meluluskan peruntukan yang lebih banyak lagi daripada ini.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu yang mengesyorkan supaya pusat-pusat latihan atau institut-institusi latihan ini disebarkan ke luar bandar, dan kalau tidak kita tengok daripada senarai yang saya sebutkan tadi hampir semua institut-institut itu akan dibina di kawasan-kawasan luar bandar, atau yang boleh dianggap luar bandar, seperti di Alor Setar, Kota Bharu, Melaka, Kuala Trengganu dan tidaklah seperti yang ada pada hari ini, iaitu hanya ada di Kuala Lumpur dan Perai sahaja. Ini pun boleh dianggap sebagai peringkat permulaan untuk memperluaskan latihan ini ke luar-luar bandar, iaitu ke luar dari kawasan Kuala Lumpur dan Perai.

Tuan Pengerusi, saya sangat tertarik hati atas satu pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga, iaitu berhubung dengan pelaksanaan Dasar Malaysianisasi dan Dasar Ekonomi Baru di dalam sektor pekerjaan di negara kita ini. Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan satu kesedaran bahawa adanya pegawai-pegawai asing di negara kita ini yang menikmati kemudahan-kemudahan bayaran yang berlebihan jika dibandingkan dengan pekerja-pekerja tempatan yang setaraf dengan mereka dan adanya pegawai-pegawai asing ini di setengah-setengah sektor pekerjaan boleh dianggap sebagai penghalang kepada bumiputera ataupun pegawai-pegawai tempatan, rakyat Malaysia, untuk mengambil alih tugas-tugas mereka itu

walaupun pekerja-pekerja atau pegawai-pegawai tempatan mempunyai kelayakan dan kebolehan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu juga menimbulkan kesedaran tentang adanya diskriminasi kaum yang dilakukan oleh setengah-setengah pegawai asing ini, terutama sekali yang tidak mematuhi Dasar Ekonomi Baru, yang tidak memberi peluang dan membimbing pegawai-pegawai dan kakitangan serta pekerja-pekerja bumiputera untuk mengambil alih jawatan-jawatan yang dahulunya dipegang oleh pegawai-pegawai asing. Saya tidak ingin mengambil peluang mengulas panjang atas pandangan ini dan hanya saya rasa memadai dengan saya memberi pandangan bahawa kesedaran ini bukan sahaja ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tetapi ianya merupakan satu kesedaran di merata-rata pada masa ini dan saya menyeru kepada pihak-pihak yang berkenaan sebelum tindakan undang-undang diambil oleh pihak Kerajaan, supaya mengubah keadaan ini dan mematuhi Malaysianisasi dan Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan ada menyentuh beberapa perkara dan kebanyakan daripada perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan itu telah pun saya jelaskan terdahulu daripada ini. Cuma saya ingin menyentuh satu-dua perkara sahaja secara ringkas, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Sandakan itu juga mempertikaikan keputusan Mahkamah Perusahaan, terutama sekali atas kes-kes pemberhentian kerja di mana dikatakannya kebanyakan daripada kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan itu dengan memberi pampasan atau imbuhan kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan oleh majikan mereka.

Mengikut apa yang saya difahamkan pada masa ini pihak Mahkamah Perusahaan apabila membicarakan kes-kes pemberhentian kerja ini biasanya dengan persetujuan daripada penuntut itu sendiri, iaitu daripada pekerja yang diberhentikan daripada jawatannya itu meminta supaya dibayar imbuhan ganti rugi dan sebagainya dan mereka sendiri membayangkan tidak lagi ingin kembali bekerja dengan majikan-majikan yang berkenaan itu, kerana mengikut setengah pandangan daripada pekerja-pekerja yang berkenaan, mereka rasa tidak dapat lagi mewujudkan hubungan yang harmoni antara pekerja yang berkenaan dengan majikan mereka dengan sebab berlakunya pertikaian-pertikaian yang telah pun dibawa sehingga ke peringkat Mahkamah Perusahaan dan mereka meminta supaya mereka tidak payah diterima kembali bekerja tetapi sebaliknya dibayar imbuhan yang berpatutan mengikut pertimbangan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan. Dengan sebab itulah kebanyakan daripada kes-kes seumpama ini kita dapati keputusan daripada Mahkamah Perusahaan memutuskan supaya pihak majikan membayar ganti-rugi mengikut jumlah-jumlah tertentu kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja dengan tidak mengikut peraturan yang ditentukan oleh undang-undang. Walau bagaimanapun, saya beranilah menjamin bahawa pihak Mahkamah Perusahaan akan cuba menjalankan keputusan dan penghakiman atas kes-kes pertikaian yang dirujuk kepada mereka dengan seadil-adilnya dan mereka tidaklah sekali-kali berhasrat atau berniat hendak menyebelahi mana-mana pihak yang bertikai.

Tuan Pengerusi, ada satu lagi perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan juga berhubung dengan penubuhan

NJLAC, iaitu di mana dikatakan Majlis ini tidak dihidupkan sekarang, dan sukalah saya menyatakan bahawa Ahli-ahli Majlis ini pada masa ini kebanyakannya tamat tempoh perkhidmatan mereka dan pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedang mengkaji perlantikan-perlantikan ahli yang baru dan kami juga sedang mengkaji bagi menyusun fungsi-fungsi baru yang dijangka lebih berkesan untuk Majlis ini memainkan peranannya sebagai penasihat buruh di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya akhiri ucapan dan jawapan saya ini dengan mengucapkan sekali lagi berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan inginlah menyeru supaya Ahli-ahli Yang Berhormat mengikuti contoh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya sekali sekala biarlah ada juga memuji pihak Kerajaan ini di mana tempat yang baik kerana kebanyakannya kita dapati banyak yang baik daripada yang tidak baik. Jadi mana-mana perkara yang saya tidak sentuh di sini akan diberi perhatian dan dibuat kajian yang sepatutnya dan diberi pertimbangan yang sewajarnya dan mana-mana yang sesuai, insya Allah akan dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$41,460,800 untuk Maksud B. 48 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$41,460,800 untuk Maksud B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$47,622,010 yang disebutkan dalam

Maksud P. 48 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1983 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$47,622,010 untuk Maksud P. 48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1983.

Maksud B. 49 dan B. 50 (Jadual)—

Maksud P. 49 dan P. 50 (Anggaran Pembangunan, 1983)—

Tuan Pengerusi: Maksud B. 49 dan B. 50 dan Maksud P. 49 dan P. 50 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

6.51 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di dalam Maksud B. 49, di bawah Kod 1100, Program (3) Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, pada tahun ini peruntukan yang diminta adalah amat berkurangan daripada tahun 1982 dan ini sepertimana yang kita sedia maklum bahawa dengan kemelesetan ekonomi negara kita ini maka sekali lagi Kementerian ini juga menghadapi kekurangan di dalam peruntukannya. Apa yang menarik perhatian saya tentang Alam Sekitar ini ialah kerana semakin berkemajuan negara kita dengan bertambahnya industri-industri dan dengan bertambahnya pembangunan-pembangunan yang menyeluruh maka masalah Alam Sekitar ini sudah menjadi masalah yang bukan sahaja satu masalah yang harus diberi perhatian secara tidak langsung tetapi seharusnya mendapat perhatian yang serius daripada pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini.

Selalu kita kedapatan di dalam akhbar-akhbar ataupun di dalam Mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah, Mesyuarat-mesyuarat Tindakan Negeri kerap kali dibangkitkan masalah pencemaran alam sekitar yang terdapat daripada sumber-sumber perkilangan ataupun daripada perusahaan-perusahaan yang sedang maju di negara kita sekarang. Dengan hal yang demikian ianya sudah menjadi satu masalah.

Misalnya, di Kuala Kedah pada satu ketika dahulu dengan adanya kilang racun yang dibuat di Kuala Kedah masalah pencemaran dari bahan-bahan beracun ini telah mengalir ke dalam sawah-sawah dan di dalam pengairan-pengairan di kawasan sekitarnya. Hal ini kerap dibangkitkan dan apa yang menjadi masalahnya oleh kerana pihak Kementerian ini sehingga masa ini masih lagi belum dapat mewujudkan Jabatan Alam Sekitar ataupun pegawai-pegawai yang bertugas khusus di bidang Alam Sekitar ini di negeri Kedah dan hanya berada di Pulau Pinang sahaja.

Semasa Yang Berhormat bekas Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dahulu beliau pernah berjanji yang pihak Kementerian ini akan memberi keutamaan untuk menubuhkan Jabatannya di Pulau Pinang dan menyediakan pegawai-pegawainya yang mencukupi untuk menguruskan masalah pencemaran alam sekitar ini terutama sekali bagi negeri-negeri di sebelah utara. Jelasnya sehingga sekarang ini saya percaya masih lagi belum tertunai segala kehendak-kehendak ini dan dengan adanya banyak kilang-kilang telah membawa banyak pencemaran terhadap saluran-saluran pengairan, terhadap sungai-sungai yang mana ianya membawa kesan kepada mata pencarian rakyat kerana memusnahkan ikan-ikan ataupun memusnahkan perkembangan projek-projek perikanan, seperti Penternak

Ikan Dalam Sangkar yang sedang dimajukan sekarang terutama sekali di dalam Sungai Merbuk di Kedah.

Oleh yang demikian, saya berharaplah pihak Kementerian ini mengambil perhatian yang serius supaya dapat mewujudkan ramai pegawai-pegawai yang dapat melaksanakan tugas-tugasnya dengan sepenuh masa dan bukan sahaja merupakan pegawai-pegawai yang menjalankan tugas dan peranannya sebagai sambil lewa sahaja. Bukanlah saya hendak memperkecil-kecilkan tentang tugas dan peranannya tetapi kalau sekiranya kawasan yang ditugaskan untuk seseorang pegawai itu menjalankan tugasnya begitu luas dan sudah tentulah ianya tidak dapat kesempatan untuk menjalankan tugasnya dengan lebih sempurna.

Misalnya, kalau di kawasan utara hanya ditempatkan pegawai yang bertanggungjawab kepada masalah Alam Sekitar di Pulau Pinang sahaja sedangkan keadaan perkembangan kemajuan-kemajuan perkilangan di Pulau Pinang, di Kedah dan di Perlis sudah cukup membuktikan bahawa kemampuannya adalah terhad dan kalau sekiranya tidak diadakan perubahan bagi mengatasinya sudah pastilah tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh orang ramai dan masalah-masalah yang menjadi perkara dibangkitkan di dalam Mesyuarat-mesyuarat Tindakan Negeri dan juga Mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah.

Pada tahun ini dengan peruntukan yang berkurangan sekali lagi saya menyatakan kebimbangan saya apakah dengan adanya pegawai seramai 370 orang pada tahun 1982 dan pada tahun ini juga pegawai-pegawai yang sama sedangkan peruntukan sudah berkurangan daripada \$3,622,000 kepada \$2,530,000 sahaja. Ini mencerminkan kemungkinan membawa kekesanan

terhadap sejauh manakah perancangan dan prestasi di bawah Maksud Alam Sekitar ini dapat disempurnakan segala perancangan dan strategi yang diatur. Dengan yang demikian saya berharap supaya pihak Kementerian ini dapat mengemukakan kepada pihak Kerajaan bagi dapat menambahkan lagi peruntukannya di masa akan datang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat sila sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang Dipertua: Majlis ditangguhkan sehingga jam 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.